

# Mingguan Amanah



**LANGGAN MINGGUAN AMANAH SEGERA!**  
**PERCUMA T-SHIRT**  
untuk urusan Langganan  
☎ 011 3233 4322

**Hudud tidak ada dalam manifesto Pas**



**Bersubahat kalau undi pemimpin rasuah**



**Kingmaker untuk pastikan BN berkuasa**



# RAKYAT TOLAK GST



**SEMPENA** ulang tahun ketiga pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) 1 April ini, Pakatan Harapan (PH) mengajak rakyat berkempen menolak cukai yang telah mendatangkan beban kenaikan kos sara hidup kepada mereka selama ini. PH akan mengeluarkan mekanisme kempen ini minggu depan untuk dilaksanakan serentak oleh rakyat.

**PIMPINAN PH** mengumumkan pelancaran kempen "Rakyat Tolak GST" yang akan diadakan serentak 1 April depan.


→ Laporan penuh muka 2

**PROMOSI TERBARU!!**

**DAPATKAN SEGERA**

☎ 01132334322  
untuk urusan pembelian

HANYA RM 30





# PH kempen 'Rakyat Tolak GST' 1 April

**P**AKATAN HARAPAN (PH) akan menganjurkan kempen 'Rakyat Tolak GST' sempena tiga tahun pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) yang dilaksanakan kerajaan Umno-BN itu.

Kempen itu dijangka akan diadakan seluruh negara pada 1 April 2018 ini.

Pengerusi PH Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, kempen tersebut diadakan untuk rakyat menyatakan penolakan terhadap GST yang sebenarnya membebankan rakyat kerana menyebabkan kenaikan kos sara hidup sejak ia dilaksanakan pada 1 April 2015.

"Kita akan ada kempen untuk menyatakan rakyat tolak GST pada 1 April ini di seluruh negeri," ujarnya dalam sidang media yang diadakan di Bilik Ketua Pembangkang di bangunan Parlimen 20 Mac lepas.

Turut hadir Presiden PH Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, Timbalan Presiden PH dan pimpinan parti dalam gabungan PH.

Bagaimanapun PH tidak menjelaskan spesifik program yang akan dianjurkan itu kerana sidang media khusus mengenainya



Pemimpin PH mengumumkan kempen Rakyat Tolak GST baru-baru ini yang akan dilancarkan pada 1 April depan.

akan diadakan dalam waktu terdekat.

Kerajaan Umno-BN berpendapat kutipan GST sebanyak RM41 bilion setahun yang di-

kutip membolehkan kerajaan menampung banyak perbelanjaan yang diperlukan untuk kepentingan rakyat.

Bagaimanapun parti pembangkang menolak cadangan pelaksanaan GST apabila menyifatkan ia akan membebankan rakyat berpendapatan rendah.

Namun dalam manifesto PH antara lain-dia diumumkan jika PH berjaya mengambil alih kerajaan, GST akan dihapuskan dan mengawal harga barangan.

Terakhir Pas menerusi Manifesto Gagasan Sejahtera pada Ahad lalu turut menyatakan akujanji jika parti itu menang dalam pilihan raya ke 14 akan melaksanakan penghapusan GST dan menggantikannya dengan sistem percukaian yang lebih adil.

Ketika ditanya mengenai manifesto Pas melalui Gagasan Sejahtera mahu menghapuskan GST, Dr Mahathir mempersoalkan hasrat Pas itu.

"Benarkah Pas menyokong hapuskan GST?"

"Saya tidak tahu sama ada dia (Datuk Seri Abdul Hadi Awang, Presiden Pas) faham atau tidak persoalan mengenai GST ini," ujarnya menjawab media.

## Bersubahat kalau undi pemimpin rasuah, kata Rafidah

**BEKAS** menteri kabinet Tan Sri Rafidah Aziz mengingatkan rakyat Malaysia agar tidak mengundi pemimpin politik yang korup.

Beliau berkata, tindakan memilih pemimpin yang rasuah itu samalah seperti membenarkan salah laku yang dilakukan ahli politik berkenaan.

Dalam satu tulisannya di Facebook, bekas menteri perdagangan itu turut memberi amaran bahawa rakyat Malaysia akan "bersubahat" dengan perbuatan rasuah dan pengkhianatan sekiranya mereka secara sukarela mengundi ahli politik yang korup.

"Wahai rakyat Malaysia, sila ingat kata-kata peringatan ini. Rakyat yang terus memilih ahli politik yang korup atau rasuah, yang menyamar (sebagai terbaik), pencuri dan pengkhianat, tidak menjadi mangsa. Sebaliknya mereka dianggap sebagai bersubahat."

**Wahai rakyat Malaysia, sila ingat kata-kata peringatan ini. Rakyat yang terus memilih ahli politik yang korup atau rasuah, yang menyamar (sebagai terbaik), pencuri dan pengkhianat, tidak menjadi mangsa. Sebaliknya mereka dianggap sebagai bersubahat."**

"Ini kerana secara langsung, rakyat itu membenarkan (ahli politik terbabit) terus melakukan perkara yang tidak betul," kata Rafidah.

Turut menyertai Rafidah mengkritik kerajaan adalah Datuk Seri Rais Yatim, bekas menteri kabinet yang juga penasihat kebudayaan kerajaan.

Rafidah dilihat semakin lantang mengkritik kerajaan, dengan kritikan terbaharu disasarkan terhadap blogger pro-BN, Raja

Petra Kamaruddin, yang menuduh Rafidah menyalahgunakan permit yang diluluskan (AP) ketika ia menjadi menteri perdagangan antarabangsa.

Rafidah menganggap pembongkaran terhadapnya itu merupakan cubaan untuk mengalihkan isu sebenar yang dihadapi negara, dan menuduh blogger itu dibayar untuk mengkritik dirinya.

Sebelum ini Rafidah menyelar pihak berkuasa kerajaan kerana tidak proaktif dalam mengesan

kapal mewah The Equinimity, selepas pihak berkuasa Indonesia merampas kapal berkenaan di Bali atas permintaan Biro Penyiasatan Persekutuan Amerika Syarikat (FBI).

Rafidah mempersoalkan mengapa pihak berkuasa tidak dapat mengesan kapal terbabit sedangkan beliau menemuinya ketika

menjalani aktiviti selam skuba di Thailand tahun lalu.

Pada Januari tahun ini, Rafidah turut menyelar polis kerana menjalankan siasatan terhadap isteri bekas perdana menteri Dr Mahathir Mohamad, Dr Siti Hasmah Mohd Ali berhubung perhimpunan wanita di ibu negara.

## Hudud tidak ada dalam manifesto Pas

**WALAU**PUN sebelum ini Pas menyalahkan DAP kerana menentang pelaksanaan hudud ketika parti itu dalam Pakatan Rakyat, namun selepas menjadi parti utama dalam Gagasan Sejahtera (GS), tidak ada agenda hudud diutarakan parti Islam itu.

Pas dan GS melancarkan manifesto bertemakan 'Malaysia Sejahtera' pada 18 Mac lalu tanpa menyenaraikan pelaksanaan hudud sebagai akujanji untuk rakyat pada Pilihan Raya Umum ke-14 akan datang.

Yang disenaraikan Pas dan GS dalam 20 perkara dalam manifestonya termasuk menghapuskan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST), mengurangkan jenayah, menstrukturkan semula kadar tol melebihi 15 tahun dan menghapuskan pinjaman pelajar.

Timbalan Presiden Pas Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man berkata GST akan digantikan dengan cukai ke atas simpanan korporat dan keuntungan modal di Bursa Malaysia.

GS adalah gabungan Pas sebagai parti utama bersama Parti Ikatan Bangsa Malaysia (Ikatan), Jemaah Islamiah SeMalaysia (Berjasa), dan Parti Cinta Malaysia (PCM).

Manifesto yang bertemakan 'Malaysia Sejahtera' ini telah dilancarkan oleh Presiden Pas Datuk Seri Abdul Hadi Awang di Cyberjaya.

Sebelum ini, Pas mendakwa parti itu tidak bersama dengan Pakatan Harapan (PH) kerana ada DAP yang menentang pelaksanaan hudud dan AMANAH yang mengkhianati Pas.

Pas juga sebelum ini mengangap hudud adalah nyawa mereka, namun selepas mempunyai kuasa dan tidak ada penentang, ia tidak dimasukkan dalam manifesto pilihanraya mereka.





# AMANAHAH sertai konvensyen solidariti Palestin

**K**UALA LUMPUR: Membuktikan kesungguhan terhadap perjuangan pembebasan Palestin, AMANAHAH tidak pernah ketinggalan menyertai persidangan sama ada di peringkat nasional mahupun antarabangsa.

Pada 11 hingga 14 Mac lalu, AMANAHAH menyertai konvensyen sedunia ke-4 Solidariti Bersama Palestin di Lubnan anjuran Global Campaign To Return To Palestine.

AMANAHAH diwakili Penasihat Umum Ustaz Ahmad Awang dan timbalannya Ustaz Abdul Ghani Samsuddin.

Konvensyen bertemakan Baitul Maqdis Ibu Negara Palestin yang dirasmikan Mufti Besar Al-Quds dan Menteri Palestin Sheikh Mohammad Hussein itu disertai oleh ulama, tokoh pemikir, aktivis kemanusiaan serta wakil badan-badan kerajaan (NGO) dari seluruh dunia.

Ia turut dihadiri pejuang hak Palestin bukan beragama Islam dari Eropah, Amerika Syarikat, Amerika Latin, Kanada, Cuba dan India.

Turut hadir pada konvensyen itu

termasuk cucu kepada tokoh kedamaian India, Mahatma Gandhi dan bapa kepada Rachel Corrie, gadis dari Olympia, Washington, Amerika Syarikat yang terbunuh dilanggar jentolak tentera Israel serta ibu kepada Thomas Hurndall, warga British yang ditembak tentera Israel semasa menentang pendudukan Israel di Gaza pada 2003.

Lebih menarik, turut menyertai konvensyen itu dua rabai Yahudi dari New York yang mendukung perjuangan Palestin.

Mereka berpendirian bahawa agama Yahudi tidak membenarkan bumi Palestin dijadikan ibu negara Zionis kerana bercanggah dengan ajaran agama mereka.

Ustaz Ahmad Awang ketika ditemui berkata, 11 resolusi bersama telah dicapai pada persidangan itu yang antara lain menyokong gerakan penentangan terhadap kekejaman zionis Israel terhadap Palestin dan juga menggerakkan kempen pulang beramai-ramai ke Palestin.

"Sepatutnya Tun Dr Mahathir Moham-



Ustaz Ahmad Awang di majlis perisytiharan deklarasi Konvensyen yang diadakan di garis sempadan Lubnan-Palestin.

ad menjadi tetamu khas dalam persidangan ini tetapi beliau berhalangan dengan kesibukan persiapan PRU14.

"Namun ucapannya melalui video yang disiarkan secara langsung pada sidang penutup konvensyen itu bersama-sama ucapan Presiden Hamas, Ismail Haniyeh cukup membangkitkan semangat kesatuan untuk terus memperjuangkan hak

Palestin," katanya.

Kesemua peserta juga di bawa ke Maroun al-Ras, kawasan pergunungan Selatan Lubnan yang bersempadan dengan Palestin di mana deklarasi dan resolusi konvensyen dibaca di situ sebagai simbolik mengisytiharkan perjuangan rakyat Palestin yang didukung oleh seluruh masyarakat dunia.

# Doa Pas Selangor perlekeh parti sendiri

Oleh **ARIF ATAN**

**SHAH ALAM:** Pas sudah sampai ke tahap menghina Sultan, institusi dan masyarakat Islam di Selangor apabila ada pemimpinnya mendakwa negeri itu "dijajah dengan suasana yang tidak cara agama".

Pengerusi AMANAHAH Selangor, Ir Izham Hashim berkata, doa sempena sambutan 10 tahun Pas berada dalam kerajaan negeri itu jelas bercanggah dengan pesanan Nabi Muhammad s.a.w. agar umatnya saling mendoakan kesejahteraan.

"Dia menghina bukan saja Sultan bahkan semua orang Islam di Selangor. Antara pesanan Rasulullah s.a.w. kepada umatnya ialah sebarkan salam.

"Salam itu doa kesejahteraan. Kita dituntut mendoakan kesejahteraan.

"Tapi bagaimana Pas mengambil pendekatan doa laknat terhadap saudara seagama? Ini perkara serius. Islam yang bagaimana Pas bawa?"

"Apakah Pas sekarang ini hanya mahu mengheret masyarakat kita ke kancang kebencian, permusuhan dan penghinaan sesama Islam?" ujarnya ketika dihubungi.

Menurutnya, doa yang dipimpin Timbalan Ketua Dewan Ulamak Pas Selangor, Ahmad Dusuki Abd Rani itu sebenarnya turut memperlekeh peranan mereka sendiri dalam kerajaan negeri.

"Sejak tahun 2008 lagi, Pas ada lebih kurang 6,000 pimpinan dan ahlinya yang memegang pelbagai jawatan daripada Exco yang juga memegang portfolio agama Islam sehingga di peringkat Adun, ahli majlis dan ketua kampung.

"Bahkan, sebahagian besar pentadbiran masjid dan surau di Selangor dikuasai oleh pimpinan dan ahli Pas.

"Jadi mereka mempunyai ruang seluas-luasnya dengan peruntukan kerajaan negeri yang sentiasa bertambah. Banyak peruntukan dan ruang yang boleh dimanfaatkan untuk rakyat.

"Kenapa tiba-tiba sekarang Selangor boleh jadi 'dijajah dengan suasana yang tidak cara agama? Apa Pas buat selama 10 tahun ini? Mereka pun tidak mengikut cara agamakah?" bidasnya.

Lebih menghairankan, katanya, Dusuki sendiri seorang ahli Majlis Bandaraya Shah Alam



**IR IZHAM HASHIM**

(MBSA) yang turut mempunyai elaun dan kuasa untuk melaksanakan apa yang terbaik untuk rakyat.

"Apa yang dia buat selama ini selain doa yang melampau itu? Mesyuarat pun tercorot kehadiran," tempelaknya.

Beliau juga menegaskan perbezaan daripada segi politik tidak harus dijadikan alasan untuk menghina dan mendoakan keburukan satu sama lain.

"Kita boleh berbeza politik kepartian. Berbeza kumpulan tidak harus memusnahkan silaturrahim antara satu sama lain. Kita hanya berbeza parti sahaja.

"Bila Pas mendoakan kehan-

curan kepada musuh politiknya jelaslah Pas sekarang menganggap siapa yang di luar Pas sebagai musuh Islam atau tidak beragama.

"Ini satu unsur pelampau yang dibimbangi boleh membawa kepada perbalahan dan permusuhan yang besar dalam kalangan masyarakat kita," tegasnya.

Sehubungan itu, Izham berkata, Pas perlu kembali mengamalkan pendekatan budaya hujah jika benar mengaku sebagai parti Islam.

"Berbeza pandangan politik ini, kita berhujahlah. Hujah balas dengan hujah bukan dengan memainkan sentimen agama

dan menghina orang.

"Pas sendiri kononnya membawa gagasan politik matang dan sejahtera. Macam mana nak matang kalau tidak boleh berhujah dengan pihak lain?" soalnya.

Menurutnya, rakyat sedang menilai peribadi pemimpin dan polisi parti politik mana yang membawa kebaikan dan kesejahteraan pada masa depan.

"Semua aspek ini diukur oleh rakyat untuk dipilih sebagai pemimpin tapi Pas tidak nampak kewajarannya untuk dipilih sebagai pemimpin.

"Kalau setiap hari berbalah dengan orang lain, memfitnah dan membawa unsur-unsur perpecahan, di mana kelayakan untuk memimpin umat dan negara?" katanya.

Justeru, beliau mengingatkan rakyat perlu menolak unsur-unsur ekstremisme dan gejala takfiri yang menjadi mainan Pas ketika Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) semakin hampir ini.

"Rakyat terutama di Selangor perlu tolak Pas. Kita beri peluang pada Pakatan Harapan yang berusaha membawa budaya politik lebih sihat," tambah Izham lagi.

## Minda Pengarang

### PH sudah sedia kemukakan calon terbaik

**PAKATAN HARAPAN** sedang bersiap sedia untuk menghadapi Pilihan Raya Umum ke-14 yang semakin dekat.

Segala tanda sudah menunjukkan bahawa hari penentuan itu sudah sangat dekat dan PH sudah menyediakan para calon terbaiknya.

Setelah mengumumkan manifestonya yang mengandungi ikrar untuk dilaksanakan jika memenangi PRU14 itu, kini Pakatan Harapan sedang mempersiapkan calonnya untuk bertanding di peringkat Parlimen dan Dun seluruh negara.

Kita yakin, Pakatan Harapan mempunyai kemampuan yang cukup bagi menyediakan para calonnya yang berkualiti, bukan saja dari segi akademiknya, pengalamannya, ketrampilannya bahkan juga mempunyai peluang besar untuk menang, justeru tokoh yang akan dikemukakan sudah sangat terbiasa berada di tengah rakyat.

Para calon dari PH ini datang dari pelbagai latar belakang dan pengalaman perjuangan politik masing-masing, sama ada dari PKR, DAP, AMANAH dan Pribumi. Oleh itu mereka tahu bukan saja demografi pengeundi, kecenderungan mereka tapi juga suasana persekitaran.

Kita mengharapkan tidak akan berlaku penipuan dalam apa bentukpun. Juga diharapkan PRU14 kali ini tidak dicemari isu-isu perkauman, ekstremisme agama, kelompok dan sebagainya.

Tidak juga dicemari oleh gejala tidak sihat yang hanya akan mencemarkan demokrasi di Malaysia. Walau pertarungan berapa penjurukan sekalipun, biar ia berada dalam keadaan aman.

Biarlah ikrar dan janji dalam manifesto masing-masing yang akan berbicara dengan pengundi dan terpujulah kepada pengundi untuk menentukan

haknya.

Dalam masa yang sama kita berharap, isu persempadanan semula akan dapat diselesaikan dengan penuh demokratik.

PRU14 ini telah menjadi perhatian seluruh rakyat Malaysia, bahkan juga oleh pemerhati luar negara dan media antarabangsa.

Justeru Malaysia sudah demikian terkenal hampir di seluruh dunia oleh pelbagai peristiwa yang telah diketahui umum. Oleh itu semua pihak kini memfokuskan suasana politik di negara ini.

Seperti dikatakan, kini Pakatan Harapan sudah menentukan bakal calonnya, yang dikira terbaik, justeru mereka akan berdepan dengan rakyat untuk dipilih.

Calon Pakatan Harapan ini, antara lain, akan berbekalkan Manifesto PH yang sudah disyiharkan minggu lalu oleh Pengerusi Pakatan Harapan, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Dengan itu, apabila calon Pakatan Harapan berada di tengah rakyat nanti, maka manifesto ini akan membantu berbicara tentang ikrar dan hasrat Pakatan untuk membawa perubahan kepada negara ini jika menang dalam PRU14 nanti.

Kita yakin, rakyat – bandar dan luar bandar – termasuk di kawasan Felda, yang selama ini menjadi kubu kuat Umno/BN, akan turut membawa perubahan dengan memberi sokongan kepada calon Pakatan Harapan. Mega pembangkang ini telah berjanji dalam manifestonya untuk membawa perubahan lebih baik kepada kehidupan peneroka dan rakyat seluruhnya.

Bukan kehidupan para peneroka Felda saja yang akan diberi perhatian, bahkan kepada seluruh rakyat Malaysia yang kini kehidupan mereka sangat terkejut atas pelbagai sebab yang sudah diketahui umum.

# Pemikiran takfiri tidak pernah padam

**ANTARA** lafaz doa Ustaz Dusuki Abdul Rani ialah, "Hancurkan tentera Ahzab Pakatan, hancurkan kekuatan mereka, jadikan perpecahan di kalangan mereka."

Saya yakin, ungkapan pakatan dalam doa ini disasarkan kepada Pakatan Harapan, berdasarkan lafaz doa yang dibacakan sebelum lafaz ini.

Perang Ahzab adalah perang orang Islam menentang tentera bersekutu kafir yang berhasrat meranapkan Madinah.

Dusuki nak kata PH sama macam tentera Ahzab yang lawan Nabi? Dia juga nak kata Pas seperti tentera Nabi?

Selepas ketuanya menyamakan parti yang bertahaluf siyasi dengan DAP sebagai "lembu kenyang", dia pula samakan PH dengan tentera Ahzab.

Begitulah Pas kini. Pemikiran

takfiri terus segar menjulang dan menjalar diberi baja oleh "ulama haraki" parti itu.

Sebagaimana Ustaz Abdul Hadi Awang tidak meminta maaf terhadap amanatnya, anak buahnya pula terus menyuburkan semangat amanat itu.

Berannya Dusuki mendoakan kemusnahan untuk orang lain.

Lupakah dia, orang PH yang didoakan dengan kemusnahan itu adalah saudara seagamanya?

Allah adalah Tuhan semua makhluk, bukan Tuhan Dusuki dan orang Pas saja.

Kasih-sayang Allah kepada semua hamba-Nya pasti mengatasi kebencian Dusuki kepada saudara seagamanya sendiri.



Pencerahan Minggu  
**TANWEER  
USBU'II**

**USTAZ ZOLKHARNAIN ABDIN**  
Pengaruh Hal Ehwal Syariah AMANAH

## KEWAJIPAN MENENTANG ALIRAN PELAMPAU KHAWARIJ SEPANJANG ZAMAN

Khawarij merupakan puak yang berpolitik menggunakan nama agama dengan mengkafirkan atau menganggap sebagai musuh Islam pihak yang tidak menyokong mereka.

Alasan mereka kononnya hendak menegakkan 'hukum Islam' (mengikut tafsiran mereka).

Sepanjang sejarah mereka telah berperang sesama Muslim atas nama 'politik, agama' iaitu mereka merupakan puak yang hendak menegakkan Islam dan penentang mereka merupakan musuh agama.

Natijahnya betapa ramai pihak yang mereka hukum sebagai 'musuh Islam' kerana tidak menyokong hasrat politik Islam ala mereka.

Nabi Muhammad s.a.w. memberi amaran tentang kemunculan mereka dan menyuruh kita menentang mereka.

Sayyidina Ali bin Abi Talib dan para sahabat Nabi s.a.w telah memainkan peranan mereka memerangi kelompok yang sesat ini.

Maka menjadi kewajipan umat selepas mereka menentang aliran pelampau Khawarij ini yang muncul sepanjang zaman.

**DR MOHD ASRI ZAINUL ABIDIN**





# AMANAHA Selangor miliki calon berkualiti

Berita yang sangat menggembarakan ialah hampir selesainya rundingan pembahagian kerusi Dun, Selangor yang dilihat sebelum ini sangat kritikal atas sebab yang diketahui ramai. Maklumlah Selangor negeri terkaya di Malaysia yang kini berada dalam wilayah Pakatan Harapan, bukan lagi Pakatan Rakyat. Maka demografi politiknya tentu sekali berubah.

Pengumuman yang dibuat oleh Pengerusi AMANAHA Selangor, Ir. Izham Hashim mengenai pembahagian kerusi, sekurang-kurangnya untuk AMANAHA di Selangor, sangat melegakan.

Di sinilah kita melihat ketabahan, kesabaran dan kebijaksanaan Ir. Izham dan team rundingannya sehingga berhasil, walaupun belum sepenuhnya.

Menurut pengumuman Pengerusi AMANAHA Selangor itu, AMANAHA dijangka akan memperoleh sekurang-kurangnya 12 kerusi daripada 52 kerusi Dewan Undangan Negeri (Dun) Selangor dalam PRU14 akan datang.

Sebanyak 6 kerusi daripada 52 kerusi masih lagi bertindih membabitkan tuntutan oleh empat parti gabungan dalam Pakatan Harapan (PH).

Ir. Izham berkata, sebanyak tiga kerusi yang dituntut AMANAHA iaitu di Lembah Jaya, Sri Serdang dan



Sungai Burung masih bertindih.

Manakala tiga lagi kerusi di Dusun Tua, Kota Damansara dan Sungai Panjang dituntut PKR, Bersatu dan DAP.

"Masih ada enam kerusi yang bertindih belum selesai rundingan di mana tiga kerusi dituntut AMANAHA. Jika rundingan ini selesai AMANAHA akan dapat 12 kerusi negeri."

"Kami (Pakatan Harapan) akan muktamadkan pada minggu hadapan," ujarnya ketika ditemui.

Sebanyak sembilan kerusi yang telah diagihkan kepada AMANAHA adalah di Bangi, Morib, Hulu Kelang, Chempaka, Taman Templer, Paya Jaras, Sabak, Meru dan Hulu Bernam.

Bagi kerusi Parlimen di Selangor, AMANAHA memperoleh 5 kerusi iaitu Shah Alam, Sepang, Kota Raja, Kuala Selangor dan Hulu Langat yang diumumkan dalam Konvensyen Pakatan Harapan pada 7 Januari, AMANAHA diberikan 27 kerusi Parlimen bagi seluruh negeri.

Bagaimanapun katanya, PH Selangor telah sepakat untuk menukar kerusi yang diagihkan di saat akhir apabila persempadanan semula kawasan pilihan raya oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) diluluskan kabinet.

"Kita akan tengok balik keputusan kerajaan mengenai persempadanan ini yang akan diluluskan kelak. Kawasan mana yang akan terlibat, Pakatan Harapan Selangor



bersedia untuk 'switching' kerusi jika perlu 'suka sama suka' untuk kawasan yang terbabit," ujarnya yang pastinya tidak akan mengubah bilangan kerusi yang telah diagihkan kepada setiap parti.

Mengenai barisan calon AMANAHA di Selangor, Ir. Izham berkata,

gandingan pelbagai peringkat usia dan pengalaman yang memenuhi ciri 'calon kebolehtandingan' (*win-able candidate*) menjadi kriteria untuk calon yang akan ditonjolkan AMANAHA di Negeri Selangor.

Ia akan seimbang - ada wanita, anak muda dan orang lama yang sudah berpengalaman menjadi wakil rakyat sebelum ini.

AMANAHA nampaknya tiada masalah untuk mencari calon dan jentera kita yang paling aktif dan akan

pengundi terhadap Pakatan Harapan untuk terus kekal berkuasa di negeri itu.

Begitu juga dengan 45 kerusi Dun di Selangor yang didasarkan Pas bersama blok ketiga Gagasan Sejahtera ujanjarnya lagi, tidak akan menggugat kekuatan Pakatan Harapan dalam PRU14 kali ini. Isu air bukan sahaja di Selangor, ada juga masalah di negeri lain termasuk Pahang.

Ir. Izham melihat Pas tidak akan mampu membawa sebarang persaingan kali ini kerana Pas tidak dapat sokongan kaum lain.

Pengundi dalam kalangan orang Melayu juga keliru mengenai. Pengundi maklum situasi terkini bahawa Pakatan Harapan akan lawan BN tetapi Pas sebuah parti pembangkang sebenarnya hendak melawan siapa.

Beliau dijangka akan bertanding di kerusi Dun Chempaka pada PRU14 nanti.

Pada PRU13 lalu, N21 Dun Chempaka menyaksikan pertandingan dua penjuror antara Pas dan BN yang membawa kemenangan kepada wakil rakyat Datuk Iskandar Abdul Samad yang menang majoriti 21,117 menewaskan Muhd Faizal Sufar (BN).

bersama tiga rakan parti dalam gabungan untuk memantapkan Pakatan Harapan di Selangor ini.

Berkaitan isu yang dimainkan Umno-BN sejak akhir-akhir ini termasuklah terkini krisis air di Selangor, Izham optimis isu itu tidak akan menjejaskan sokongan

## Apa diperlukan untuk laksana perubahan sebenar?

Oleh MUSTAFA K. ANUAR

**K**artunis politik, Zunar menegaskan bahawa beliau akan terus mengkritik kerajaan walaupun jika Pakatan Harapan (PH) berkuasa. Ini adalah permulaan yang baik dalam membincangkan perubahan politik.



Kartunis, pengkritik, ahli akademik, penganalisis bebas dan rakyat Malaysia yang prihatin patut diberi platform dan kebebasan untuk menjalankan hak mereka dalam memastikan kerajaan bertanggungjawab.

PH menjanjikan perubahan politik dan reformasi institusi,

maka memang patut jika PH diperhatikan dengan rapi oleh masyarakat sekiranya ia berjaya membentuk kerajaan selepas pilihan raya umum ke-14.

Oleh sebab itulah, undang-undang seperti Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (yang disebut oleh PH baru-baru ini) patut dimansuhkan dan bukan setakat dipinda.

Galakan juga perlu diberikan kepada penerbitan media lebih kecil untuk meraikan perbezaan politik, sosial dan budaya, selain menjaga kepentingan golongan minoriti.

Ia haruslah diiringi dengan langkah meluluskan Akta Kebebasan Maklumat bagi membuktikan keikhlasan kerajaan dan juga meningkatkan nilai kebebasan bersuara dan kebebasan maklumat sebagai asas demokrasi.

Pemisahan kuasa juga tidak harus dibangkitkan sebagai modal kempen sahaja. Ia perlu diperkukuh agar badan eksekutif, perundangan dan kehakiman

dapat menyemak dan menyeimbangkan kuasa masing-masing untuk mengelakkan penyalahgunaan, tanpa mengira siapa yang akan menjadi kerajaan.

Sekiranya idea ini diusahakan dengan bersungguh-sungguh, maka Parlimen boleh menjadi medan perbincangan dan bukan untuk mengelakkan isu seperti skandal 1MDB dan laporan Unicef mengenai kanak-kanak daif dan kurang zat makanan.

Pada masa sama, pembuat undang-undang juga perlu diingatkan bahawa undang-undang dibuat untuk memperkuat rakyat dan bukannya untuk melemahkan atau mencucuk hidung mereka - seperti yang banyak terbukti diamalkan di negara ini.

Undang-undang juga perlu digubal demi kepentingan dan kebajikan rakyat, dan bukannya untuk segelintir sahaja.

Kerajaan yang membawa perubahan sebenar tidak seharusnya berfikir bahawa cara untuk mengekalkan keamanan adalah

dengan menyekat kritikan melalui tapisan dan cara yang mencurigakan.

Ia patut membina persekitaran yang membolehkan idea berkembang, dibincang, dan dibahaskan dengan cara sepatutnya dalam masyarakat yang bertamadun dan demokratik. Kebebasan intelek harus dihormati.

Dalam bidang akademik, para pelajar sebagai contoh, tidak harus dihukum, didenda dan digantung pengajian hanya disebabkan pendapat mereka yang tidak sama dengan kerajaan.

Dengan kata lain, pihak berkuasa universiti tidak harus bertindak dalam cara yang memberi gambaran kepada umum bahawa mereka meninggalkan keupayaan berfikir apabila mendapat kuasa mentadbir di universiti.

Tidak perlu disebutkan bahawa universiti perlu seharusnya menjadi tempat di mana pandangan bertentangan adalah sebahagian daripada kehidupan akademik, dan tidak dipandang sebagai

perkara tidak normal, atau lebih teruk lagi sebagai jenayah.

Begitu juga dengan institusi akademik seperti Majlis Profesor Negara. Ia patut membebaskan diri dari gambaran umum bahawa kewujudannya hanyalah untuk memberi keabsahan kepada pandangan dan tindakan kerajaan.

Buku termasuk buku kartun, tidak harus diharamkan hanya kerana tidak senada dengan pandangan kerajaan.

Seperkara lagi, pembangkang tidak harus dilihat dan dianggap sebagai perkara yang tidak diperlukan kerana ia adalah institusi yang sah dalam demokrasi yang maju. Bukannya satu gangguan yang patut dipersenda atau ditindas.

Rakyat Malaysia kali ini berharap pada satu perkara yang lebih daripada perubahan pemain politik yang membawa skrip sama.

(Petikan dari *The Malaysian Insight*)



# Najib yang berkuasa PH pula yang salah, Syed Saddiq

**KUALA LUMPUR:** Ketua Pemuda PPBM Syed Saddiq Syed Abdul Rahman hairan dengan sikap Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang yang meletakkan punca masalah ekonomi negara kepada bekas pemimpin Umno yang kini bersama Pakatan Harapan (PH) sedangkan negara masih ditadbir BN.

Mengulas kenyataan pemimpin Pas itu, Syed Saddiq berkata adalah sesuatu yang menghairankan jika para pemimpin PH dipersalahkan ekoran keadaan ekonomi negara yang buruk sedangkan negara diterajui Pengerusi BN dan Presiden Umno Datuk Seri Najib Razak.

"Perdana Menteri (PM), Najib. Menteri Kewangan, Najib. Pengerusi 1MDB, Najib. Yang memegang tampuk kuasa 'almost

10 years now', Najib.

"Tetapi pemimpin HARAPAN (PH) pula yang disalahkan," katanya di laman Twitter.

Beliau sebaliknya menyarankan PH diberi tempoh lima tahun untuk memerintah dan gabungan politik itu akan membuktikan kepada rakyat bahawa mereka mampu menjadikan Malaysia kembali gemilang.

Namun kata beliau, sekiranya gagal rakyat boleh menolak PH.

Dalam perkembangan berkaitan, petikan wawancara Presiden Pas berkenaan isu Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) menjadi tular di media sosial.

Pemimpin nombor satu Pas itu dilihat gagal menjawab soalan dikemukakan Ketua Penerangan Dewan Pemuda Pas Pusat,

**“Perdana Menteri (PM), Najib. Menteri Kewangan, Najib. Pengerusi 1MDB, Najib. Yang memegang tampuk kuasa 'almost 10 years now', Najib. Tetapi pemimpin HARAPAN (PH) pula yang disalahkan...”**

Hishamuddin Abdul Karim.

"Saya rasa ramai pendengar sangat berhasrat mendengar pendirian Pas tentang GST. Mungkin dengan penegasan Datuk Seri memberi pencerahan lebih jelas kepada rakyat," kata Hishamuddin.

Walau bagaimanapun, pemimpin muda Pas itu terdiam seketika sejourus Abdul Hadi menyebut perihal ta'awun (kerjasama) dan menjadi 'penasihat kepada kerajaan' tanpa menyen-

tuh tentang GST.

"Masalah ekonomi yang dihadapi oleh negara sama ada kerajaan atau rakyat adalah peninggalan daripada pemimpin-pemimpin yang duduk dalam Pakatan Harapan hari ini, yang memerintah negara sejak tahun 80-an.

"Merekalah yang mewujudkan masalah. Sebab itu, Pas memperkenalkan konsep taawun, tolong menolong perkara baik dan tidak menolong perkara kemungkaran.

"Pas mengemukakan penyelesaian kepada kerajaan bukan kita tamak kuasa. Kalau kita jadi kerajaan, kita praktikkan. Kalau kita tidak jadi kerajaan, kita jadi penasihat kepada kerajaan supaya membuat pembetulan kesilapan-kesilapan yang ada oleh pemimpin PH yang ada pada hari ini," jawab Abdul Hadi.

Terdahulu, Hishamuddin minta Abdul Hadi mengulas dakwaan Presiden PPBM, Tan Sri Muhyiddin Yassin dalam ceramah Jelajah PH di Bachok, Kelantan, 10 Mac lalu bahawa Pas perlu ditolak pada pilihan raya kerana menyokong GST.

Petikan wawancara Abdul Hadi itu adalah sebahagian daripada rakaman hampir 25 minit yang disiarkan secara langsung menerusi Facebook beliau, 15 Mac lalu.

## Usah buru-buru bentang akta berita palsu

**KUALA LUMPUR:** Bekas Menteri Penerangan Tan Sri Dr Rais Yatim menasihati kerajaan agar tidak terburu-buru menggubal undang-undang bagi menangani berita palsu.

Rais yang kini menjawat penasihat sosiobudaya kepada kerajaan berkata, hal itu kerana istilah "berita palsu" masih menjadi perbincangan dan belum ada takrifan jelas mengenainya.

Katanya, berita palsu secara umum boleh ditakrifkan sebagai berita yang tidak berasas atau tidak benar dengan agenda tertentu.

"Takrifannya belum selesai tapi sekarang sudah mahu buat akta," katanya dalam wawancara dengan Malaysiakini.

Sebagai contoh, Rais membangkitkan persoalan sama ada laporan tidak tepat juga termasuk dalam kategori berita palsu dalam rang undang-undang yang dijangka dibentangkan di Dewan Rakyat pada sidang kali ini.

"Jika kita katakan peserta himpunan di Seremban misalnya adalah 1,500 orang, tetapi ada yang menyatakan jumlahnya 5,000. Bolehkah kita gunakan istilah berita palsu, atau ia salah lapor?"

"Apa beza palsu dengan salah lapor?" katanya lagi menegaskan keaburan takrifan istilah yang dipopularkan Donald Trump ketika pilihan raya presiden Amerika Syarikat lalu.

Selain itu, Rais membangkitkan laporan yang menasaskan individu tertentu dan dikatakan sebagai berita palsu.

"Tujuan berita itu untuk mengaibkan seorang



Rais Yatim

menteri. Tetapi apakah (undang-undang itu) terpakai jika ada perbuatan menteri itu memang boleh mewujudkan tafsiran dan salah sangka? Apakah definisi berita palsu yang boleh kita gunakan?" katanya.

Pada 30 Januari lalu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Azalina Othman Said mengumumkan kerajaan menubuhkan jawatankuasa khas bagi mengkaji undang-undang baru untuk membendung berita palsu yang boleh mengancam kestabilan

politik, menggugat ketenteraman awam dan keselamatan negara.

Cadangan mewujudkan undang-undang khas itu dikritik sesetengah pihak terutama pembangkang kerana dibimbangi akan digunakan untuk menutup berita yang tidak berpihak kepada kerajaan.

Namun bagi Rais laporan salah juga boleh membabitkan kerajaan seperti Jabatan Penerangan atau Radio Televisyen Malaysia.

"Jangan fikir berita palsu hanya datang daripada pembangkang. Ia juga boleh daripada kerajaan, kerana (saiz) kerajaan besar.

"Barangkali Jabatan Hal Ehwal Khas (Jasa) pun kena nanti," katanya lagi.

Rais juga mengakui undang-undang sedia ada seperti Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Akta Keterangan 1950 dan Kanun Keseksan dapat menangani kesalahan serupa.

"Kaji dulu semua (undang-undang) ini, kemudian baru bincang - perlukah satu akta baru," katanya lagi.

## Siasatan rasuah bukan maksud bersalah, ajar Hanipa

**KUALA LUMPUR:** Tindakan beberapa pemimpin Pas yang berbangga dengan statistik yang dibentangkan di Dewan Rakyat berhubung siasatan rasuah membabitkan pemimpin parti politik dari BN dan Pakatan Harapan (PH) dianggap gagal memahami isu sebenar.

"Pak haji (pemimpin Pas) nak berbangga dengan statistik boleh tapi kena faham dulu isu sebenar. Jangan hentam keromo je pak haji," tulis ahli parlimen Sepang Mohamed Hanipa Maidin di Facebook (FB).

Menurut Hanipa, statistik yang dicanang pemimpin Pas itu adalah berkenaan kes rasuah yang disiasat dan didakwa dan bukannya kes rasuah yang disabitkan bersalah.

"Hatta jika bersalah sekalipun, orang itu masih ada hak untuk rayu lagi," katanya mengulas tulisan Ketua Penerangan Pas Nasrudin Hasan yang berbangga kerana tiada seorang pun pemimpin parti itu yang disiasat atas dakwaan rasuah berbanding BN dan PH.

Nasrudin juga mendakwa pemimpin Pas 'suci' daripada rasuah berbanding parti lain yang terpalit dengan 'najis' rasuah.

Menurut Hanipa, dalam konteks negara ketiga seperti Malaysia, terdapat kes dakwaan rasuah yang tulen (genuine) dan tidak tulen (trump up charge) yang dipang-

gil sebagai pendakwaan terpilih (selective prosecution).

Ini katanya terbukti apabila ada ahli politik kerajaan yang terlibat amalan rasuah dengan bukti yang amat kuat (ironclad evidence) seperti isu 'wang derma' RM2.6 bilion dalam akaun peribadi namun tidak didakwa.

"Begitu juga mungkin ada ahli politik yang cenderung sokong rejim yang zalim akan selamat dari siasatan atau pendakwaan kes rasuah," katanya sinis dipercayai merujuk kepada pemimpin Pas.

Di masa yang sama, ahli politik yang kuat melawan kerajaan lebih senang menjadi 'sitting duck' (sasaran yang mudah disiasat dan didakwa) dalam kes rasuah.

Sehubungan itu beliau menasihati pemimpin Pas agar tidak menggunakan hujah yang dianggapnya sebagai 'sifar logik'.

Hanipa seterusnya mencabar pemimpin Pas supaya mengetengahkan skandal 1MDB jika konsisten memerangi rasuah.

Beliau turut menggesa pemimpin Pas yang rakaman audionya mengakui Pas menerima wang daripada Umno mengambil tindakan mahkamah terhadap penyebar rakaman itu atau membuat kenyataan berkanun menafikan kaitan dengan rakaman audio yang kini viral itu.



# MINGGUAN AMANAH



**WAJAH BARU!**

**TEPAT RINGKAS TERKINI.**

**UNTUK LANGGANAN TERUS KE RUMAH ANDA HUBUNGI 011 3233 4322**

**DAPATKAN SEGERA!!**



# 4 bekas PJ Pas sertai AMANAH

**D**engan kemasukan Dr Rosli Yaakub ke dalam AMANAH 16 Mac lalu, seramai empat bekas Pesuruhjaya Pas Negeri Sembilan telah meninggalkan parti itu menyertai AMANAH.

Puncanya kerana mereka kecewa dengan pendirian Pas yang tidak menyertai gabungan Pakatan Harapan (PH) dan bekerjasama dengan Umno.

Mereka adalah MK Ibrahim Abdul Rahman yang dilantik Pesuruhjaya Pas pada tahun 1999-2001; Zulkefly Mohd Omar (2004-2009); Taufiq Abdul Ghani (2009-2014) dan terkini pada Khamis lalu Dr Rosli Yaakub (2005-2006) telah mengumumkan beliau menyertai AMANAH.

Dalam program Jelajah Pakatan Harapan yang diadakan di Senawang dan Seremban 18 Mac lalu, keempat-empat bekas pesuruhjaya Pas itu bertemu buat kali pertama dalam program yang turut dihadiri Presiden AMANAH Mohamad Sabu.

Mohamad hadir dalam sesi 'Ngeteh Bersama Abang Mat Sabu' yang diadakan di salah sebuah rumah ahli AMANAH di Taman Tasik Jaya, Senawang yang turut dihadiri golongan muda.

Naib Pengerusi AMANAH Negeri MK Ibrahim Abdul Rahman berkata, setelah 34 tahun bersama perjuangan Pas, beliau mula melihat perubahan terhadap hala tuju Pas berlaku pada Mukhtar Pas ke-63 tahun lalu kerana memutuskan tahluf siyasi dengan PKR.

"Dalam muktamar itu usul diterima tanpa dibahaskan. Di situ saya mula nampak Pas tidak mahu kekal bersama dalam gabungan baru pembangkang seperti Pakatan Harapan.

"Apapun yang kita (pembangkang) nak buat kita kena jatuhkan dulu Umno-BN. Tanpa jatuhkan kerajaan yang ada hari ini kita sukar untuk menegakkan Islam sebagaimana dicita-citakan dalam perjuangan Pas," ujarnya.

MK Ibrahim yang juga bekas Yang Dipertua Pas Kawasan Seremban (1977-2015) pernah



4 bekas PJ Pas Negeri Sembilan kini menyertai AMANAH.

bertanding di Ampangan pada 1999 tetapi kalah kepada calon BN.

Bagi Pengerusi AMANAH Negeri Sembilan, Zulkefly Mohd Omar mana-mana parti pembangkang yang mahu bersendirian untuk melawan Umno-BN tidak akan boleh bertahan dalam arus perdana politik negara.

"Ini jelas kerana sejak Pas bersendirian ramai ahlinya keluar parti dan sertai parti-parti dalam gabungan Pakatan Harapan.

"Dr Rosli baharu sahaja umum masuk AMANAH Khamis lalu, kita sudah ada empat orang yang mahu jadi ahli.

"Ramai yang sudah menyedari peluang AMANAH di Negeri Sembilan ini cukup besar untuk menang kerusi terutama menarik golongan atas pagar kali ini. Itu tidak termasuk sokongan Felda.

"Peranan Tun M (Tun Dr Mahathir Mohamad) yang dapat menarik golongan marhain antara faktor penarik berbanding ketika kemunculan

Anwar (Datuk Seri Anwar Ibrahim) yang lebih menarik golongan pertengahan dan pengundi di bandar. Kali ini gelombang rakyat cukup berbeza," ujar AJK AMANAH Nasional yang juga Timbalan Pengerusi PH Negeri Sembilan ini.

Bagi Timbalan Pengerusi AMANAH Negeri Sembilan, Mohd Taufek Abdul Ghani, Pas sudah mula susut sokongan setelah tidak lagi bersama

program yang dianjurkan Pas sudah tidak ramai penyokong," ujarnya.

Mohd Taufek adalah satu-satunya wakil rakyat Pas yang berjaya memecahkan tembok BN selama 55 tahun di Dun Paroi pada pilihan raya 2008 (PRU12) sebelum terlepas semula ke tangan BN pada pilihan raya 2013 lalu.

Namun pada pilihan raya akan datang beliau tidak menyimpan hasrat untuk bertanding sebarang kerusi walaupun namanya antara yang disenaraikan akan mewakili calon AMANAH di Dun Paroi.

Bagi Dr Rosli Yaakub, beliau juga menyatakan pendirian untuk tidak bertanding sebarang kerusi pada PRU14.

Sebaliknya lebih senang untuk bersama AMANAH bergerak melalui siri ceramah, dialog dan bersama gerak kerja dalam gabungan Pakatan Harapan.

Justeru malam tadi Mat Sabu memberikan penghormatan kepada bekas Ketua Pegawai Eksekutif Akhbar Harakah ini dengan menyampaikannya sepasang 'vest' ketika berlansungnya program ceramah PH yang diadakan di Betara Business Centre Seremban yang disaksikan kira-kira 7,000 penyokong Pakatan Harapan di sekitar Negeri Sembilan.

Pakar ekonomi ini menjangkakan jika kerjasama PH padu di Negeri Sembilan, PH akan dapat



Mohamad Sabu (kanan) menyarungkan vest kepada Dr Rosli Yaakub sebagai tanda beliau akan aktif dalam gerak kerja Pakatan Harapan.

## Kingmaker untuk pastikan BN berkuasa, kata Dr Mahathir

**CITA-CITA** Pas mahu menjadi "kingmaker" (penentu) hanyalah satu cara bagi memastikan Barisan Nasional (BN) meraih kemenangan dalam Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14), kata Pengerusi Pakatan Harapan, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Bekas perdana menteri itu mendakwa kenyataan Presiden Pas Abdul Hadi Awang itu menyokong BN, yang digelarnya sebagai parti "cash is king".

"Hakikatnya, mereka bukanlah 'kingmaker' untuk membantu pembangkang.

"Mereka hanya 'kingmaker' untuk menangkan 'cash is king,'" kata Dr Mahathir pada sidang akhbar di Parlimen 20 Mac lalu.

Dr Mahathir turut

menuduh Pas "menyokong" cukai barangan dan perkhidmatan (GST).

Manifesto Pas yang diumumkan pada minggu lalu, antara lain mencadangkan pemansuhan GST dimansuhkan dan pengecualian cukai eksais bagi pembeli kereta kali pertama.

Bagi menggantikan GST, Pas telah mencadangkan tabung korporat dan urusan niaga korporat di Bursa Malaysia dikenakan cukai.

Walaupun Pakatan Harapan (PH) turut mencadangkan supaya GST dihapuskan, pakatan pembangkang itu telah mencadangkan untuk menampung kekurangan dengan meminimumkan kebergantungan kepada pertumbuhan organik kerana

PH menjangkakan kuasa membeli akan meningkat tanpa GST.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi Bersatu mengulas tuntutan Abdul Hadi pada ulang tahun ke-10 Pas pada minggu lalu yang mahu menjadi sebahagian daripada kerajaan Selangor.

Hadi mendakwa Pas akan memainkan peranan sebagai 'kingmaker' kepada mana-mana parti yang mahu membentuk kerajaan negeri di Selangor atau di peringkat Persekutuan.

Melalui ceramah PH, Dr Mahathir menuduh Perdana Menteri Najib Razak menggunakan pendekatan "cash is king" untuk meraih sokongan rakyat.

pakatan pembangkang dan dilihat lebih mesra Umno-BN.

"Saya nampak kemerosotan sokongan ahli Pas di negeri ini secara terang-terangan. Ramai yang kecewa dengan perjuangan Pas tidak mahu bekerjasama dengan pakatan pembangkang di negara ini.

"Jika ada pun yang masih setia dikalangan 'hard core' mereka ini kebanyakannya berasal dari pantai timur seperti dari Kelantan dan Terengganu yang menetap di sini, kerana pengaruh Pas kuat di sana.

### TINGGAL 30% SAJA

"Boleh dikatakan sokongan Pas tinggal 30 peratus sahaja di Negeri Sembilan manakala 70 peratus lagi sudah beralih memilih Pakatan Harapan. Kita boleh lihat pada siri ceramah dan

menarik ramai pengundi bukan Melayu.

"Itu jika Pakatan Harapan betul-betul 'solid' dengan gabungan ini. Bukan sahaja AMANAH bahkan semua kerusi yang ditandingi parti-parti gabungan akan dapat undi kaum Cina dan India di Negeri Sembilan manakala undi Melayu sudah tentu dalam tangan," ujarnya.

Dr Rosli ketika dalam Pas pernah menjadi Yang Dipertua (YDP) Pas Kawasan Telok Kemang bagi penggal 1998-2001, kemudian memegang jawatan YDP Pas Kawasan Rembau dari tahun 2001-2006.

Pada tahun 2011, beliau dilantik sebagai Timbalan Pesuruhjaya 1 Pas Negeri Sembilan.

Beliau pernah bertanding di Parlimen Jelebu dan Dun Paroi pada 2004 dan pada PRU 2013 bagi Dun Klawang tetapi nasib tidak menyebelainya kerana tidak pernah menang sebarang kerusi menentang BN.



# Polis, SKMM diminta **siasat** firma manipulasi pilihan raya

**P**olis dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia dituntut menyiasat firma data raya Cambridge Analytica dan syarikat sekutunya, SCL Group berhubung penglibatan dalam manipulasi pilihan raya di Malaysia.

Pengarah komunikasi PKR, Fahmi Fadzil berkata perdana menteri Datuk Seri Najib Razak yang juga pengerusi BN perlu menjelaskan penglibatan firma terbabit sebagai perunding politik bagi parti kerajaan itu.

Beliau menggesa demikian kerana Cambridge Analytica serta terlibat dalam aktiviti politik yang mungkin mempunyai elemen jenayah dan didakwa menyalahguna data peribadi pengguna Facebook.

"Saya menggesa pihak Polis Diraja Malaysia serta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia untuk membuka siasatan terhadap kedua-dua entiti ini pada kadar segera," katanya dalam satu kenyataan.

Tambahnya, Najib perlu menjelaskan mengenai penglibatan firma berkenaan, yang kini diharamkan dari Facebook atas kesalahan melanggar dasar pengguna platform media sosial tersebut.

"Jika wujud sebarang kontrak di antara Umno-BN dengan syarikat ini, demi demokrasi dan

kebaikan orang ramai, saya mohon Najib untuk mendedahkannya," kata Fahmi lagi.

Eksekutif kanan Cambridge Analytica mendedahkan bahawa firma tersebut membuat kerja pilihan raya di Malaysia.

Pengarah urusan CA Political Global, Mark Turnbull mendedahkan demikian kepada seorang wartawan stesen televisyen United Kingdom, Channel 4 yang menyiasat kes tersebut tahun lalu.

Ia dilakukan secara tersembunyi dengan menggunakan syarikat yang tidak aktif di Mexico, Malaysia dan Brazil, lapor Reuters.

Pengakuan itu dimuat dalam satu video yang dirakam secara sulit oleh Channel 4.

Di laman webnya, firma tersebut menyifatkan usahanya di Kedah sebagai "kempen yang berjaya" apabila BN "menang besar" dengan meraih 21 daripada 36 kerusi negeri dan 10 daripada 15 kerusi Parlimen.

Hasil dari kempen tersebut, BN berjaya memenangi semula Kedah dari Pakatan Rakyat dalam pilihan raya umum ke-13, menurut firma itu lagi.

Tuntutan sama turut disuarakan pemimpin strategi Bersatu Dr Rais Hussein yang mahu Najib menjelaskan mengenai penglibatan Cambridge Analytica dalam pilihan raya di Malaysia.

"BN perlu tampil secara terbuka dan mendedahkan sama ada mereka mengupah syarikat mencurigakan ini untuk mempengaruhi pilihan raya dalam negara," katanya.

Laporan Channel 4 News turut merakam pengakuan Turnbull bahawa firma itu melakukan pelbagai cara untuk memanipulasi pilihan raya di negara terlibat, termasuk melakukan rasuah, menggunakan wanita sebagai umpan dan khidmat bekas perisik.

Rakaman sulit itu merupakan sebahagian daripada siasatan Channel 4 News ke atas Cambridge Analytica, yang menyiasat penglibatan firma tersebut dalam kempen pilihanraya 2016 melibatkan Presiden AS, Donald Trump.

Rais berkata, firma tersebut berbahaya kerana menunjukkan kemampuan untuk menjalankan operasi seperti memerangkap ahli politik.

"Dan siapa yang menggunakan (khidmat) mereka di negara ini? BN perlu menjawab soalan ini kerana ia sangat membimbangkan kami semua.

"Kami tidak mahu negara ini menjadi medan tempur askar upahan," kata Rais.

Seorang lagi pemimpin strategi Bersatu, Wan Saiful Wan Jan menuntut Najib menyatakan jumlah bayaran yang dibuat kepada firma terbabit.

Ini memandangkan firma itu sendiri sudah

mengakui terlibat dengan kempen untuk kemenangan BN di Kedah dalam pilihan raya umum 2013, katanya.

"Najib dengan segera perlu menjelaskan berapa banyak yang dibayar kepada Cambridge Analytica dan apakah kerja sebenar yang dilakukan untuk Umno," kata Wan Saiful dalam satu kenyataan.

Beliau turut menyatakan kebimbangan jika firma itu turut melancarkan kempen berhaluan kanan untuk kemenangan Umno.

Ini kerana, firma itu berpengalaman membantu kempen presiden Amerika Syarikat Donald Trump dengan memanipulasi data untuk mensasarkan iklan dengan sentimen berhaluan kanan kepada pengguna tertentu di Facebook.

Antara pelabur terbesar firma tersebut adalah bilionair Robert Mercer yang membuat sumbangan besar untuk kempen Trump dan organisasi berhaluan kanan lain di AS.

"Tidak kiralah betapa terdesakpun Najib mahu kekal berkuasa, beliau tidak harus menggunakan taktik yang memecah belah dan tidak beretika dengan memanipulasi sentimen berhaluan kanan dan agama etnik di Malaysia," kata Wan Saiful lagi.

## Manifesto 'Pening' Pas

**P**AS telah melancarkan manifesto PRU 14 baru-baru ini bersama-sama dengan rakan mereka, Berjasa dan Ikatan. Manifesto 'bulan bintang' yang dijanjikan itu mengandungi 20 tawaran utama. Apa yang menarik perhatian untuk diteliti adalah tawaran pertama iaitu "menghapuskan Goods and Services Tax (GST) yang membebaskan rakyat dan menggantikannya dengan sistem percukaian yang lebih adil seperti Cukai Atas Simpanan Korporat dan Cukai Saham di Bursa Saham Malaysia.

Agak menghairankan kenapa Pas hendak menghapuskan GST tetapi mengundi 'berkecuali' semasa undian belah bahagi bajet ini. Bukankah 'berkecuali' itu adalah bersamaan dengan menyokong BN.

Ini kerana meskipun 'berkecuali' ianya tidak akan menjejaskan undi majoriti BN tetapi ianya menunjukkan sikap Pas dengan berkecuali itu menjadikan jumlah yang menentang akan menjadi lebih kecil. Jika PAS benar-benar menolak GST sepatutnya Pas turut mengundi menentang bajet pada akhir tahun 2017 yang lepas. Ini kerana sebahagian besar pendapatan negara disasarkan kepada GST ini.

Maka, inilah sifat 'pening' Pas pada hari ini yang sukar untuk diterima oleh pengundi. Malah, pengundi tegar Pas sekarang ini berasa was-was dengan tindak-tanduk Pas yang ada pada hari



ini.

Paling ketara sifat 'pening' Pas adalah berkaitan pelaksanaan syariah Islam di Malaysia yang dimasukkan dalam Teras Keenam di bawah tajuk "Pengharmonian Sistem Perundangan Dan Tadbir Urus Negara Selaras Dengan Kehendak Syariah.

Nyata sekali Pas telah menggugurkan agenda Hudud dan Qisas yang dibawa olehnya selama ini. Malah pernah keluar daripada mulut pimpinan Pas bahawa hudud itu adalah 'nyawa' mereka. Inilah taktik Pas yang sengaja menyembunyikan agendanya kerana tidak berani mempromosikan agenda hudud dalam PRU 14.

Begitu juga dengan pindaan Akta 355 tidak dijelaskan apakah sebenarnya hasrat mereka. Apakah Pas akan menyokong pindaan Akta 355 yang akan dibentangkan oleh kerajaan jika ianya tidak selari dengan kehendak Pas.

Pas melalui Presidennya, Datuk Seri Abdul Hadi Awang selaku Ahli Parlimen Marang telah mengusulkan supaya Akta 355 dipinda dengan mengubah hukuman rotan daripada 6 sebatan kepada 100 sebatan dan

hukuman denda maksima RM5000 kepada denda maksima RM100 ribu.

Berkemungkinan besar Menteri BN tidak akan membuat usul pindaan yang serupa dengan Pas. Berkemungkinan hukuman sebat itu mungkin sekadar dinaikkan daripada 6 sebatan kepada 40 sebatan. Adakah Pas akan bersetuju dengan pindaan sebegini?

Selain itu, dikatakan juga bahawa pindaan Akta 355 diyakini akan mengekang industri maksiat. Sejauh manakah pindaan Akta 355 itu akan mengekang industri maksiat tidaklah dapat dipastikan kerana tiada kajian terperinci yang dikemukakan oleh Pas berkaitan hal yang demikian.

Umum mengetahui bahawa Akta 355 hanyalah terpakai ke atas orang

Islam. Bagaimanakah pula dengan perlakuan maksiat oleh orang bukan Islam? Ini juga patut diperincikan dengan lebih jelas oleh Pas.

Manifesto Pas juga menyebutkan bahawa Pas akan memerangi rangkaian pengedaran dadah secara besar-besaran melalui pendekatan amar maaruf nahi munkar ke arah menjadikan Malaysia bebas daripada penyalahgunaan dadah.

Mungkin Pas juga perlu untuk cerminkan diri mereka sendiri kerana Kelantan (34,480 orang) adalah menduduki tempat ketiga penagih dadah yang berdaftar selepas Johor (45,254 orang) dan Kedah (39,748 orang) bagi tempoh 1988 - 2016 (Buku Maklu-

mat Dadah 2016: Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), hlm 40).

Oleh itu, para pengundi pasti akan tertanya-tanya apakah agenda anti dadah yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri Kelantan yang diterajui oleh Pas? Selama ini pun tidak pernah kedengaran suatu program khusus telah dibuat oleh Kerajaan Negeri Kelantan untuk mengurangkan masalah dadah di negeri Kelantan.

Justeru, jika dikatakan manifesto Pas adalah manifesto yang 'pening' maka ianya adalah selayaknya untuk dipanggil sedemikian. Pas telah menjanjikan bulan bintang kepada para pengundi tetapi gagal untuk menguraikan dengan terperinci apakah kandungan sebenar manifestonya.

**DR. OLIVE BODY CARE**

**SERUM**

CONTENT:

- OLIVE OIL, AVOCADO OIL, ROSEHIP SEED OIL, ARGAN OIL, VITAMIN E OIL, VIRGIN COCONUT OIL, SWEET ALMOND OIL, GRAPE SEED OIL, CASTOR OIL, JOJOBA OIL

Handmade . No Harmful Chemicals . Paraben Free . Halal

SOAPS . BODYSCRUBS . SERUMS . DÉODORANT . SUNSCREEN . TEA . SUPPLEMENTS

NATURAL . SAFE . EFFECTIVE

+60 13 754 9335

drolivebodycare@gmail.com

www.dolivebodycare.wixsite.com/dolivebodycare

**20% Sale DISCOUNT**

Serum 5ml RM 35.90

Serum 20ml RM 127.70



Daripada sibuk dengan isu air Selangor

# Najib perlu selesai masalah air Pahang

**KUALA LUMPUR:** Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dinasihatinya menyelesaikan masalah bekalan air yang semakin teruk di Pahang dan tidak sibuk 'menyerang' kerajaan negeri Selangor ekoran gangguan bekalan air di negeri itu baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Mentakab Tengku Zulpuri Shah Raja Puji berkata, sebelum Najib menyalahkan kerajaan Selangor, beliau sepatutnya meluangkan masa meninjau keadaan bekalan air di Pahang, negeri kelahirannya.

"Di Pahang masalah air berlaku tiap-tiap hari. Bukannya dua tiga hari disebabkan saluran paip lama yang ada sudah melebihi 20

tahun," kata Naib Pengerusi DAP Kebangsaan itu kepada Rokatini.

Menurutnya, masalah bekalan air di Pahang bukan hanya berlaku di kawasan pinggir bandar atau bandar sahaja tetapi juga di perkampungan masyarakat Orang Asli seluruh Pahang.

Masalah air di Pahang jelas Tengku Zul boleh dibahagikan kepada dua bahagian utama iaitu masalah air permukaan (seperti bahagian muka sawk) tempat sedutan air di loji yang tidak cekap kerana cetek akibat musim kemarau; dan isu mekanikal saluran yang tidak lagi mampu menampung bekalan air yang ada.

Lebih memburukkan keadaan, Syarikat Pengurusan Air Pahang

**“ Di Pahang masalah air berlaku tiap-tiap hari. Bukannya dua tiga hari disebabkan saluran paip lama yang ada sudah melebihi 20 tahun...”**

Berhad (PAIP) gagal mengambil kira pembangunan setempat dalam perancangan bekalan air sehingga menyebabkan bekalan air tidak mencukupi.

Selain dilihat gagal merancang sistem bekalan air dengan baik, kerajaan BN Pahang juga kata Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Mentakab itu menanggung beban hutang yang tinggi melebihi RM3 bilion.

"RM2 billion daripada hutang-hutang ini adalah bersangkutan

dengan masalah air," kata beliau.

Selain itu, oleh kerana gangguan bekalan air sudah menjadi kelaziman di Pahang, ia menyebabkan sebahagian syarikat pemaju perumahan menawarkan rumah yang dilengkapi dengan pam air khas di kawasan tertentu.

"Apa yang boleh saya nyatakan di sini bahawa Da-

tuk Seri Najib sebenarnya gagal di negeri sendiri apatah lagi Malaysia.

"Beliau sepatutnya menyediakan satu dasar yang eksklusif dan ke hadapan bagi menyedi-

diakan keperluan asas seperti air untuk rakyat Malaysia," katanya lagi.



**Tengku Zulpuri Shah Raja Puji**

## Kerajaan perlu bela 5000 pendatang haram Malaysia di Korea

**KUALA LUMPUR:** Kerajaan khususnya Kementerian Luar perlu berusaha menjaga kebajikan 5,000 rakyat Malaysia yang menjadi pendatang asing tanpa izin (PTI) di Korea Selatan.

Malah kehadiran 5000 pekerja haram asal Malaysia di Korea dan dua juta rakyat negara ini yang mencari nafkah di luar negara perlu membuka mata kerajaan untuk mencari punca wujudnya keadaan ini.

Perkara itu dibangkitkan Ahli Parlimen Gelang Patah Lim Kit Siang ketika berucap membahaskan titah ucapan Yang di-Pertuan Agong di Dewan Rakyat, 15 Mac lalu.

"Baru-baru ini, media melaporkan bahawa faktor gaji yang rendah dan kekurangan peluang kerja telah memaksa kira-kira 5,000 rakyat Malaysia untuk mencari kerja dan hidup secara haram di Korea Selatan, dan terpaksa menderita pelanggaran hak asasi manusia dan juga dinafikan bayaran gaji.

"Ramai yang terbiar untuk pandai-pandai menjaga diri sendiri selepas mengalami kemalangan di tempat kerja dan dipecat.

"Selain persoalan mengenai apa yang dilakukan oleh Kedutaan Malaysia di Seoul untuk menjaga kebajikan 5,000 rakyat Malaysia yang menjadi pendatang asing tanpa izin di Korea Selatan, persoalan yang perlu kita tanyakan adalah mengapa 5,000 rakyat Malaysia ini membawa diri ke Korea Selatan?" soal ketua ahli parlimen DAP itu.

Menurut Kit Siang, selama setengah abad kira-kira dua juta rakyat Malay-



**Antara PTI Malaysia yang dapat dikesan di Korea Selatan.**

sia telah berhijrah ke negara asing untuk membantu membangun dan memodenkan negara-negara tersebut.

Mereka, katanya berhijrah ke Australia, New Zealand, United Kingdom, Amerika Syarikat dan lebih dekat lagi, Singapura untuk mencari kehidupan yang lebih baik.

Lima ribu rakyat Malaysia yang menjadi pendatang asing tanpa izin di Korea Selatan dan dua juta rakyat Malaysia yang telah berhijrah ke negara lain dalam tempoh setengah abad yang lalu, jelas beliau telah mencipta 'diaspora rakyat Malaysia' yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama.

"Mereka tergolong daripada generasi yang paling bijak di negara ini dan sepatutnya mencari 'Impian Malaysia' mereka itu di tanah air, tetapi mereka terpaksa meninggalkan ibu pertiwi untuk mengejar Impian Malaysia di luar negara," tegasnya.

Menurut beliau, negara telah kehilangan arah tuju sepanjang tempoh enam dekad yang lalu berbanding negara-negara yang lebih mundur dari segi ekonomi, pendidikan dan politik tetapi kini telah mengatasi Malaysia dalam semua bidang ini.

Negara-negara tersebut, katanya bukan hanya lebih kaya, maju dan makmur, bahkan lebih demokratik dan menghormati prinsip-prinsip tadbir urus yang baik dan kedaulatan undang-undang.

"Kita telah terkebelakang di anak-anak tangga negara-negara dari segi kecemerlangan dan pencapaian sejak separuh abad yang lalu.

"Ini digambarkan dengan 'cemerlang' oleh Indeks Persepsi Rasuah (TI) Transparency International (TI) 2017, di mana Malaysia menjunam ke ranking paling rendah dalam tempoh 23 tahun," ujarnya kesal.

## Semakan kehakiman PH terhadap RoS didengar 5 April ini

**KUALA LUMPUR:** Permohonan semakan kehakiman oleh pemimpin-pemimpin Pakatan Harapan (PH) terhadap Pendaftar Pertubuhan Malaysia (RoS) telah dipanggil untuk pengurusan kes 15 Mac lalu di hadapan Hakim Datuk Azizah Nawawi.

Pengerusi Biro Undang-undang PH Gobind Singh Deo berkata, PH (pemohon) diwakili Michelle Ng manakala Shamsul Bolhassan dari Kamar Peguam Negara hadir wakili RoS (responden).

"Pihak pemohon-pemohon (PH) telah memohon untuk satu tarikh perbicaraan awal memandangkan pilihan raya umum menjelang, dan memandangkan bahawa Parlimen akan bersidang hingga 5 April 2018," jelas Gobind dalam satu kenyataan.

Mahkamah, katanya telah menetapkan 5 April hadapan jam 3 petang untuk memulakan perbicaraan.

PH pada 21 Feb memfailkan saman terhadap RoS selepas jabatan kerajaan itu didakwa gagal memberi maklum balas terhadap permohonan gabungan itu untuk didaftarkan secara rasmi.

Saman-saman itu difailkan oleh peguam Gobind Singh Deo, yang juga ketua biro guaman DAP, bagi pihak pemimpin-pemimpin kanan empat parti komponen PH.

Mereka ialah Ketua Sekretariat PH Saifuddin Abdullah, Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng, Setiausaha Agung PKR Datuk Saifuddin Nasution, Setiausaha Agung BERSATU Datuk Seri Shaharuddin Md Salleh dan Timbalan Setiausaha Agung Parti Amanah Negara (AMANAH) Abang Ahmad Kerdee Abang Masagus.

PH berhasrat menggunakan logo tunggal bagi berhadapan BN dalam pilihan raya umum akan datang.

Penggunaan logo bersama itu penting bagi memudahkannya pengundi selain menunjukkan kebersamaan gabungan pembangkang.

Pilihan raya umum ke-14 mesti diadakan selewat-lewatnya Ogos ini.



# Rahsia cantik secara alami bersama Dr Olive Body Care

DR. OLIVE BODYCARE merupakan jenama yang telah dipilih untuk produk kami. Olive atau buah zaitun memang sudah terkenal penggunaannya didalam produk penjagaan diri. Olive itu sendiri melambangkan kecantikan, kecantikan yang alami dan abadi. Pokok Olive memang menakjubkan. Ia dapat bertahan dalam cuaca yang ekstrim. Buah zaitun kaya dengan khasiat pemakanan hingga disebut namanya dalam Al-Quran. Kebetulan pula nama pengasas produk ini ialah Dr. Zaiton.

Kini sudah terdapat berbagai jenis dan jenama produk penjagaan diri di pasaran. Apa yang istimewanya produk Dr. Olive Bodycare ialah, ia merupakan produk yang homemade, tidak menggunakan bahan kimia yang membahayakan kesihatan, tiada pengawet, menggunakan bahan-bahan asli dan selamat. Pada masa yang sama kami telah menjalankan kajian terhadap khasiat herba-herba tradisional untuk digunakan dalam produk-produk kami.

Produk penjagaan diri komersil yang terdapat dipasaran mengandungi terlalu banyak bahan kimia dan pengawet yang membahayakan kesihatan. Walaupun Dr. Olive Bodycare setaraf dengan produk-produk seperti Bodyshop misalnya, namun harganya jauh lebih rendah dan mampu dimiliki oleh orang kebanyakan. Matlamat kami ialah untuk membolehkan orang ramai menikmati kebaikan produk-produk yang menggunakan bahan-bahan alami, selamat dan berkesan. Dr. Olive Bodycare memberikan alternatif yang baik untuk menggantikan produk komersil yang sarat dengan kimia.

Produk-produk Dr. Olive Bodycare terdiri daripada berbagai jenis sabun muka dan badan, sabun syampu (shampoo bars), deodoran, sunscreen, bodyscrubs, berbagai serum, teh herba dan supplement seperti manjakani, biji betik dan pelansing.

Bahan-bahan utama dan asas yang digunakan dalam sabun muka dan badan ialah minyak kelapa, minyak zaitun, minyak kelapa sawit dan minyak castor. Campuran minyak-minyak mesra kulit (skin loving oils) ini membersihkan, melembutkan dan melembapkan kulit. Testimoni dari pengguna-pengguna sabun kami mengatakan mereka berpuas hati

dengan sabun-sabun kami kerana kulit terasa lembut dan lembab. Mereka tidak perlu lagi menyapu losyen badan selepas mandi kerana kulit tidak lagi kering.

Dalam kategori sabun, kami menyediakan sabun yogurt, sabun kopi, sabun kunyit, sabun kulit kayu manis, sabun moringa, sabun bidara, sabun manjakani, sabun chamomile, sabun charcoal dan Kaolin Clay, sabun propolis, sabun gelenggang dan sabun Loofah.

Setiap sabun mempunyai keistimewannya sendiri.

Rambut kita berbeza-beza dan penjagaannya tentu sajalah berbeza. Kami menyediakan sabun syampu untuk rambut kering, rambut berkelimumur dan rambut berminyak. Sebagai bahan aktif kami menggunakan minyak avocado, amla, aloe vera, pudina, badam dan bijan untuk sabun shampu yang berbeza. Sabun syampu tidak mengandungi cecair dan boleh disimpan dalam beg cabin apabila menaiki kapal terbang. Ia tahan 2 kali lebih lama dari syampu biasa.

Satu lagi produk yang laris ialah deodoran. Kita semua pakai deodoran setiap hari sejak dari umur kita 12 tahun lagi sehingga sekarang. Deodoran yang biasa dibeli dari supermarket dan farmasi mengandungi banyak kimia. Ada yang boleh menyebabkan kanser. Tidak hairanlah kenapa ketiak kita sudah berwarna gelap. Deodoran dari Dr. Olive Bodycare mampu memberi perlindungan sepanjang hari dan daam masa 2 minggu sahaja ia boleh memutihkan semula ketiak hitam. Apa lagi, jom bertukar kepada Dr. Olive Bodycare Deodorant.

Selain daripada produk-produk diatas, kami menyediakan beberapa jenis serum; serum anti penuaan, serum parut, serum clear-skin, serum mata hitam (dark-circle eye serum) dan serum untuk memanjangkan bulu mata. Yang paling popular ialah serum anti penuaan yang membantu mengecilkan pori-pori, menghilangkan kedutan kuit halus dan melembapkan kulit muka. Kami menerima maklumbalas yang sangat positif dari pengguna-pengguna serum ini. Kesannya boleh dilihat seawal 2

minggu selepas penggunaan.

Di keluaran akan datang, kami akan menulis lagi tentang kegunaan produk-produk Dr. Olive Bodycare. Sehingga di lain siaran, jaga diri baik baik dan jom bertukar kepada produk Dr. Olive Bodycare yang alami, selamat dan berkesan.

Sekian sahaja perkongsian dari kami untuk kali ini. Semoga apa yang telah kami kongsi ini memberi manfaat kepada semua. Sekiranya anda ingin mengemukakan soalan mengenai produk ini, sila email atau whatsapp kepada nombor yang tertera dalam iklan. InsyaAllah, akan kami perelaskan dengan sebaik mungkin.

Soalan-soalan ini akan membantu kami menyediakan ruangan FAQ bagi produk Dr. Olive Bodycare.

Salam hormat dan jaga diri baik-baik.

Dr. Olive

Untuk maklumat lanjut sila layari [www.wix.com/drolivebodycare](http://www.wix.com/drolivebodycare)

HANDMADE  
 NO HARMFUL CHEMICALS  
 PARABEN FREE  
 HALAL

*Natural Safe Effective*

**DR. OLIVE BODY CARE**

OTHER PRODUCTS:

SOAPS  
BODYSCRUBS  
SERUMS  
DEODORANT  
SUNSCREEN  
TEA  
SUPPLEMENTS

SABUN MANJAKANI  
KAPSUL MANJAKANI

Contact Info:  
 TEL: +6013 754 9335  
 EMAIL: [drolivebodycare@gmail.com](mailto:drolivebodycare@gmail.com)  
 WEBSITE: [www.drolivebodycare.wixsite.com/drolivebodycare](http://www.drolivebodycare.wixsite.com/drolivebodycare)



# Belanja dahulu lulus kemudian: Najib ulangi perangai buruknya!

**TEPAT** seperti dikata, PM Najib selaku Menteri Kewangan mengulangi perangai buruknya. Meskipun di hujung-hujung garis penamat, Najib masih bernafsu besar untuk berbelanja. Mentelahan pulak harga minyak mentah dunia naik sekarang ini dan nilai ringgit pun menokok ke paras RM3.80-RM3.90 untuk 1 dolar Amerika.

Namun Najib perlu diperingatkan, pakar ekonomi juga meramalkan sisi negatif terhadap matawang ringgit andainya ekonomi Amerika terus positif. Andainya pertumbuhan Amerika dan nilai dolar mengukuh, nilai ringgit akan menyusut sebanyak 5-6 % dan boleh menurun ke paras RM4.15-RM4.20 untuk USD1.00 akibat aliran keluar dana pelaburan ke Amerika.

Pun begitu, sayugia diulangi bahawa RUU Akta Perbelanjaan Tambahan atau 'supplementary budget' ini seharusnya digunakan semasa dalam suasana kritikal dan keperluan mendesak. Namun di negara Malaysia Boleh ini, bukan sahaja ianya mudah-mudah didapati, bahkan peliknya juga, 'bajet tambahan' ini dibelanjakan dahulu dan kemudian baru dipohon kelulusan. Ya, mungkin ada yang bertanya, kalau begitu buat apa dibentangkan dan dibahaskan lagi? Sudah belanjakan pun!

Untuk pengetahuan umum, sebenarnya sistem demokrasi ala-Westminster ini, Parlimen secara sejarahnya dibentuk khas untuk kerajaan British membentangkan dan kemudian untuk meluluskan perbelanjaan kerajaan buat tahun tersebut. Nah, bukan kah satu yang melucukan bercampur men-

ghina parlimen, seandainya kerajaan berbelanja dahulu dan kemudian mohon perbelanjaan itu diluluskan Ahli Parlimen?

Pada hakikatnya, ini yang terjadi di negara kita ini. Ini yang dikatakan sebagai antara demokrasi palsu dan hilangnya semak-imbang dalam sebuah kerajaan.

Tambahan pulak Najib sememang ada tabiat buruk yang suka menyembunyikan perbelanjaannya dengan kaedah 'off-budget spending' atau berbelanja di luar belanjawan. Bertambahlah lagi ketidaktelusan dalam perbelanjaan sehingga parlimen langsung tidak dapat memantau dan meluluskan berbilion ringgit akibat dibuat secara di luar peruntukan belanjawan.

Pihak pembangkang akan bertempok di Dewan Rakyat tetapi tetap pihak kerajaan akan tetap meneruskan perbelanjaan seperti ini.

Najib sangat suka dengan cara sebegini menggunakan antara lainnya kaedah 'Special Purpose Vehicle' atau SPV atau juga digunakan GLC. Contoh-contoh projek mega terkini dengan cara SPV adalah MRT2 and LRT3, Pan Borneo dan Menara Warisan. Dengan cara ini juga pelbagai ketidaktelusan, ketirisan bahkan pengherotan pasaran berlaku akibat pelbagai amalan kronisme atau kegiatan 'rent-seeking' oleh kronikroni.

Untuk rekod, Najib telah berbelanja dengan kaedah 'bajet tambahan' ini sejak 2009. Sejumlah RM110 bilion telah digunakan oleh Najib sejak 8 tahun lalu dan lazimnya dua kali setahun memohon tambahan.

Untuk perbelanjaan tambahan kali ini, Akta Perbekalan Tambahan (2017) 2018, beliau memohon RM7.12 bilion yang belum diperuntukkan dan selebihnya RM661.44 juta yang telah diperuntukkan dari wang yang disatukan (consolidated fund).

Jumlah besar adalah RM8.83 bilion, terbesar sejak 2013. Perincian peruntukan adalah seperti dalam RUU Akta Perbekalan Tambahan itu dengan pengurusan perbelanjaan mengambil peruntukan terbesarnya.

Baru sahaja para ekonomi mahu merakamkan satu pujian buat Najib kerana dapat mengekalkan angka 'defisit fiskal' negara, beliau kembali kepada tabiat buruk dan culasnya dalam urusan kewangan negara.

Mampukah Najib diberi kepercayaan untuk mengurus kewangan negara untuk kedepan nanti? Dengan terdedahnya segala kebobrokan pengurusan kewangan yang dimercutandakan oleh 'rompakkan ke atas 1MDB', nyatanya Najib sudah kehilangan maruah atau defisit yang sangat parah untuk diberikan kepercayaan.

Kecuali dua tokoh veteran Umno yang hari ini sudah bersama-sama untuk menyuarakan sikap dan pendirian mereka terhadap tadbir-urus kewangan negara dan khususnya dalam isu pengsonglapan besar 1MDB, pemimpin Umno-BN lainnya sepi seribu bahasa.

Maka amat wajar untuk rakyat kini menuntut satu perubahan demi menebus maruah negara dan demi kepentingan rakyat dan masa depan anak-cucu bangsa. Sudah sampai waktu dan masanya untuk



## ANALISIS

DR DZULKEFLY AHMAD

tampak kepimpinan negara diambil alih oleh dua tokoh legenda dan negarawan bagi menyelamatkan negara dari terus terjerumus dalam kemusnahan.

Pakatan Harapan juga telah bersedia dengan tawaran manifesto atau Buku Harapan, untuk 'Membina Negara, Memenuhi Harapan'.

Sesungguhnya ia adalah sebuah 'Pengisytiharan Penyelamat' (Clarion Call) untuk menghindari kehancuran yang lebih parah, yang telah melanda negara mutakhir ini.

Buku Harapan mengajak seluruh rakyat untuk pertama-tamanya menolak kepimpinan kleptokrat yang tersohor di dunia hari ini, yang telah hilang kompas moral dalam memacu hala tuju pembangunan negara.

■ **Dr Dzulkefly Ahmad ialah Pengarah Strategi AMANAH.**

## Sebelas resolusi Palestin dibaca di Maroun al-Ras

**BERIKUT** adalah 11 resolusi yang dicapai pada konvensyen sedunia ke-4 Solidariti Bersama Palestin di Lubnan, 11 hingga 14 Mac lalu, dan dibacakan di Maroun al-Ras, kawasan pergunungan Selatan Lubnan yang bersempadan dengan Palestin.

Deklarasi dan resolusi konvensyen dibaca di situ sebagai simbolik mengisytiharkan perjuangan rakyat Palestin yang didukung oleh seluruh masyarakat dunia.

1. Bersepakat untuk meneruskan sokongan kepada berbagai bentuk resisten terhadap regim Israel; termasuk penentangan civil di berbagai penjuru dunia; demi menyampaikan pendapat umum antarabangsa yang menyokong perjuangan Palestin serta menentang pencerohan Israel dan perisytiharan Trump baru-baru ini terhadap kota suci Al-Quds.

2. Menyeru agar disusun-atur gerakan serta program massa rakyat sedunia demi menyokong hasrat rakyat Palestin, yang seiring dengan usaha memindahkan kedutaan Amerika di Israel ke Baitul Maqdis; sempena memperingati hari Nakbah (Tragedi) Palestin.

3. Menggembeleng seluruh kekuatan;

sama ada material mahupun kekuatan moral demi mendokong perjuangan umat Palestin yang tinggal dalam kawasan yang terjajah untuk terus kekal berjuang. Khasnya penduduk yang tinggal di Baitul Maqdis yang sentiasa berhadapan dengan tindakan paling ganas, penyingkiran dan ancaman dari entiti Israel.

4. Membentuk suatu lembaga panitia dari kalangan peserta konvensyen bagi mendokong perjuangan Palestin ini agar membincangkan segala cadangan gerak kerja yang diungkapkan dalam sesi persidangan, di samping merumuskannya dalam program amal yang praktikal serta boleh diagih-agihkan kepada peserta dan ahli persidangan dari seluruh dunia.

5. Bergerak dan berusaha untuk mengukuhkan silaturrahim dan hubungan akrab dengan persatuan dan gerakan yang prihatin memperjuangkan hak orang Palestin untuk pulang ke tanah air mereka.



6. Berusaha untuk melancarkan kempen memperkenalkan perwakilan dan rombongan asing tentang isu Palestin di berbagai penjuru dunia dengan mengatur lawatan rombongan berkenaan ke perkhemahan tumpangan rakyat Palestin untuk memantapkan kesedaran warga dunia tentang hak rakyat Palestin pulang ke tanah air mereka.

7. Melancarkan pergerakan latihan perjalan untuk pulang beramai-ramai ke Palestin dari berbagai negara di dunia.

Persiapan untuk agenda berkenaan perlu dirancang dan dimulakan dari sekarang.

8. Memperkasa gerak kerja massa rakyat untuk membela Baitul Maqdis di seluruh pelosok dunia pada 6 Desember setiap tahun; sebagai menyatakan penolakan terhadap perisytiharan Trump mengenai Baitul Maqdis. Di samping mempertegas bahawa Al Quds adalah ibu kota Palestin.

9. Memperkasa usaha menentang normalisasi dalam segala bentuknya dengan regim Israel di seluruh dunia; di samping memperundang penjenayahan normalisasi; sama ada dilakukan oleh kerajaan, institusi mahupun individu.

10. Mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menghalang percubaan regim Israel melumpuhkan gerakan melawan normalisasi, di samping menguaruakan sikap penentangan normalisasi dari berbagai pihak dan peribadi ikonik dunia yang menentang normalisasi dalam berbagai dimensi dan peringkat.

11. Menyiapkan kaedah menyenaraihitam individu dan institusi yang merestui atau menyeru ke arah normalisasi dengan regim Israel.



# Berani nyatakan sikap politik, seru Mahfuz

**K**UALA LUMPUR: Datuk Mahfuz Omar menyeru ahli Pas supaya lebih berani menyatakan pendirian untuk memilih antara Pas dan Pakatan Harapan (PH) dalam menghadapi pilihan raya umum ke-14 (PRU14) akan datang.

Ahli Parlimen Pokok Sena ini berkata, Pas masih dilihat sebagai parti Islam yang kuat tetapi dari sudut politik, ia bukan tandingan BN.

"Saya harap ahli Pas yang mengambil pendirian tawakuf (mendiamkan diri), pilihan raya kali ini mereka tidak lagi bertawakuf.

"Biarlah mereka kekal dalam Pas tetapi memilih PH dalam pilihan raya nanti," ujarnya ketika menjawab pertanyaan media selepas mengumumkan menyertai AMANAH, 15 Mac lalu.

Bekas Ketua Penerangan Pas itu menambah, walaupun Pas mendakwa 141,111 ahli baru telah menyertai Pas bagi tempoh 2013-2017, namun bagi satu cawangan hanya terdapat penambahan empat ahli baru setahun.

"Oleh itu untuk Pas dilihat sebagai parti politik berkuasa saya fikir Pas tidak mampu membawa perubahan pada masa depan negara.

"Itu belum dikira di kalangan ahli Pas yang telah menyertai Keadilan, DAP, AMANAH dan PPBM.

"Apatah lagi di kalangan ahli Pas yang masih mengambil pendirian tawakuf ini begitu ramai dalam Pas," ujarnya.

Mahfuz mengumumkan menyertai AMANAH bersama bekas Pengarah Urusan Harakah Dr Rosli Yaakop.

Mahfuz turut mengumumkan isterinya Datin Roswati Jaafar dan tiga anaknya turut keluar Pas dan menyertai AMANAH.

Ketika ditanya perasaannya setelah mengisytiharkan menyertai AMANAH dengan disaksikan kepimpinan PH dan Presiden AMANAH Mohamad Sabu, beliau mengakui berasa lega kerana tidak dianggap turut bersekolong dengan Umno-BN oleh rakan-rakan di luar Pas.

"Saya rasa lega, setelah keluar Pas masa lapang banyak. Saya terlepas daripada beban dianggap sebagai pengkhianat kepada rakyat kerana bersekolong dengan Pas memberikan tongkat kepada Umno-BN," ujarnya.

Ahli Pas selama 34 tahun ini turut

mengimbuai usahanya untuk menyedarkan pemimpin utama Pas dari dalam agar menyertai PH tetapi tidak kesampaian.

"Jadi saya beralih mendekati ahli Pas pula untuk memahamkan mereka agar memberi sokongan kepada PH walaupun mereka kekal dalam Pas tetapi undi PH.

"Hari ini berbeza, saya nak seru sekali lagi, jika ada keberanian mereka keluar Pas dan sertai mana-mana parti dalam PH.

"Saya percaya tidak semua ahli Pas ada keberanian yang sama seperti saya dan

rakan-rakan lain yang telah lakukan (keluar parti)," ujarnya.

Beliau yakin penyertaannya dalam AMANAH dapat membantu parti dan PH menewaskan BN pada PRU14 ini.

"Saya fikir tidak cukup kekuatan seorang diri, gandingan semua pihak boleh membantu kemenangan PH.

"Saya ada usaha kecil untuk membantu AMANAH dan PH untuk menang dalam pilihan raya umum akan datang," ujarnya.



Antara pemimpin PH yang hadir meraikan penyertaan Mahfuz dan Dr Rosli bersama AMANAH.



Mahfuz menyerahkan borang keahlian AMANAH kepada Mohamad sambil Dr Rosli menunggu giliran.



Dr Rosli bercakap dalam sidang media selepas menyerahkan borang keahlian AMANAH.

## Sifat inklusif perlu jika mahu perintah negara, kata Dr Rosli

**SESEBUAH** parti politik itu hanya dilihat inklusif dan berupaya menarik sokongan masyarakat majmuk negara ini melalui kesediaannya untuk menyertai gabungan politik, bermuafakat dan bekerjasama, kata Dr Rosli Yaakop.

Bekas ahli jawatankuasa Pas Pusat itu berkata, dalam konteks Malaysia, Pas kini dilihat gagal menjadi parti pembangkang yang bersifat inklusif.

"AMANAH tidak sendiri kerana mahu bergabung dengan Keadilan, DAP dan PPBM dalam Pakatan Harapan (PH) untuk menjadi satu keluarga yang besar.

"Bagi saya hanya parti yang bergabung sahaja dapat menambat hati rakyat di Malaysia.

"Jika nak lawan dan berkuasa sendiri memang tidak boleh dilakukan.

"Jika Pas kata nak ambil kuasa di Malaysia dengan bersendirian tak mungkin melainkan dengan izin Allah," ujarnya.

Beliau berkata, sebagai contoh Pas tiada kekuatan untuk meraih kemenangan di Sabah dan Sarawak apatah lagi untuk memerintah negara sekiranya mahu bersendirian.

"Di Sabah dan Sarawak Pas tiada kekuatan. Jika Pas menang, ia perlu bergabung dengan parti di Semenanjung, Sabah dan Sarawak untuk perintah negara.

"Jadi saya nak tegaskan kalau nak ambil alih Putrajaya kita semua parti pembangkang kena bergabung. Seperti kekuatan Umno-BN kerana ia gabungan 14 parti komponen yang telah mengikat rakyat pelbagai kaum dalam

satu gabungan. Umno-BN boleh kekal 60 tahun perintah Malaysia.

"Jika datang pula parti bersendirian (Pas) 'sebatang karah', kita boleh kata selamat tinggal," ujarnya.

Bekas pengarah urusan akhbar rasmi Pas, Harakah itu menambah, bagi menewaskan BN parti pembangkang alternatif yang kuat diperlukan.

Sehubungan itu, tambah beliau gabungan AMANAH, Keadilan, DAP dan PPBM dilihat berupaya mencabar BN khususnya di Semenanjung.

Dr Rosli menamatkan khidmatnya dengan Harakah pada 1 Mei tahun lalu, selepas berkhidmat kira-kira empat tahun dengan organisasi media milik Pas itu.

"Selalu orang tanya bila nak masuk AMANAH, bila jumpa sahabat dalam Pas pula ehh...(terkejut) ada lagi engkau sini!

"Faktor yang menarik saya dalam AMANAH kerana parti ini tidak sendiri dan saya amat menghargai parti yang bergabung," ujarnya.

Beliau juga mengakui sebaran audio pengakuan ahli jawatankuasa Pas Pusat Nik Abdul Nik Abdul Aziz tentang wujudnya kerjasama Pas-Umno antara dorongan beliau meninggalkan parti itu.

Dr Rosli, 66, anak kelahiran Negeri Sembilan pernah memegang beberapa jawatan penting dalam Pas dan juga bekas pegawai Bank Negara.

Beliau mengisytiharkan menyertai AMANAH bersama Ahli Parlimen Pokok Sena Datuk Mahfuz Omar, 15 Mac lalu dalam satu sidang media di Bangunan Parlimen.



# Dulu potong subsidi, kini anjur jualan murah

Oleh ARIF ATAN

**KUALA LUMPUR:** Ahli Parlimen Pandan Rafzi Ramli menyelar pentadbiran kerajaan BN yang menghapuskan subsidi sejumlah barangan asas hingga mengheret rakyat kepada beban kenaikan melambung harga makanan dan kos sara hidup.

Bagaimanapun menjelang pilihan raya, para pemimpin BN uja beliau berlumba-lumba menganjurkan karnival jualan murah dan pemberian minyak percuma untuk menggambarkan mereka prihatin dengan kesusahan hidup rakyat.

"Sekarang, Yang Amat Berhormat Pekan (Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak) juga menjulang subsidi sedangkan pada awal pentadbiran beliau, dia juga mengisytiharkan perang terhadap subsidi.

"Kegilaan terbaru Pekan dan ahli-ahli dewan lain menganjurkan karnival jualan murah di kerusi-kerusi parlimen yang BN rasa kalah. Ada yang jual ikan dan beras murah.

"Di Selangor ada jual ikan percuma. Saya dimaklumkan tak bayar pada pembekal.

Dulu Yang Amat Berhormat Pekan dan kerajaan mencemuh subsidi. Sekarang berlumba-lumba cuba nak tunjukkan beri subsidi dan menguntungkan orang kaya sahaja," ujarnya ketika membahaskan titah ucapan Yang di-Pertuan Agong di Dewan Rakyat, 13 Mac lalu.

Beliau turut menyentuh trend pemberian petrol percuma oleh pemimpin BN sebagai kempen pilihan raya.

Beliau bagaimanapun menggalakkan semua menteri dan ahli Dewan Rakyat bagi memberikan beras, gula, garam, sayur, ikan dan minyak secara percuma kepada rakyat dalam tempoh enam minggu sebelum pilihan raya umum.

"Tak mengapa kerana yang menerima rakyat. Cuma saya beri amaran, pakai duit sendiri. Jangan pakai duit peruntukan Kementerian dan jabatan-jabatan," bidasnya.

Sehubungan itu, beliau menyifatkan Najib telah mencipta sejarah sebagai perdana menteri pertama menghapuskan subsidi minyak serta memperkenalkan cukai barang dan perkhidmatan (GST) di negara ini.

"Semasa Pekan mula jadi perdana menteri mengisytiharkan perang terhadap

subsidi, gah menjanjikan penghapusan subsidi untuk melunakkan kritikan pelabur-pelabur antarabangsa berkenaan penarafan hutang.

"Saya faham menteri kewangan perlu menjaga penarafan hutang tetapi kegilaan pentadbiran Pekan menjaga penarafan hutang negara dengan mengambil jalan memotong subsidi menekan rakyat agar membolehkan kerajaan berhutang lebih banyak. Itu satu tindakan sangat tidak bertanggungjawab," tegas beliau.

Rafzi mengingatkan dalam tempoh Najib menjadi perdana menteri, subsidi barangan keperluan asas seperti beras, gandum, gula dan minyak masak dihapuskan.

"Yang Amat Berhormat Pekan juga menaikkan kadar elektrik dalam tempoh enam tahun lalu menjadi perdana menteri pertama menghapuskan subsidi minyak dalam negara kita.

"Dan Pekan telah mencipta sejarah sebagai perdana menteri memperkenalkan GST. Tindakan-tindakan ini yang menyebabkan harga barang melambung, bukan berita palsu, bukan salah peniaga Cina, bukan kerana peniaga yang ambil kesempatan.

"Ia (kenaikan harga barang) adalah tindakan bersiri pentadbiran kerajaan menarik subsidi satu demi satu," katanya sebelum memberi laluan kepada Datuk Shabudin Yahaya (BN-Tasek Gelugor) untuk mencelah.

Shabudin mendakwa penghapusan subsidi adalah bagi 'menyelaraskan ekonomi' manakala pelaksanaan skim bantuan adalah untuk membantu rakyat.

Bagaimanapun Rafzi menyifatkan penghapusan subsidi yang kononnya sebagai satu keperluan untuk menyelaraskan ekonomi dan program bantuan kepada rakyat "hanya cantik di atas kertas".

"Sebaliknya, pemotongan subsidi itu telah memberi peruntukan yang lebih dengan sebahagian besarnya diheret ke peruntukan Pekan.

"Peruntukan yang lain untuk dibazirkan dalam projek-projek besar dan penanggungan hutang-hutang besar yang kita semua tahu salah satunya 1MDB," tegasnya.

Menurut beliau, peruntukan bagi subsidi yang dipotong disimpan Perbendaharaan untuk projek membazir dan tidak memberi kesan kepada rakyat.

## Kaum India diwakili pelbagai parti dalam PH

**KUALA LUMPUR:** Pengerusi Pakatan Harapan (PH) Tun Mahathir Mohamad menegaskan kaum India di negara ini mempunyai lebih banyak perwakilan dalam gabungan politik itu berbanding BN yang hanya melalui MIC.

Bercakap dalam dialog anjuran Hindraf di Dewan Perhimpunan Cina Kuala Lumpur-Selangor (KLS-CAH) 14 Mac lalu, beliau berkata komuniti India tidak memerlukan satu parti dan satu pihak sahaja untuk menjaga kebajikan mereka.

"Sewaktu saya dalam kerajaan, hanya ada seorang pemimpin yang menjaga kebajikan kaum India.

"Kini dalam PH anda tidak diwakili satu parti. Ada wakil India dalam DAP, PKR bahkan AMANAH juga membuka ruang kepada kaum India. Kaum India akan lebih banyak wakil.

"Wakil India untuk tiga parti ini sudah banyak. Pemimpin India dalam tiga parti ini lebih banyak dari pemimpin MIC yang ada ketika ini," jelasnya.

Menyifatkan MIC sebagai tidak lagi relevan untuk menjaga kebajikan masyarakat India, Tun Mahathir berkata, pemimpin MIC sebenarnya gagal menyampaikan

situasi sebenar kaum India kepada kerajaan ketika beliau menjadi Perdana Menteri.

Beliau memberitahu, permasalahan kaum India hanya diperolehnya daripada seorang pemimpin MIC sepanjang 22 tahun pentadbirannya sehingga 2003.

"Dalam BN setiap komuniti diwakili parti masing-masing dan bangsa India diwakili MIC. Apa yang dilakukan kerajaan adalah berdasarkan permintaan dari MIC untuk kaum India.

"Saya rasa wakil kaum India dalam kerajaan tidak memberi penekanan terhadap isu membabitkan masyarakat India.

"Tidak adil jika katakan saya tidak buat apa-apa untuk bangsa India. Setelah saya tinggalkan Umno dan sertai parti lain barulah saya sedar terdapat banyak masalah," ujarnya.

Dialog yang mendapat sambutan hangat kaum India itu juga menyaksikan Tun Mahathir turut menyelar sikap seorang ahli politik MIC yang tidak dinamakan.

"Dia tidak akan benarkan sesiapa yang menggugat kedudukannya. Sesiapa yang mencabarnya akan diusir dari parti. Selepas saya bersara dari dalam kerajaan, dia



Seorang hadirin mengambil kesempatan untuk berswafoto dengan Tun Mahathir.

masih ada.

"Dulu pemimpin MIC ini puji saya melambung, tetapi sekarang cakap saya tidak buat apa-apa

pula untuk kaum India," bidas Tun Mahathir lagi.

Terdahulu, Pengerusi Hindraf P Waythamoorthy dalam ucapan

aluannya berkata, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak telah membohongi dan mengkhianati masyarakat India di negara ini.

Sehubungan itu, beliau menggesa agar masyarakat India mengundi PH kerana BN terbukti gagal menunaikan janji mereka selama ini.

"Perdana menteri telah menipu rakyat dan masyarakat India Malaysia. Mantra kami kini ialah kosong undi kepada BN," tegas peguam itu lagi yang pernah dilantik sebagai timbalan menteri dalam kabinet Najib lima tahun lalu.

Walau bagaimanapun, beliau kemudiannya meletakkan jawatan pada Februari 2014 iaitu selepas lapan bulan dilantik kerana menganggap pentadbiran Najib berlelah untuk menunaikan janji membantu masyarakat India yang miskin di negara ini.

Untuk rekod, demonstrasi Hindraf pada 2007 disertai puluhan ribu kaum India yang tidak berpuas hati dengan tindakan kerajaan BN menangani isu kemiskinan, politik dan agama masyarakat Hindu dan India.

Hindraf tahun lalu menyatakan hasrat untuk menjalin kerjasama dengan PH untuk PRU-14.



# Tidak wajar menteri nafi laporan Unicef

**KUALA LUMPUR:** Pemuda Pakatan Harapan (PH) kesal dengan sikap Menteri Pendidikan Datuk Seri Mahdzir Khalid yang secara melulu menolak laporan kajian Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unicef) mengenai murid terbantut dan tidak mampu membeli makanan di negara ini.

Sambil menyifatkan tindakan menteri berkenaan sebagai 'egois' dan 'bodoh sombong', Exco Pendidikan Pemuda PH Mohd Ashraf Mustaqim Badrul Munir berkata, kerajaan BN nyata tidak menghiraukan nasib rakyat terpinggir ataupun kelompok marhaen di negara ini.

"Biro Pendidikan beranggapan, setidaknya Mahdzir Khalid akan memilih untuk mendalami kajian tersebut dan memikirkan langkah yang lebih baik untuk membasmi permasalahan yang melanda rakyat.

"Namun jawapan yang dilontarkan adalah sebaliknya, apabila beliau dengan jelas menolak 100% laporan tersebut dan mengalihkan kepada penyelesaian menerusi agenda Rancangan Makanan Tambahan (RMT).

"Tindakan beliau itu menidakkan bahawa terdapat isu 'malnutrisi' di negara ini," ujarnya.

Mohd Ashraf mengulas kenyataan Mah-

dzir di Dewan Rakyat, 13 Mac lalu bahawa kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memastikan kesejahteraan murid di negara ini dijaga, termasuk Rancangan Makanan Tambahan (RMT) untuk manfaat 458,483 murid sekolah rendah daripada golongan berpendapatan rendah dan luar bandar tahun ini.

Mahdzir menjawab pertanyaan tambahan Nurul Izzah Anwar (Keadilan-Lembah Pantai) yang mahu penjelasan Kementerian Pendidikan mengenai laporan Unicef yang diterbitkan baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Mohd Ashraf melampirkan hasil kajian Kementerian Pendidikan mengenai keperluan mengadakan program Rancangan Makanan Tambahan (RMT).

Hasil kajian kementerian mendapati di antara 15-20 peratus daripada jumlah murid yang datang ke sekolah mengalami 'kelaparan tersembunyi' iaitu tidak bersarapan (sekolah pagi) atau makan tengah hari (sekolah petang).

Kajian juga mendapati lebih kurang 35 peratus murid sekolah rendah menunjukkan tanda-tanda salah pemakanan (malnutrition) yang mengakibatkan serangan penyakit (infection), masalah pertumbuhan badan (growth), pencapaian dalam pelaja-



ran (learning) serta kelakuan penyesuaian diri (adaptive behavior).

Sehubungan itu, Mohd Ashraf berkata hasil kajian Kementerian Pendidikan itu selari dengan isu yang ditimbulkan Unicef biarpun kajian itu sekadar meliputi PPR di Kuala Lumpur.

"Bagaimana Mahdzir Khalid boleh menafikan hasil kajian Unicef ini sedangkan hasil kajian kementerian turut menampakkan data yang sama, iaitu bebanan kesusahan rakyat yang begitu ketara.

"Lebih menyedihkan apabila beliau merasakan bahawa agenda RMT adalah mencukupi," ujarnya.

Beliau turut mempersoalkan sama ada peruntukan RM2.50 bagi seorang murid untuk program RMT itu cukup untuk membekalkan zat makanan yang baik dan seimbang.

"Malah pengusaha kantin juga mempunyai masalah untuk menyediakan makanan yang baik dan sihat dengan hanya RM2.50 bagi seorang murid.

"Maka boleh jadi benar isu RMT yang pernah menggemparkan negara baru-baru ini apabila murid hanya dibekalkan nasi kosong dan sosej.

"Saya yakin bahawa Mahdzir Khalid sedikit pun tidak membaca laporan dari Unicef ini malah laporan dari kementerian beliau sendiri," katanya.

Sehubungan itu, Mohd Ashraf menasihati menteri terbabit supaya tidak cuba mengelak menjawab isu sebenar sekaligus dianggap tidak layak untuk memperjuangkan nasib rakyat.

## Jangan dakwa insiden Lahad Datu satu kejayaan, kata Patriot

**KUALA LUMPUR:** Persatuan Patriot Kebangsaan (Patriot) menepelak kenyataan Menteri Pertahanan Datuk Seri Hishammuddin Hussein yang mendakwa insiden pencerobohan di Lahad Datu membuktikan kejayaan kerajaan melindungi negara dan rakyat negara ini.

Presiden Patriot Brig Jen (B) Datuk Mohamed Arshad Raji berkata, apa yang sebenarnya berlaku adalah bertentangan dengan dakwaan Hishammuddin itu.

Jelas beliau, insiden yang berlaku dari 11 Feb hingga 11 Mac 2013 itu disifatkan ramai veteran dan pegawai kanan yang masih berkhidmat sebagai 'suatu kegagalan yang besar'.

"Kegagalan berlaku dalam banyak perkara. Pertama, perkhidmatan risikan kita gagal mengesan kewujudan 200 militan bersenjata Sulu sebelum mereka menceroboh.

"Oleh kerana ia merupakan pencerobohan bersenjata pihak asing, tanpa ragu, arahan pertama sepatutnya adalah untuk menembak mati dan bukannya berunding.

"Malah jika terdapat alasan untuk berunding, sebelum rundingan dibuat, pasukan keselamatan kita sepatutnya telah masuk dan mendapatkan asas taktikal serta kelebihan," ujar beliau dalam satu kenyataan media.

Tambah beliau, hanya selepas dua minggu



Mohamed Arshad Raji

rundingan yang dibuat gagal, barulah pasukan bersenjata kita diarah menyerang militan bersenjata Sulu tersebut.

"Patriot berasa sedih, kita terpaksa kehilangan 10 pegawai dan orang kita yang berani dalam pertempuran dengan militan berkenaan yang berakhir selama lima minggu," kata beliau.

Menurut Mohamed Arshad, jika dari awal arahan terhadap keseluruhan operasi diletakkan

di atas bahu general paling atas (sebagai komander), Patriot tanpa ragu merasakan keseluruhan operasi tersebut akan berakhir hanya dalam masa beberapa hari dengan jumlah musuh terbunuh maksimum dan kehilangan di pihak pasukan keselamatan pula minimum.

"Masalahnya ialah menteri dan orang awam kita cuba beraksi sebagai komander melalui andaian-andaian yang bodoh," katanya.

Beliau menegaskan bahawa pihaknya tidak mempunyai masalah peribadi dengan Hishammuddin namun kritikan ini dibuat dengan niat baik bertujuan membetulkan keadaan.

Hishammuddin seperti dilapor Bernama 11 Mac lalu menganggap operasi membanteras pencerobohan pengganas Sulu di timur Sabah sebagai satu 'kejayaan'.

Beliau mengulas manifesto Pakatan Harapan (PH) berhubung soal keselamatan di Sabah.

## Mengapa Najib hanya diam dipanggil 'pencuri'?

Oleh **AKMAL HAZIQ**

**KUALA LUMPUR:** Pemimpin veteran DAP Lim Kit Siang mempersoalkan sikap Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak yang hanya berdiam diri apabila digelar 'pencuri' oleh media antarabangsa, The Economist dan MSNBC dalam masa dua hari berturut-turut.

The Economist pada 8 Mac lalu dalam artikel bertajuk 'Stop, thief! Malaysia's PM is about to steal an election' (Hentikan pencuri! PM Malaysia berkira-kira mencuri pilihan raya), kata Kit Siang mendakwa Najib berada dalam ketakutan kerana pengundi tidak lagi mengundi BN dan beliau akan menggunakan apa sahaja cara untuk memenangi pilihan raya.

Majalah itu juga, kata Kit Siang menyebut tentang skandal 1MDB membabitkan dana berbilion ringgit yang menurut pihak berkuasa Amerika Syarikat (AS) telah disalahgunakan.

Pada 9 Mac, tambah Ahli Parlimen Gelang Patah itu, hos televisyen Rachel Maddow daripada rangkaian MSNBC, dalam program 'The Rachel

Maddow Show' turut menggelar Najib sebagai 'pencuri'.

Maddow kata beliau, menyebut secara terperinci perihal skandal 1MDB bermula dari 'derma Tok Arab' sehingga kepada perkembangan terakhir penyitaan kapal mewah Equanimity milik Jho Low di Bali, Indonesia.

"Apakah Najib akan saman? Apakah PM Malaysia akan membersihkan nama dan reputasi beliau, bukan hanya untuk dirinya tetapi untuk negara Malaysia dan 30 juta rakyatnya?" soal beliau dalam kenyataan media.

Jelasnya lagi, bukan sahaja AS, Australia, Britian, Eropah dan media antarabangsa lain melaporkan tentang skandal 1MDB, malah media negara-negara Asean dengan majalah utama Indonesia, Tempo menonjolkan skandal 1MDB dan usaha mendiamkannya oleh kerajaan Malaysia.

"Najib tidak boleh terus bersikap mendiamkan diri seolah-olah matanya tidak melihat, telinga tidak mendengar dan mulut tidak mampu bertutur.

"Beliau tidak mempunyai pilihan selain membersihkan nama beliau dan juga nama negara ini," kata Kit Siang.



# Jelajah PH ke Negeri disambut mesra rak



Mohamad bersalaman dengan peniaga di pasar malam Senawang Jaya.



Bersemangat mengikuti persembahan pentas.



Walkabout Presiden AMANAH disambut mesra orang ramai.



Empat bekas pesuruhjaya Pas Negeri Sembilan yang menyertai AMANAH, dari kiri Taufek, Dr Rosli, MK Ibrahim dan Zulkeyfi.



Mohamad berucap di majlis santai 'Ngeteh Bersama Abang Mat Sabu'.

Foto WAN ZAHARI WAN SALLEH

**P**ROGRAM Jelajah Pakatan Harapan (PH) tiba di Negeri Sembilan 18 Mac lalu dengan pelbagai aktiviti menyantuni penduduk tempatan khususnya di sekitar kawasan Seremban.

Pada sebelah petang, Presiden AMANAH mengadakan 'walkabout' bersama para pemimpin PH negeri di Pasar Malam Taman Senawang Jaya.

Kehadiran Mohamad dan rombongan disambut mesra orang ramai yang bersalaman dan bertanya khabar.

Mohamad juga menghadiri sesi minum petang, "Ngeteh Bersama Abang Mat Sabu" di Taman Tasik Jaya, Seremban.

Hadir sama, empat bekas pesuruhjaya Pas Negeri Sembilan iaitu Dr Rosli Yaakop, Taufek Abdul Ghani, MK Ibrahim Abdul Rahman dan Zulkeyfi Mohd Omar yang kini bersama AMANAH.

Presiden PH Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail pula hadir pada sesi Dialog Bersama

NGO Wanita di Rembau pada jam 5 petang.

Pelbagai isu sekitar usaha memartabatkan wanita dalam segenap sektor negara dibincangkan termasuk tawaran khusus PH terhadap golongan wanita.

Pada waktu yang sama, Naib Presiden PPBM Datuk Seri Mukhriz Mahathir pula mengadakan dialog bersama NGO di Dewan Garden Hotel Senawang.

Pelbagai isu membabitkan kepentingan negara dibincangkan dalam majlis tersebut.

Di sebelah malam, Ceramah Perdana PH berlangsung di Betaria Business Centre bermula jam 8 malam.

Pengerusi PH Tun Dr Mahathir Mohamad dan para pemimpin utama PH peringkat nasional dan negeri hadir disambut ribuan hadirin.

Dalam sidang media lima pemimpin PH di Senawang, Mohamad berkata jawatan menteri besar dan ketua menteri bagi negeri-negeri ditadbir PH akan diadkan kepada dua penggal.

Mohamad yang juga Timbalan Presiden



Pemimpin PH tekun mengikuti acara pentas.

Kaunter keahlian turut dibuka aktivis parti.



# ri Sembilan kyat

PH berkata, gabungan politik itu tidak menetapkan calon menteri besar dan ketua menteri.

"Kita belum tentukan tetapi kita kempen jangan undi dacing dan bulan. Kita tidak ada kempen untuk undi calon menteri besar.

"Kita belum putuskan (siapa calon menteri besar) semua mesti kerja kuat supaya parti mereka menang besar.

"Kita akan bincang pada ketika Pakatan Harapan menang nanti siapa yang bakal jadi calon menteri besar," jelasnya.

Mohamad juga berkata, Negeri Sembilan adalah antara negeri tumpu PH selain Johor di selatan Semenanjung.

"Memang 2013 ada sedikit penurunan undi Melayu kerana isu perkauman dan agama dimainkan. Dengan perpaduan empat parti dan kehadiran Tun Dr Mahathir kita nampak orang Melayu bersama dengan PH," ujarnya.

Turut hadir pada sidang media itu Dr Wan Azizah, Mukhriz, Pengerusi PH Negeri Sembilan Aminuddin Harun dan Pengerusi DAP Negeri Sembilan Anthony Loke.



Dr Rosli Yaakop yang baru mengisytiharkan diri menyertai AMANAH diraikan pada malam Ceramah PH.



NENEK & CUCU...  
Harapan besar untuk  
Pakatan Harapan.



Rakyat pelbagai kaum dan agama hadir mengikuti Ceramah Perdana PH.



Kehadiran Tun Mahathir disambut mesra orang ramai.



Sebahagian daripada ribuan hadirin.



# Tiada apa rakyat dapat harapkan dari BN

## Kelolaan ARIF ATAN

Sudah terang lagi bersuluh. Umno-BN hanya dahan yang rapuh untuk rakyat terus berpaut. Masa depan rakyat tidak harus terus diperjudikan dengan terus memberi mandat kepada Umno-BN pada PRU-14.

Ketua Pemuda AMANAH Nasional, Sany Hamzan menegaskan pimpinan tertinggi Umno-BN tidak boleh lagi diharapkan untuk menjamin kesejahteraan rakyat seperti terbukti pada rekod salah guna dan penyelewengan kuasa sebelum ini.

"Apa kita nak harapkan pada Umno-BN? Nak harapkan pada Annuar Musa (Ketua Penerangan Umno)? Duit Mara (Majlis Amanah Rakyat) yang sepatutnya digunakan untuk tujuan pendidikan dia pelengkap. Inikah orang yang kita harapkan untuk menjaga negara ini?"

"Nak harapkan pada Ketua Pemuda Umno Malaysia, Khairy Jamaluddin? Sampai hari ini, tidak berani jawab soal berkaitan hilangnya wang Kementerian Belia dan Sukan RM100 juta.

"Nak harapkan pada Ketua Wanita Umno Malaysia, Kak Jat (Shahrizat Abdul Jalil)? Dalam Perhimpunan Agung Umno disebut kalau tiada Umno, bangsatlah Melayu ini. Isu lembu RM250 juta pun tidak selesai lagi.

"Ambil duit rakyat. Kita suruh bela lembu tapi duit entah ke mana, lembu pun tidak tahu ke mana," bidasnya dalam Taklimat Jentera Pilihan Raya Pakatan Harapan (PH) Kelantan di Kubang Kerian pada 20 Mac lalu.



Untuk rekod, Annuar didakwa mengarahkan Universiti Kuala Lumpur (UniKL) dan Pelaburan Mara Berhad (PMB) membayar RM700,000 kepada pasukan bola sepak Kelantan, The Red Warriors (TRW) sehingga digantung jawatannya sebagai Pengerusi Mara dan Pengerusi PMB berkuatkuasa serta-merta tahun lalu.

Pada 2016 pula, pegawai kanan Kementerian Belia dan Sukan ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana disyaki terlibat dalam penyelewengan dana RM100 juta.

Sementara itu, Shahrizat yang merupakan Ketua Wanita Umno terjebak dalam skandal Pusat Fidlot Nasional (NFC) berjumlah RM250

juta ketika menjadi Menteri Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Skandal yang kemudiannya dikenali dengan sindiran 'lembu duduk dalam kondor' itu menyaksikan keluarga Shahrizat mendapat tender projek NFC dengan Pengerusi Eksekutif NFC adalah suaminya, Datuk Dr. Mohamad Salleh Ismail manakala anak mereka, Wan Izran Mohamad Salleh sebagai Ketua Pegawai Eksekutif NFC.

Selanjutnya, Sany berkata, rakyat tidak perlu bimbang untuk mengundi Pakatan Harapan (PH) kerana kedudukan orang Melayu, agama Islam dan institusi raja tetap dipelihara mengikut lunas Perlembagaan.

Timbalan Ketua Pemuda PH itu berkata, hal tersebut terbukti dengan perkembangan di Selangor dan Pulau Pinang bahkan di negara-negara serantau yang menyaksikan bukan Umno-BN berkuasa.

"Di Selangor, institusi raja ada. Di Pulau Pinang yang memerintah namanya Lim Guan Eng, seorang Cina dari DAP hampir 10 tahun jadi Ketua Menteri Pulau Pinang. Ada orang Islam dan masjid di Pulau Pinang.

"Jangan takut untuk undi Pakatan Harapan dalam pilihan raya umum akan datang. Sebab itu kita nak sebutkan di Brunei dan Singapura, Melayu tetap hidup walaupun Umno tiada," tegasnya.

Tambahnya, rakyat harus bangkit melakukan perubahan dengan memberi peluang kepada PH ke Putrajaya bahkan menarik kembali mandat diberi jika terbabit dengan jenayah korupsi.

"Kalau penggal pertama tidak berlaku rasuah, tiris, penyelewengan, pembaziran boleh beri undi lagi PH. Tapi kalau rasuah, ambil projek rakyat, kita jatuhkan kerajaan PH dan naikkan kerajaan lain selepas itu.

"Kita kena berani untuk melakukan perubahan dan Insya-Allah PH akan ke Putrajaya demi menyelamatkan negara ini," tegasnya lagi dalam program di perkarangan kediaman bekas menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Zaid Ibrahim yang kini DAP Kelantan.

Turut berpidato Pengerusi PKR Kelantan, Abdul Aziz Kadir; Pengerusi DAP Kelantan, Chua Chin Hui dan Ketua Bahagian Bersatu Ketereh, Dr Radzi Jidin.

## Ramai penjawat awam tidak terheret

**SEBAHAGIAN** besar kakitangan awam diyakini menghormati keputusan Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) jika berpihak kepada Pakatan Harapan dengan melaksanakan tugas masing-masing tanpa mengikut telunjuk Umno-BN.

Ketua Pemuda Pakatan Harapan, Nik Nazmi Nik Ahmad berkata, rakyat sebenarnya bersedia untuk melakukan perubahan memandangkan banyak kes penyelewengan dan salah guna kuasa terpalit dengan rejim sedia ada.

"Semua penjawat awam apabila berlaku perubahan kerajaan maka mereka harus melakukan tugas yang ada untuk membolehkan transisi yang demokratik itu boleh berlaku.

"Saya percaya ada cubaan beberapa kelompok dekat dengan Najib atau Najib sendiri (untuk manipulasi pilihan raya) tapi saya yakin ramai penjawat awam tidak berminat terheret dalam perkara tersebut," ujarnya.

Beliau berkata demikian dalam Forum "Ke Mana Arah Malaysia Kita?" yang dimoderatkan Naib Ketua Pemuda AMANAH Nasional, Shazni Munir Mohd Ithnin di Shah Alam baru-baru-baru ini.

Menjawab soalan Shazni berkenaan laporan The Economist baru-baru ini, Ketua Angkatan Muda KeADILan (AMK) itu berkata, hasil analisis beberapa badan kajian mutakhir ini menyaksikan Pakatan Harapan sebenarnya mempunyai

peluang untuk memenangi PRU-14.

"Kita tahu mereka (Umno-BN) akan guna apa yang ada untuk mengekalkan kuasa. Jika mereka kalah, mereka pun tidak tahu dengan banyak kes mereka termasuk di peringkat antarabangsa," katanya.

Lidah pengarang majalah perniagaan berpengaruh British, The Economist keluaran 10 Mac lalu dalam rencana bertajuk 'Stop, thief! Malaysia's PM is about to steal an election' (Tangkap Pencuri! Perdana Menteri Malaysia Sedang Merancang Menipu Pilihan Raya) menyebut Najib takut pengundi tidak akan memberi sokongan lantaran berdepan skandal 1MDB.

Mengulas lanjut, Nazmi, 36, menegaskan setiap segmen dalam institusi kerajaan yang membabitkan penjawat awam harus memainkan peranan secara bertanggungjawab sepanjang proses PRU-14 ini.

"Kita berharap ia (perubahan kerajaan) berlaku dengan baik sebagaimana kita melihat transisi di negeri-negeri (Selangor dan Pulau Pinang) dapat berlangsung walaupun mulanya berlaku sedikit masalah kecil tetap akhirnya dapat diterima.

"Maka, jika berlaku di peringkat kerajaan persekutuan, ia harus diterima supaya menjadi demokrasi yang matang," tambah Exco kerajaan negeri Selangor itu lagi.



**TURUN PADANG...** Penyelaras Dun Selinsing, Ustaz Saqif Ansurullah turun padang menziarahi penduduk setempat di Pengkalan Sungai Baru yang sedang menanti tangkapan ikan dinaikkan pada pagi 19 Mac lalu. Mereka turut mengeluh kos sara hidup semakin melambung.



**SABAH BANGKIT...** Aksi kilas (flashmob) Jom Turun Mengundi anjuran Gerakan Anak Muda Memajukan Rakyat (GAMER) dengan kerjasama Kelab Belia Anak Jati EMPIRE Pekan Tuaran pada 18 Mac lalu menarik perhatian masyarakat tempatan tentang kuasa undi.



# 'Bukan mudah melawan AUKU'

Kelolaan ARIF ATAN

Sudah dua tahun berlalu tetapi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dilihat terus mengenakan tindakan ke atas mahasiswanya, Asheeq Ali Sethi Alivi hanya kerana menyertai perhimpunan #TangkapMO1 di ibu negara.

Kali pertama, digantung pengajian selama tiga minggu pada November 2016 dan dikenakan hukuman sama selama sebulan sejak 14 Mac lalu.

Namun, sokongan mahasiswa dari seluruh negara terhadap penuntut undang-undang tidak putus-putus diterima bermula daripada sidang media bersama kumpulan badan bukan kerajaan (NGO) sehingga bersolidariti di media sosial.

Bahkan, sidang media sama diadakan di Sabah serentak dengan di Semenanjung pada hari pertama hari penggantungan



# AUKU

apabila tuntutan mahasiswa yang mahu hak bersuara mereka dihormati dihadang dengan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU).

Bahkan pada sidang media yang turut disertai sayap mahasiswa AMANAH, PKR dan PSM itu, Asheeq memberitahu di Facebook miliknya bahawa tiga anggota Cawangan Khas (SB) berada di lokasi tersebut.

"Sudah sudahlah kongkong kami. Walau macam manapun kau kongkong, kami tetap akan bersuara," tegas Asheeq.

Menempelak tindakan yang seolah-olah mahu mahasiswa hanya berdiam diri dan belajar, kempen setiakawan #KitaAsheeq dilancarkan.

kali kedua berkuat-kuasa.

Menjengkelkan



Kempen solidariti #KitaAsheeq mendesak UKM menarik balik hukuman.

Turut tular #solidaritimahasiswa dan #mansuhAUKU, media sosial dibanjiri imej mahasiswa

dan anak muda yang tampil dengan jari telunjuk di bibir sejak minggu lalu.

Laman Facebook Asheeq misalnya 'meriah' dengan kiriman tanda setiakawan daripada rakan-rakan mahasiswa dari seluruh negara.

Malahan, Kesatuan Penuntut Undang-undang Malaysia di United Kingdom dan Eire (KPUM) turut menitipkan semangat dan sokongan.

Sementara itu, Kesatuan Mahasiswa Malaysia (Kesatuan) dalam reaksi mereka menggesa pentadbiran UKM supaya menarik semula tindakan yang telah dikenakan ke atas Asheeq.

Koordinatornya, Anis Syafiqah Md Yusof berkata, gabungan mahasiswa tidak akan teragak-agak untuk melakukan protes di hadapan UKM jika hukuman tersebut diteruskan.

Turut bersedia untuk melakukan aksi sama Persatuan Belia Baru Universiti Malaya (Umany), Persatuan Pelajar Universiti Islam Malaysia, dan sayap pelajar daripada AMANAH, PKR dan PSM, serta 15 kumpulan lagi.

## GST tidak mustahil naik

Jika perbelanjaan kerajaan yang pada masa ini menghampiri RM700 bilion tidak dapat dikurangkan selain ketirisan dan pembaziran tidak dapat diatasi kemungkinan besar kadar GST akan terpaksa dinaikkan kepada tahap yang lebih tinggi dan membebankan, kata Prof Dr Mohd Nazari Ismail.

Pensyarah Jabatan Dasar dan Strategi, Fakulti Perniagaan dan Perakaunan, Universiti Malaya (UM) itu berkata, kerajaan Malaysia membayar bunga (interest) kepada pemberi hutang sebanyak hampir RM30 bilion setahun.

"Di pihak isi rumah pula, jumlah hutang adalah sudah pun melebihi RM1 trilion dan ini bermakna jumlah keuntungan atau interest kepada pihak bank adalah melebihi RM50 bilion setahun," ditekankan daripada artikelnya baru-baru ini.

Ketua Biro Penyelidikan IKRAM itu menekankan kos sara hidup di Malaysia kini semakin menekan akibat daripada sistem kewangan negara yang membuatkan isi rumah, organisasi dan juga kerajaan semakin terjerat dalam perangkap hutang.

"Sebagai rumusan, keadaan hutang kerajaan Malaysia sekarang adalah sebenarnya membimbangkan walaupun pembekal dana hutang atau sistem perbankan masih yakin untuk memberi hutang kepada kerajaan," jelasnya.

Justeru, Dr Nazari berpendapat cara kerajaan dan rakyat berhutang pada masa ini bukan sahaja bercanggah dengan ajaran Islam sebenar malah menjadi penyumbang utama kepada masalah kenaikan kos sara hidup.

Hal ini kerana, jelasnya, sistem kewangan yang



memberi hutang itu juga pada masa yang sama mencipta wang yang banyak.

"Inilah punca utama kepada inflasi dan oleh sebab itulah masalah kos sara hidup ini juga wujud di negara-negara lain yang dikatakan maju dan bebas daripada masalah korupsi dan ketirisan.

"Jelaslah bahawa negara kita bukan sahaja memerlukan sebuah kerajaan yang mampu mengurus kewangan negara dengan berhemah dan bebas daripada amalan korupsi.

"Bahkan juga perlu kepada sistem kewangan Islam yang sebenar, yang bebas daripada cengkaman industri hutang," ujar Ahli Jawatankuasa Movement for Monetary Justice (MMJ) itu lagi.

## Belayar mewah kisah kleptokrasi

**SUDAH** hangat diperkatakan di seluruh dunia, jenayah rompakan dana awam berbilion ringgit di sebalik operasi syarikat 'peleburan', 1Malaysia Development Berhad (1MDB) tentunya pelik jika tidak menjentik naluri ingin tahu warga kampus di tanah air.

Jika lidah pengarang majalah perniagaan berpengaruh British, *The Economist* keluaran 10 Mac lalu menganggap Perdana Menteri Malaysia sedang merancang untuk menipu pilihan raya, jiran tetangga juga memberi liputan utama menerusi *Tempo* keluaran 12 - 18 Mac lalu.

Laporan terperinci majalah Indonesia itu menganggap Jho Low sebagai "mata rantai yang bisa menyeret Najib dalam skandal penyelewengan dana 1MDB" manakala kapal mewah *Equanimity* yang dirampas di Bali, 27 Februari lalu "diduga salah satu hasil pencucian wang" dari skandal tersebut.

Namun, sejak tahun lalu lagi buku *Kleptokrasi Bukan Rahmat*



**Bacalah**

karya Faiz Fadzil terlebih dahulu mengetuk dunia penerbitan dengan kupasan 1MDB sebagai ibu korupsi ini.

Tinggal lagi sejauh mana buku ini telah dan akan dibahaskan menuntut iltizam mahasiswa untuk membedah intipati karya terbitan

Ilham Books ini.

Berlatar belakangkan praktik guaman Timbalan Ketua Pemuda AMANAH Nasional itu, pembaca sebenarnya mewah dilayarkan dengan 10 bab termasuk implikasi rasuah dan undang-undang yang diguna untuk menutup bangkai korupsi.

Bak kata Naib Presiden AMANAH, Husam

Musa dalam Kata Pengantar buku ini - "meletakkan sauh pendirian". Demikian jugalah mahasiswa dalam menelaah buku ini.

Dari tahu datangnya pendirian. Tahu tentang modus operandi kleptokrasi maka tegaplah pendirian bahawa negara sedang parah dikemudi pasca rampasan kapal mewah yang dibeli menggunakan wang curi dana 1MDB!





# Pas tidak serius lagi berpolitik

Oleh **USTAZ ZOLKHARNAIN ABIDIN**

**B**UKU tawaran Pakatan Harapan ada 203 muka surat. Bermula dengan kata pengantar Tun Dr Mahathir Mohamad dan disempurnakan dengan huraian 60 tawaran PH.

Setakat ini buku tawaran PH tidak menjadi bahan lucuan orang ramai. Bahkan saya yakin tidak akan berlaku begitu.

Buku itu ditanggap secara serius sebagai dokumen utama yang melakar komitmenn PH untuk orang ramai dan negara.

Tawaran Gagasan Sejahtera pula hanya ada beberapa helai dalam bentuk

grafik. Tersiar juga dalam beberapa media maya secara sebutan sepintas lalu.

Saya belum berjumpa huraian lengkap 20 tawaran Gagasan Sejahtera. Kurang pasti ada huraian lengkap atau tidak.

Saya ada terima huraian tawaran ke 11 berkaitan syariah. Ada dua versi. Salah satu versi agak lintang-pukang dan serabut.

Kini, sedang tular sebagai bahan lucuan tawaran pemilikan kereta 1300 CC yang disama ertikan dengan kuasa kuda.

Seolah-olah dokumen tawaran itu dibuat sambil lewa oleh pasukan sampin-

gan, bukan pasukan utama parti.

Dokumen tawaran itu nampak seperti terhasil secara tergesa-gesa kerana desakan umum untuk melihatnya selepas PH melancarkan tawarannya.

Sebuah parti berusia 60 tahun lebih, dikatakan semakin kuat berbuat silap dan menjadi bahan lucuan orang ramai.

Lebih parah lagi, kesilapan yang tertulis itu dibaca pula oleh Presiden Pas dalam sidang medianya.

Sesebuah dokumen tawaran pilihan raya (manifesto) sepatutnya dihasilkan dengan teliti dan serius.

Itu lambang keseriusan parti berkenaan. Jika penyediaan tawaran pun lintang-

pukang, bagaimana pelaksanaannya?

Pas tidak serius lagi dengan kerja-kerja politiknya. Parti itu masuk politik tidak lebih sebagai pemeriah suasana saja.

Seorang veteran politik Perlis, Cikgu Khoo Yang Chong (bekas anggota DH-PP) berkata, elok Pas jadi NGO daripada jadi parti politik.

Justeru, undi Pas dalam PRU14 adalah membazir kerana parti itu tidak serius lagi berpolitik.

Pemimpin utama mereka kebanyakannya sudah mendapat apa yang mereka mahu. Jadi, bagaimana masa depan Pas dalam politik bukan lagi fokus mereka.

# Kehadiran AMANAH meriahkan demokrasi tanah air

Oleh **A. SHUKUR HARUN**

**K**EHADIRAN Parti Amanah Negara, atau AMANAH di persada politik tanah air kira-kira tiga tahun lalu disambut dengan pelbagai reaksi oleh pelbagai pihak. Ada yang gembira kerana akan membantu memeriahkan demokrasi tanah air, menjadi pencabar kepada parti politik yang memerintah dan pelbagai lagi.

Ada pula reaksi yang negatif, malah sangat negatif, malah enggan menyebutnya sebagai Parti AMANAH, tetapi sekadar menyebutnya PAN, suatu reaksinya yang luar biasa yang mungkin dilatari oleh rasa takut akan kehadirannya atau bagaimana.

AMANAH juga dianggap parti serpihan yang konon tidak akan panjang umurnya seperti Hamim, Berjasa, Semangat 46 dan lain-lain. Dalam hal ini, ternyata menurut sejarahnya parti politik yang ada ini adalah parti serpihan belakangnya. Maka tidak mengapa Parti AMANAH dianggap parti serpihan. Namun kehadirannya sudah dirasakan oleh masyarakat.

Berapa lamakah ia boleh bertahan, sesungguhnya ini di luar kemampuan masyarakat untuk menentukannya sama ada disukai atau dibenci. Namun sama ada ia disukai atau dibenci akan kehadirannya, ia telah menjadi sebahagian dari parti politik Malaysia.

Dalam Pilihan raya Umum ke-14 ini, AMANAH akan bertanding sebanyak 27 kerusi parlimen dan juga banyak


kerusi Dun di negeri yang telah diperuntukkan.

Sekali lagi AMANAH menghadirkan dirinya untuk mencabar dan dicabar. Kalah atau menang adalah lumrah dalam politik. Demikianlah AMANAH, samada ia disukai atau dibenci, ia tetap hadir di persada politik tanah air.

Sebab itulah, saya, penulis dan sahabat saya, Ahmad Lutfi Othman – walaupun dalam keadaan uzur – mampu menulis buku 'Parti Amanah Negara' setebal 525 muka dengan didukung oleh motto – Cabaran, Harapan dan Potensi Sebagai Parti Islam Berpengaruh, Berintegriti.

Tidak diragukan lagi bahawa Ahmad Lutfi Othman sangat yakin dan mempunyai harapan tinggi akan kemampuan Parti Amanah Negara ini untuk memenuhi peranannya sebagai parti politik, walaupun tidak memakai label 'Parti Islam' tetapi ia bernuansa Islam dan tetap berada dalam orbit Islam.

Parti Amanah ditubuhkan sekitar 2015



**Ahmad Lutfi menunjukkan buku terbaru susunannya, Parti Amanah Negara: Cabaran, Halangan dan Potensi sebagai Parti Islam Berpengaruh, Berintegriti.**

dilatari akibat perpecahan sejak bertahun-tahun, sebelum buku ini terbit, sudah ada buku yang mengupas perpecahan di dalam PAS yang ditulis oleh Saudara Khalid Samad, yang kini salah seorang pemimpin kanan AMANAH.

Catatan di belakang buku Ahmad Lutfi ini menyebut bahawa penubuhan Parti Amanah Negara telah menimbulkan pelbagai salah faham dan tafsiran yang menyimpang. Para pemimpinnya dianggap golongan kecewa yang tidak dapat menerima kekalahan dalam Muktamar Pas 2015. Mereka dilabel pengkhianat, khadam DAP, la dijangka tidak akan bertahan lama.

Seterusnya Ahmad Lutfi menulis, bahawa menurut pengkaji politik ia sebagai parti politik masa depan yang berpotensi dan berperanan besar menangani fahaman ekstremisme yang semakin merebak. Pendekatannya yang sederhana, membawa mesej Islam yang progresif, juga bersikap peduli rakyat dan inklusif.

Buku ini, kata penilisnya, cuba menjawab pelbagai persoalan dan keraguan yang timbul serta membawa penjelasan dari penulisnya sendiri.

Memanglah hadir dalam buku ini pandangan dari pelbagai tokoh penting yang memberikan pandangan seperti Ustaz Haji Ahmad Awang, Ustaz Abd Ghani Shamsudin, Hj. Muhamad Sabu, Dr. Dzulkefly Ahmad, Saifuddin Nasution, Ustaz Zolkarnain Abidin, Dinsman, Zulkefli Sulong dan lain-lain.

Buku ini wajar dibaca, terutama oleh pendukung AMANAH sendiri.

Bagi masyarakat umum, sama ada anda bersetuju atau tidak bersetuju dengan tulisan Ahmad Lutfi Othman ini, sama sekali tidak mengurangkan pentingnya buku ini dibaca.



# Selepas 10 tahun kerajaan Pakatan

“Selalunya kalau kerajaan buat jamuan besar ni, alamatnya nak runtuh kerajaan tu. Macam Iran 1971 dulu – habis kenduri, terus revolusi!” gurau Amar, sepupu rapat saya sambil menyusun kemaja T untuk dilelong dalam acara sambutan 10 tahun kerajaan Pakatan di Pulau Pinang beberapa hari lalu. Tentulah kami lantas tertawa, namun masing-masing faham benar maksud di sebalik gurauan tersebut. Ada juga kerisauan di hujung fikiran.

10 tahun sudah berlalu sejak Pakatan menjadi kerajaan di Pulau Pinang dan Selangor; pentadbirannya biar jauh cemerlang berbanding negeri-negeri lain di bawah Barisan Nasional, tentu ada silap dan kurangnya. Apabila bercakap soal silap dan kurangnya, dalam konteks kerajaan Pakatan, syukurlah tidak melibatkan rasuah atau seleweng wang rakyat. Silap dan kurangnya itu datang lebih dalam bentuk dasar dan pelaksanaan, percaturan politik, dan kadang-kala kenyataan serta kelakuan pemimpinnya, diselang-seli dengan musibah dan bencana yang tidak diingini.

Jangan tersalah baca; silap dan salah, kurang dan lemah yang di atas itu adalah normal. Mentadbir dalam ruang yang demokratik memang memerlukan pemimpinnya mendengar setiap pendapat dan buah kata dari setiap orang. Hasilnya, jarang benar dapat dicapai sebuah keputusan yang bulat, sempurna dan memuaskan hati semua. Maka dalam keadaan demikian, tentulah akan berlaku silap dan kurang di mata sesetengah yang lain.

Tidak pernah pula diletakkan syarat bah-

awa sebuah kerajaan atau pentadbir yang baik perlu jadi cukup sempurna sehingga tiada silap dan kurang langsung. Malah, tidak ada satu pun kerajaan mahupun kuasa besar di dalam dunia ini yang tidak pernah mempunyai sebarang silap dan kurang. Setiap kerajaan dalam lipatan sejarah termasuk yang diasaskan oleh Nabi Muhammad di Madinah dahulu pun pernah ada silap dan kurangnya. Kalau tidak di mata umum, pastilah di mata sesetengah warga yang lain.

Yang lebih penting adalah apa yang dilakukan untuk menguruskan silap dan kurang tersebut? Bagi saya sendiri, menyedari bahawa Pakatan telah berjaya selama 10 tahun menjadi sebuah kerajaan dalam keadaan yang ditekan dan disempitkan ruang mereka oleh kerajaan pusat seolah-olah masih lagi pembangkang biarpun di negeri sendiri, silap dan kurang mereka tidak harus dijadikan peluru untuk menyerang, sebaliknya kayu ukur untuk menguji kemampuan mereka.

Malah bagi saya sendiri, apabila berlaku krisis di dalam pentadbiran sesebuah kerajaan (kecuali krisis rasuah dan penyelewengan), ia adalah peluang terbaik untuk kerajaan tersebut membuktikan bahawa mereka adalah sebuah badan pentadbir yang baik. Krisis dan masalah akan senti-



asa timbul, yang lebih penting adalah bagaimana anda menguruskannya?

Misalnya, apabila berlaku krisis politik di dalam kerajaan negeri Pulau Pinang yang menyaksikan beberapa pemimpin Pakatan sendiri bertikaman dan membelakangi kerajaan negeri sepanjang tahun lalu, peluang ini diambil untuk memperlihatkan bagaimana mereka menanggapi penyelesaian yang tidak merugikan rakyatnya.

Krisis tidak pun berpanjangan sampai terjejas struktur kerajaan. Pemimpinnya tetap di situ, tidak pun terusik kedudukan dan keistimewaan mereka. Begitu juga komponen akar umbi di bawahnya seperti JKPP, pejabat penghulu dan daerah serta sebagainya. Pemimpin biar berkekrisis, namun rakyat tidak perlu ikut rugi. Andai krisis yang sama berlaku di negeri dikuasai Barisan Nasional, silap-silap pilihan raya baharu terpaksa dipanggil.

Begitu juga apabila berlaku pula bencana alam seperti banjir, atau terputus bekalan air yang sering mendatangkan rugi untuk sekalian warga di kedua-dua negeri. Tentulah musuh baik dari Putrajaya mahupun Marang galak mentertawakan musibah yang sedang menimpa. Namun yang mereka tidak nampak adalah bagaimana ia diuruskan.

Teman dari Kota Bharu yang datang dengan penuh semangat selang dua tiga hari selepas banjir melanda pada November yang lalu pulang ke kampung halaman tanpa mengeluarkan setitik peluh pun. Agensi kerajaan negeri dan majlis perbandaran telah pun menyelesaikan

kerja pembersihan tanpa menunggu majlis potong reben. Rata-rata sukarelawan yang datang juga menyatakan rasa kagum dengan pengurusan krisis oleh kerajaan negeri.

Selangor yang kadang kala dilanda gangguan bekalan air juga teruk diterata dan diaibkan oleh media, namun adakah kerajaan negerinya tidak menyelesaikan masalah lama ini? Tidak juga. Di saat mereka ditertawakan, rizab air di hampir semua empangan dalam negeri Selangor telah mencapai tahap 100%, tahap yang tidak pernah pun berjaya dicapai sebelum ini. Saat pam air yang pecah di Selangor itu sudah siap dibaiki, air di Pahang negeri Pedana Menteri masih lagi terpaksa divedok dari perigi.

Inilah yang perlu dinilai apabila memandang kepada kerajaan negeri yang sedang dipimpin Pakatan. Bukan soal banyak mana silap dan kurang mereka, tetapi bagaimana ia diselesaikan. Untuk 10 tahun yang sudah berlalu, mereka berbangga dengan senarai panjang pencapaian masing-masing. Buat saya, keupayaan mengeluarkan rakyat dari krisis itu pun sudah cukup untuk dihormati.

Maka, tidaklah salah untuk Pakatan meraikan 10 tahun pentadbiran di Pulau Pinang dan Selangor sebagai tanda kesyukuran. Ini bukan sambutan seperti Persepolis 1971. Tidak ada wain Dom Perignon dari tahun 1959 pun yang dituang, hanya sirap dan oren dari balang penjaja. Selamat ulang tahun ke 10 kerajaan Pakatan.

## Sebab dan implikasi doa Dusuki

Oleh **RIDZWAN ABU BAKAR**

**DUSUKI** Abdul Rani adalah seorang 'pendakwah' yang disangka sebagai ulama oleh pengikutnya.

Dusuki amat minat berbicara tentang kematian dan pembersihan jiwa (dikesan melalui rakaman kuliah beliau).

Kadang-kadang, Dusuki juga selitkan 'serbuk perasa' dalam ucapannya untuk tujuan tarik perhatian audien. (Contohnya cerita Tok Guru Nik Aziz Nik Mat bangun solat malam sekalipun beliau dalam keadaan koma).

Dusuki, sekalipun dikenali sebagai 'pendakwah bebas', namun hakikatnya 'tidak bebas' kerana beliau juga adalah pimpinan Pas.

Tidak kurang pentingnya, Dusuki adalah Ahli Majlis di Bandaraya Shah Alam, ertinya beliau berada dalam kerajaan yang 'menindas Islam' - mengikut bait-bait doanya.

Berdoa adalah ibadah, namun ada kalanya ia boleh menjadi maksiat. Doa 'ke-

musnahan' terhadap pihak lain selalunya berpunca dari sikap dan pendirian sesuatu pihak terhadap pihak lain.

Sikap dan pendirian Pas terhadap AMANAH pada ketika ini yang melatari doa Dusuki.

AMANAH (atau disebutkan sebagai PAN oleh Pas) digambarkan sebagai 'musuh Islam', 'liberal', 'kuda tunggangan DAP' dan pelbagai lagi 'persepsi' yang dibina dalam kalangan ahli Pas. Dan sudah tentu terlalu mudah untuk Dusuki dan kawan kawannya untuk mengahzabkan AMANAH dan Pakatan Harapan.

Dasuki menyamakan AMANAH dan PH dengan rangkaian Ahzab adalah kerana sikap yang telah mereka padamkan 'selain dari kita adalah Iblis, yang suci hanyalah kita' - mereka mungkin tidak katakan ungkapan ini, namun itulah sikap yang ditunjukkan.

Ahzab, adalah gabungan para Musyrikin. Apabila Dusuki menggambarkan PH adalah gerombolan Ahzab, maka implikasi-nya Dusuki telah menyamakan ramai



**Doa Dusuki menimbulkan kontroversi dan bantahan yang meluas.**

Ahzab, adalah gabungan para Musyrikin. Apabila Dusuki menggambarkan PH adalah gerombolan Ahzab, maka implikasinya Dusuki telah menyamakan ramai penganut Islam dalam PH dengan Musyrikin, apakah itu yang dimaksudkan oleh Dusuki.

Ustaz Dasuki, tak payahlah bercakap

dalam isu politik kalau anda terlalu naif untuk memahami realiti!

'Kejarlah' kuliah dan penyampaian di radio IKIM dan promosilah seluas mungkin baju kemeja UDR yang anda usahakan.

Hal politik serahkan kepada ahlinya, anda terlalu naif untuk kerja besar ini.



# Nasib kapal mewah 1MDB dan bas amfibia Terengganu

**K**EDUA-DUA kapal mewah 1MDB bernilai RM1 bilion dan bas amfibia Terengganu yang bernilai RM3 juta telah mencatat kontroversi yang mengecewakan rakyat Malaysia dan juga dunia.

Kapal mewah 1MDB - Equanimity, telah menjadi berita panas apabila dirampas oleh pihak berkuasa Indonesia di Bali. Beberapa negara dunia mencari kapal Equanimity kerana dipercayai umum dibeli dengan wang 1MDB yang diperolehi secara haram. Anehnya kerajaan Malaysia tidak berusaha untuk mendapatkannya. Ini adalah sikap tidak bertanggung jawab yang merugikan negara.

Bas amfibia Terengganu berharga RM3 juta pula telah ditempah hampir 8 tahun dahulu dengan wang pendahuluan dibayar awal-awal lagi. Setelah begitu lama menunggu dan dengan bayaran begitu tinggi, amat mengecewakan apabila bas amfibia ini rosak beberapa kali walaupun ianya baru diguna. Rakyat menganggap ianya satu pembaziran.

Kedua-dua jentera pengangkutan tersebut ada kaitan dengan negeri Terengganu.

Sejarah 1MDB telah bermula di Terengganu melalui syarikat asal Terengganu Inc. Melalui syarikat ini, pendapatan akan datang hasil minyak dan gas negeri Terengganu



**PENDAPAT**  
RAJA BAHRIN SHAH

akan dicagar untuk meminjam sebagai modal perniagaan. Setelah kerajaan pusat melalui 1MDB mengambil alih, keadaan kewangannya menunjukkan kerugian yang amat tinggi sehingga berbilion ringgit.

Isu bas amfibia Terengganu juga menunjukkan

satu pelaburan yang membazir di mana setelah menunggu 8 tahun ianya mengecewakan dengan keadaan rosak berkali-kali apabila memasuki sungai sejak mula digunakan.

Isu kapal 1MDB dan bas amfibia Terengganu ini adalah dua contoh urus tadbir buruk dan pembaziran tahap tinggi yang melanda negara hari ini.

Di mana wang yang banyak didapati, baik ianya di peringkat negeri seperti Terengganu atau di peringkat negara, penyelewengan akan berlaku. Itulah masalah Malaysia hari ini.

Wang yang banyak dari sumber seperti minyak dan gas menarik begitu banyak penyelewengan dan pembaziran seperti yang banyak berkait dengan negeri Terengganu.

Pemimpin negara hari ini mengangap wang yang banyak dari hasil minyak sebagai peluang untuk merompak dan menyamun harta rakyat untuk keuntungan kumpulan tertentu dan bukan untuk kebai-



Bas amfibia Terengganu sering rosak walaupun baru digunakan.

rakyat umum.

Kerana itulah skandal kleptokrasi terbesar dunia - 1MDB bermula dari negeri minyak Terengganu.

Terengganu hari ini di beri gelaran baru - "Terengganu Darul Runtuh" dan bukan lagi Terengganu Darul Iman, kerana begitu banyak keruntuhan bumbung stadium, sekolah, dewan awam, kolam renang dan berbagai lagi struktur bangunan.

Keruntuhan yang paling besar adalah keruntuhan akhlak dan amanah pemimpin negara dan negeri kita hari ini.

Di mana ada semak dan hutan, di situ ada duri,  
Di mana ada minyak dan wang, di situ ada pencuri.

Marilah kita merenung sedalam-dalamnya pantun di atas.

**Datuk Raja Bahrin Shah ialah Ahli Parlimen Kuala Terengganu dan Pengerusi AMANAH Terengganu.**

## Benarkah doa Pas cuma untuk pakatan ahzab?

**ASALNYA** saya tidak mahu lagi mengulas isu doa anggota Jawatankuasa Pas Selangor yang juga Ahli Majlis MBSA itu.

Tetapi saya menukar pendirian selepas membaca kenyataan Timbalan Presiden Pas Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man yang mendedahkan ia sekadar doa dan apa yang sedang dikecohkan hanya putar belit media.

Hakikatnya kesan maksud doa itu punyai banyak implikasi. Menganggap Selangor ditadbir tanpa cara agama bukan saja menampakkan Pas meludah kembali rakan mereka yang berjawatan exco agama di negeri itu, malah ia menimbulkan pertanyaan sama ada Ahmad Dusuki Abd Rani bermaksud merujuk doa itu kepada istana yang berfungsi sebagai pentadbir utama Islam di Selangor?

Seperkara yang perlu difahami, kritikan terhadap doa itu bukan dengan maksud merendah atau menghina doa qunut seperti yang dikenali dalam riwayat yang



**PENDAPAT**  
ABU HAFIZ SALLEH HUDIN

pelbagai.

Sebenarnya doa yang dibaca Ahmad Dusuki itu tidak hanya mengandungi doa qunut nazilah tetapi lebih panjang daripada itu.

### SIAPAKAH PAKATAN ITU?

Cubaan mengubah perhatian orang ramai dan pengundi dari isu utama oleh tentera siber Pas telah memesongkan isu sebenar.

Di bawah ini adalah antara potongan transkrip doa yang dibaca oleh Ahmad Dusuki pada malam tersebut yang menyentuh perkataan ahzab atau pakatan:

"Tidakkah Kamu menyebut doa mereka yang dizalimi itu tidak akan ditolak oleh-Mu. Kami pohon kepada-Mu segala pakatan yang mereka rancang itu dihancurkan (dan) lebur mereka Ya Allah.

"Ya Allah jadikanlah pakatan yang jahat itu, pakatan yang tidak mempunyai kekuatan Ya Allah, sebagaimana Kamu telah meleburkan tentera-tentera ahzab itu Ya Allah.

"Demikianlah kami akan hadapi nanti Ya Allah. Demikian juga kami akan berhadapan dengan Barisan Nasional dalam pilihan raya yang akan datang.

"Kami pohon kepada-Mu ya Allah agar dibuka hati setiap pengundi-pengundi di kalangan kami ini agar melihat bagaimana kezaliman yang dilakukan BN sebelum ini terhadap rakyat bumi Selangor dan bumi Malaysia ini.

"Kami pohon pada-Mu Ya Allah agar dibuka hati sesama kami ini agar dirapatkan ikatan ukhuwah kami ini."

Beberapa perkara timbul melalui potongan ini:

1. Ia bukan sama sekali teks doa qunut nazilah sahaja.

Potongan doa ini menyebut "Barisan Nasional" secara jelas dan diulang dua kali. Namun dimulailah doa tersebut dengan doa ke atas "pakatan" sebanyak tiga kali dengan diselang-selikan dengan perkataan ahzab (pakatan).

Dimulakan doa buruk ke atas Barisan Nasional adalah: "Demikian juga..." dan ini memberi isyarat ada pihak musuh pilihan raya mereka yang lebih awal telah disebutkan dalam doa itu. Maka siapakah "pakatan" itu?

Umum mengetahui, pertembungan pilihan raya umum ke-14 (PRU14) akan melibatkan tiga kumpulan utama iaitu Pakatan Harapan (PH), BN dan Pas (Gagasan Sejahtera). Setelah wakil Pas dalam doa ini menyebut dengan terang BN, maka baki musuh mereka adalah hanya satu iaitu PH. Maka, adakah sama sekali ia tiada petanda

doa itu merujuk kepada PH?

Saya kira, pembaca mampu menilai antara transkrip doa ini dan cubaan merubah hakikat doa yang sangat meresahkan pendengar yang bukan bersama Pas atas banyak faktor.

Islam yang ditawarkan perlulah agama yang bersikap ramah-tamah, bersifat rahmah, bukan marah-marah sebegini. Berdoalah. Kerana Allah memuliakan hambanya yang meminta.

Pas berhak berdoa untuk kemenangan Gagasan Sejahtera yang dipimpinnya. Namun malangnya banyak lafaz di dalam doa berkenaan yang cuba membayangkan seolah-olah PRU14 adalah mengenai pertembungan Islam dan kufur di medan perang.

Kepada Allah kita serahkan segala urusan.

**Abu Hafiz Salleh Hudin ialah Timbalan Pengerusi 2 Biro Dasar dan Strategi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM).**



# Kenapa takut dengan laporan Unicef?

**K**UALA LUMPUR: Kerajaan BN cuba untuk mengelak daripada menjawab laporan Tabung Kanak-Kanak PBB (Unicef) mengenai laporan kanak-kanak kurang sihat dan tum-besaran terbantut di Malaysia.

Datuk Raja Bahrin Shah (AMANA-H-Kuala Terengganu) berkata, mengene-pikan laporan itu bermakna kerajaan BN sebenarnya tidak mengambil serius terhadap realiti masalah yang berlaku seperti didedahkan kajian badan itu.

"Kajian itu telah ditugaskan oleh Unicef dari Bangsa-bangsa Bersatu kerana kebimbangan terhadap kanak-kanak.

"Kedua, ia dijalankan oleh pakar tempatan yang telah berkhidmat dengan Khazanah, sebuah badan di bawah bid-



ang kuasa Kementerian Kewangan dan pakar antarabangsa," kata Raja Bahrin pada sidang media di lobi Dewan Rakyat, 14 Mac lalu.

Sidang media itu diadakan susulan sikap lepas tangan kerajaan dalam memberi penjelasan terhadap laporan itu yang telah diban-gkitkan beliau di Dewan Rakyat minggu se-belumnya sedangkan laporan Unicef adalah

bebas dari sebarang motif politik.

Menteri Pelajaran Datuk Seri Mahdzir Khalid ketika menyentuh isu itu di Dewan Rakyat sebelum ini menyifatkan laporan Unicef sebagai tidak adil apabila membandingkan Malaysia secara salah dengan negara-negara Afrika.

Mahdzir juga mendakwa tidak menerima apa-apa laporan daripada sekolah atau guru mengenai kanak-kanak atau pelajar yang terpaksa berlapar.

"Menteri pendidikan pun tidak patut membuat kenyataan hanya untuk menjaga kononnya nama baik kementerian tanpa menyelidik kajian yang ada. Ia begitu mudah untuk mendapatkan kajian itu di dalam talian, beliau hanya perlu cari dan baca kajian itu," kata Raja Bahrin.

Pada 8 Mac lalu, Raja Kamarul dalam sidang media di lobi Parlimen mendedahkan laporan Unicef menyebut Terengganu adalah negeri ke-2 tertinggi selepas Kelantan yang mempunyai bilangan kanak-kanak yang terbantut.

Katanya, perkara itu mengejutkan kerana Terengganu menerima bajet RM2 bilion setiap tahun untuk 1 juta penduduk berbanding Selangor yang mempunyai bajet lebih rendah iaitu RM1.6 bilion untuk 5 juta penduduk.

Bagaimanapun Menteri Besar Terengganu Datuk Seri Ahmad Razif Abdul Rahman mendakwa Raja Bahrin telah membuat tuduhan liar dan berniat memfitnah kerajaan BN negeri yang banyak membawa kemajuan kepada rakyat.

## Sindrom nafi kerajaan BN membimbangkan

**DATUK** Dr Mujahid Yusof (AMANA-H-Parit Buntar) membangkitkan 'sindrom nafi' di kalangan pemimpin kerajaan yang menurutnya boleh merencatkan kemajuan negara.

"Kita duduk dalam sindrom yang menafikan. Apa-apa, 'Oh tidak, negara kita bagus', 'Oh tidak, ekonomi kita bagus', 'Tidak, kita ini sebenarnya tidak ada masalah. Pembangkang sahaja yang kata'... Siapa yang kata pembangkang kata. Satu dunia tahu. Bukan pembangkang kata," tegasnya ketika membahaskan titah ucapan Yang di-Pertuan Agung pada sidang Dewan Rakyat, 13 Mac lalu.

Beliau memberi contoh bagaimana seorang anggota Dewan Rakyat memberi hujah bahawa kegemukan (obesiti) di kalangan rakyat menandakan negara berada dalam keadaan sihat dan maju.

"Sebenarnya, obesiti bukan fasal negara itu makmur atau berekonomi baik. Obesiti itu adalah tabiat pemakanan yang tidak sihat dan obesiti ber-

laku pada negara miskin," ujar beliau.

Dr Mujahid sebaliknya memberikan indikator lain yang lebih jelas bagi menggambarkan keadaan negara antaranya apabila ada di kalangan rakyat negara ini yang menjadi buruan Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat (DoJ) dan sebuah kapal mewah bernilai RM1 bilion telah dirampas di perairan negara jiran.

"Apabila bahan-bahan bukti telah menunjukkan bahawa seluruh dunia bercakap tentang masalah dalam negara kita. Itu indikator yang baik, Tuan Yang di-Pertua. Kalau hendak bagi contoh, bagi contoh itu.

"Itu adalah indikator yang baik bahawa negara ini ada masalah dan dia tidak dicakap oleh orang kita. Kalau kami cakap nanti kata pembangkang, akan tetapi yang bercakap ini adalah negara luar. Bukan setakat bercakap sudah ambil tindakan pun," katanya.

Menurut beliau, jika tindakan undang-undang yang dilakukan oleh DoJ adalah satu mala fide (niat buruk) kepada negara, beliau hairan mengapa perdana menteri disambut baik oleh presiden Amerika Sya-

rikat ketika melawat negara tersebut.

Beliau turut menyentuh hujah sesetengah pihak yang mendakwa ekonomi negara berada dalam keadaan baik kerana ramai rakyat Malaysia melancong ke luar negara sedangkan itu tidak menggambarkan keadaan sebenar ekonomi negara.

Dr Mujahid turut menyentuh kes seorang pegawai tinggi polis yang enggan menuntut balik lebih kurang RM1 juta wang beliau yang telah dibekukan pihak berkuasa Australia kerana disyaki hasil pengubahan wang haram.

Sambil menyifatkan keengganan pegawai tinggi polis itu sebagai 'indikator yang pelik', beliau mahu ianya diberi penjelasan oleh pihak berwajib bagi mengelak persepsi negatif umum.

Keengganan kerajaan untuk menuntut RM400 juta yang dibekukan oleh kerajaan Switzerland juga menarik perhatian beliau.

Hal ini, katanya menunjukkan sesuatu yang tidak kena dan kerajaan wajar memberi penjelasan mengapa wang itu tidak

dituntut.

Naib Presiden AMANAH itu juga berpendapat kerajaan BN tidak lagi mempunyai stamina untuk memerintah kerana menanggung begitu banyak masalah.

Sehubungan itu, negara jelasnya memerlukan kerajaan baru dengan semangat dan stamina baru bagi memimpin negara.

"Tanpa saya menamakan siapakah mereka, kita serahkan kepada rakyat," katanya.

Jika kerajaan yang ada masih mengamalkan sindrom nafi dan cuba menutup masalah yang ada dengan berbagai alasan yang kadang-kadangnya dilihat bodoh, beliau khuatir negara tidak akan maju ke hadapan.

"Marilah kita jujur pada diri kita dan apa salahnya kalau kerajaan baru ambil alih dengan semangat supaya negara ini melonjak ke hadapan.

"Maka saya kira kebaikan ini bukan untuk mana-mana parti politik tetapi kebaikan ini adalah untuk negara kita, bangsa kita, dan masa depan anak-anak cucu kita," tegas beliau.

## BN janji kosong beri tanah untuk veteran tentera

**DR** Siti Mariah Mahmud (AMANA-H-Kota Raja) membangkitkan hal kebajikan veteran tentera yang masih tidak tertunai iaitu janji kerajaan untuk menganugerahkan tanah dan lot rumah kepada mereka.

Kata beliau, pada 1973 kerajaan bersetujuan menganugerahkan 20 ekar tanah dan dua lot perumahan kepada setiap pesara tentera.

Namun sehingga kini, kata Dr Mariah hanya segelintir pesara tentera mendapat keistimewaan itu dengan kerajaan memberi alasan bahawa tanah di bawah bidang kuasa negeri. "Cuma sekarang ini di mana pen-

yelesaiannya? Saya mendengar satu ceramah bahawa tentera di Bangladesh, negara yang dikatakan lebih miskin daripada kita, mampu diberi sebidang tanah dan juga rumah.

"Kenapa di negara kita ini janji kepada veteran tentera tidak tertunai?

"Itu sebabnya hal kebajikan veteran tentera kita tidak dapat diselesaikan oleh kerajaan," katanya ketika membahaskan titah ucapan Diraja di Dewan Rakyat, 12 Mac lalu.

Dr Mariah turut mempersoalkan kewujudan Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Koperasi Perumahan Angkatan Tentera Berhad jika setiap tentera tidak boleh diberi rumah dan mereka terpaksa berhutang

untuk membeli rumah.

"Kira-kira 75 peratus bekas tentera mengalami kesempitan hidup dan tekanan emosi. Apabila bersara rumah tidak ada lagi, duit pencen tidak seberapa sedangkan mereka berkorban nyawa untuk kedamaian, keamanan yang kita kecapi hari ini.

"Sehingga sekarang kita ada 150,000 orang veteran, tidak bolehkah kerajaan memenuhi janji yang diberi pada tahun 1973? Jikalau tidak boleh beri, beritahu mereka, jangan diberi janji kosong," katanya.

Dr Mariah menambah, sewajarnya ada negosiasi antara kerajaan pusat dengan

kerajaan negeri sejak awal perjanjian ini dibuat supaya hak veteran tentera benar-benar dipenuhi agar mereka tidak berasa ditipu.

"Ia termasuk persetujuan agar apabila veteran ini balik kampung, mereka ada tanah untuk mendirikan rumah.

"Sehingga hari ini saya tidak faham kenapa kita tubuh Lembaga Tabung Angkatan Tentera. Adakah hanya untuk memberi kerja besar-besaran ini kepada bekas-bekas jeneral, bekas-bekas orang yang berpangkat tinggi tetapi angkatan tentera dengan lain-lain pangkat itu seperti peminta sedekah selepas mereka pencen," kesal beliau.



# Umno Johor gusar dengan 'tsunami Melayu'

Oleh AMNI JAGAT

**B**ATU PAHAT: Kenyataan Menteri Besar Johor Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin yang menolak kemungkinan Pakatan Harapan (PH) akan membentuk kerajaan di negeri itu selepas pilihan raya umum (PRU) akan datang menggambarkan kegusaran Umno-BN terhadap 'tsunami Melayu' di negeri tersebut.

Bekas Naib Ketua Bahagian Umno Pasir Gudang Ahmad Daud berkata, bagi menolak hasil tinjauan Invoke Malaysia (Invoke) itu, Umno Johor mengemukakan hasil tinjauan sendiri yang dibuat melalui Umno cawangan.

"(Setiap) cawangan (Umno) diberi RM1,000 untuk mendapatkan maklum balas daripada responden. Seorang ahli cawangan akan mendapatkan maklum balas daripada 30 orang," ujar Ahmad.

Beliau bagaimanapun meragui dapatan tinjauan daripada Umno cawangan kerana besar kemungkinan pemimpin-pemimpin Umno cawangan akan memberikan maklumat kurang tepat bagi 'menjaga hati' pemimpin Umno negeri.

"Ahli Umno sendiri hari ini sudah ramai yang berpaling tadah menyokong PH. Penafian boleh dibuat oleh Khaled namun hakikatnya adalah pada PRU14 akan datang," ujar Ahmad.

Menurut beliau, jika Khaled tidak yakin dengan faktor 'tsunami Melayu' seperti hasil kajian Invoke, mengapakah Umno BN memberikan tumpuan kepada 20 parli-

men majoriti Melayu dalam kajian mereka?

"Ini menggambarkan kajian yang dilakukan Invoke adalah jelas dan bukan dusta," kata Ahmad dalam forum 'Tsunami Politik Melayu Johor. Realiti @Fantasi' anjuran Media Oren Johor.

Forum itu boleh diikuti secara langsung di Facebook AMANAH Negeri Johor.

Selain Ahmad, forum turut menampilkan Naib Pengerusi AMANAH Johor Suhaizan Kaiat.

Suhaizan dalam forum yang sama menjelaskan PH hanya perlu menang sepuluh lagi kerusi Dun dan mengekalkan kerusi Dun yang dimenangi pada PRU lalu untuk mengambil alih pentadbiran negeri.

Beliau turut meragui kredibiliti tinjauan yang dilakukan Umno-BN menerusi Umno cawangan kerana sudah pasti para pemimpin akar umbi Umno akan memberikan maklumat yang menyenangkan hati pemimpin negeri bagi menjaga kepentingan politik mereka.

"Mereka memikirkan peruntukan dan projek, akhirnya memberikan maklumat tidak benar kepada MB Johor.

"Dapatan kajian lapangan daripada cawangan Umno sangat diragui... Umno Johor sudah tidak lagi mampu menahan 'tsunami politik' orang Melayu Johor," ujar Suhaizan.

Khaled yang juga pengerusi BN Johor 11 Mac lalu menganggap hasil kajian dijalankan Invoke sebagai tidak masuk akal kerana metodologi yang digunakan untuk mengukur sokongan pengundi di beberapa negeri didakwa tidak tepat.



Suhaizan bercakap dalam forum dianjurkan Media Oren yang turut menampilkan Ahmad Daud (kanan).

Beliau berkata, BN Johor juga menjalankan kajian sikap sejak dua tahun kebelakangan ini dan percaya hasil yang diperoleh akan memberi kejutan kepada Pengasas Invoke, Rafizi Ramli, mengenai sokongan sebenar pengundi di negeri ini.

Beliau berkata, kaedah kajian sikap yang digunakan BN negeri ini lebih tepat dan terperinci yang mana soal selidik lebih menyeluruh dilakukan terhadap seorang responden bagi nisbah 30 penduduk.

"Metodologi Rafizi dalam kajian itu tidak tepat. BN khususnya Umno menjalankan kajian sikap menggunakan satu orang untuk kaji selidik 30 penduduk.

"Mereka diberikan soalan yang tepat dan

jelas sama ada menyokong BN atau tidak dan bukan sekali tetapi tiga, empat kali dalam dua tahun kebelakangan ini kita sudah lakukan.

"Kita akan beri kejutan kepada Rafizi," katanya ketika sidang media selepas menyempurnakan Majlis Pecah Tanah Pusat Pentadbiran Baru Daerah Kulai, 11 Mac lalu.

Sebelum ini, Rafizi mengumumkan hasil kajian Invoke bahawa PH mampu memenangi PRU14 di lima negeri termasuk Kedah, Perak dan Johor selain mengekalkan Selangor dan Pulau Pinang.

Malah, kaji selidik itu turut mendapati Pas gagal memenangi kerusi Parlimen pada PRU-14, selain Kelantan akan dimenangi BN.

## Dr Mujahid sifatkan pensyarah pro-Pas tidak bermoral

**KUALA LUMPUR:** Tindakan pensyarah Universiti Utara Malaysia Dr Kamarulzaman Yusof memutarbelitkan rundingan penyelesaian luar mahkamah berhubung saman fitnah Ahli Parlimen Parit Buntar Datuk Dr Mujahid Yusof Rawa terhadap beliau mengecewakan naib presiden AMANAH itu.

Malah Dr Mujahid menyifatkan pensyarah penyokong tegar Pas itu sebagai 'suka memutarbelit fakta' dan 'tidak bermoral'.

Dalam satu kenyataan media, peguam beliau Mohd Fitri Asmuni berkata, mediasi (perbincangan luar mahkamah) antara Dr Mujahid dan Dr Kamarulzaman telah diadakan pada 14 Mac lalu dan antara butiran perbincangan adalah pensyarah tersebut perlu memohon maaf atas artikelnya yang telah menjatuhkan reputasi Dr Mujahid.

"Pegawai mediasi memberi ruang kepada yang kena saman untuk menerima tawaran Dr Mujahid. Yang kena saman enggan dan pegawai mediasi tetap memberi tempoh sehingga awal April untuk Dr Kamarulzaman membuat keputusan memohon maaf kepada Dr

Mujahid," jelas Mohd Fitri.

Bagaimanapun Dr Kamarulzaman dalam postingnya di FB seusai proses mediasi itu secara sinis menyatakan 'berbesar hati' dengan 'jiwa besar' Dr Mujahid yang bersedia menarik balik saman RM5 juta terhadap beliau kerana mendakwa pemimpin AMANAH itu sebagai 'kuda tunggangan DAP'.

Menurut Mohd Fitri, isu Dr Mujahid 'berjiwa besar' untuk menarik balik saman tersebut tidak timbul malah beban sebenar tertanggung ke atas Dr Kamarulzaman untuk memohon maaf.

"Kenyataan dalam posting Dr Kamarulzaman jelas telah 'memutar' hakikat sebenarnya.

"Bagi pihak Dr Mujahid, beliau berasa kesal atas sikap manusia yang suka memutarbelitkan fakta, tidak hairanlah tulisan datang dari manusia sebegini sangat tidak bermoral dan tidak bernilai," bidas Mohd Fitri.

Dalam perkembangan berkaitan, Dr Kamarulzaman dalam posting balasnya menyifatkan bidasan Dr Mujahid itu telah 'menutup ruang untuk perdamaian'.

## Penyokong Pas Permatang Pasir sokong calon AMANAH

**PERMATANG PAUH:** Timbalan Ketua Pemuda AMANAH, Faiz Fadzil yang bakal bertanding di Dewan Undangan Negeri (Dun) Permatang Pasir mendapat sokongan daripada ahli Pas di sini.

Dalam program dialog AMANAH di Kampung Sungai Sintok, baru-baru ini, ramai penggerak dan penyokong Pas hadir.

Hadirin yang ditemui menyatakan kesediaan memberikan undi kepada calon AMANAH dalam pilihan raya umum (PRU) akan datang.

Seorang bekas guru yang menetap di kampung ini berkata, keperibadian Faiz Fadzil mendorong beliau memberi sokongan kepada AMANAH.

"Faiz disegani penduduk kampung di sini kerana pengaruh Almarhum Ustaz Fadzil Noor sebagai pemimpin yang banyak menunjuk jalan politik kepada perjuangan Islam sebelum ini.

"Selain itu, Faiz juga dilihat sebagai pemimpin muda yang prihatin terhadap kebajikan penduduk termasuk di kampung ini dan di Dun Permatang

Pasir ini," ujar beliau.

Dalam pada itu, Timbalan Ketua Pemuda AMANAH Kawasan Permatang Pauh, Muhammad Hamdi Md Noor yakin dengan potensi calon AMANAH bagi Dun Permatang Pasir.

"Kawasan Permatang Pauh ini adalah tempat yang selalu diuji dengan pilihan raya dan ini adalah perkara yang menunjukkan rakyat di sini cepat mendapat maklumat tentang isu politik semasa.

"Kerja-kerja tumpuan hari ini adalah mendekati ketua-ketua masyarakat yang sebelum ini menyokong Pas, namun hari ini mereka kebanyakannya mahu memberi sokongan kepada AMANAH," kata Muhammad Hamdi.

Program dialog itu turut dihadiri Pengarah Komunikasi AMANAH Negeri Pulau Pinang Zahar Zainol, Ketua Cabang Keadilan Permatang Pauh Amir Ghazali, Naib Ketua AMANAH Kawasan Permatang Pauh Muniandy Ramasamy dan Ketua Bahagian PPBM Permatang Pauh Asri Ahmad.

Lebih 200 orang penduduk tempatan hadir pada majlis dialog itu.



# Pembaziran kerajaan punca kemiskinan rakyat

**KUALA LUMPUR:** Kerajaan Terengganu yang diterajui Datuk Seri Ahmad Razif Abd Rahman perlu mengikis tabiat membazir dan bersikap prihatin terhadap kemiskinan rakyat, tegas Pengerusi Pakatan Harapan (PH) negeri, Datuk Raja Kamarul Bahrin Shah.

Menurut beliau, Terengganu adalah 'negeri kaya' yang mempunyai bajet tahunan RM2.2 bilion dengan populasi rakyat 1.1 juta namun rakyatnya terus dibelenggu kemiskinan kerana kekayaan negeri tidak turun ke bawah.

Malah sikap Menteri Besar yang enggan menerima teguran amat mendukacitakan ahli parlimen Kuala Terengganu itu.

Raja Bahrin memberi contoh bagaimana pendedahan beliau tentang hasil kajian Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa Bersatu (Unicef) yang mendapati 26% anak kecil di bawah usia 5 tahun di Terengganu terbantu pembesaran mereka dianggap Ahmad Razif sebagai tuduhan

liar.

"Beliau menuduh kenyataan saya adalah tuduhan liar dan berniat untuk memfitnah kerajaan negeri," kata Pengerusi AMANAH Terengganu itu.

Sedangkan jelas beliau, kajian itu dikendalikan pakar penyelidik tempatan yang pernah berkhidmat dengan Khazanah, agensi di bawah Kementerian Kewangan Malaysia.

"Razif menyatakan sebab anak-anak tersebut terbantu pembesaran mereka ialah kerana 'kelahiran cacat yang merencatkan pertumbuhan fizikal mereka'.

"Mereka yang dilahirkan cacat senang boleh dikenali dan tidak mungkin seramai 26% daripada anak-anak yang dikaji," kata Raja Bahrin.

Razif juga, tambah Raja Bahrin menyalahkan 'sikap ibu bapa yang kurang cakna dan mahir memberi makanan kepada anak-anak'.

"Jika sikap ibu bapa adalah sebab sebenar berlaku (tumbesaran anak terbantu), ini sepatutnya mudah diatasi dengan penerangan oleh pegawai kerajaan termasuk daripada

Kementerian Kesihatan dan juga penyebaran maklumat oleh ketua kampung dan jawatankuasa kemajuan dan keselamatan kampung (JKKK).

"Kenapakah wang yang banyak dan tenaga kerja yang ada tidak dimanfaatkan bagi tujuan penerangan kesihatan anak-anak kecil? Kerajaan telah gagal berbuat demikian," jelasnya.

Beliau bagaimanapun yakin faktor kemiskinan menjadi penyumbang kepada fenomena ini.

Di masa yang sama, jelas beliau, kerajaan negeri terus boros berbelanja dengan membeli bas amfibia berharga RM3 juta, pembinaan pusat bebas cukai berharga RM-320 juta dan Taman Ilmu dengan kos RM350 dengan kedua-dua projek itu terbengkalai.

"Menteri Besar Terengganu dan kerajaannya tidak prihatin tentang kemiskinan serta apa yang berlaku di keliling mereka," katanya.

Beliau memberi contoh kajian oleh Universiti Malaysia Terengganu (UMT) di Kampung Teluk Ketapang dalam kawasan diwakili

menteri besar mempunyai keluarga yang berpendapatan di bawah RM460 sebulan.

"Dalam kawasan Parlimen Kemaman iaitu kawasan Menteri Pertanian Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek, ada keluarga nelayan di bawah pendapatan RM500 sebulan.

"Inilah contoh kemiskinan yang meluas berlaku di kawasan pemimpin Umno sendiri," ujarnya.

Menurut beliau, bajet negeri Terengganu yang melebihi RM2.2 bilion bagi 1.1 juta rakyat sepatutnya cukup lumayan untuk memastikan rakyat sihat dan sejahtera berbanding negeri jiran Kelantan dan Pahang dengan bajet sekitar RM700 juta serta jumlah penduduk yang lebih ramai.

"Pengurusan dan urus tadbir Kerajaan Terengganu yang lemah menyebabkan situasi yang dihadapi rakyat hari ini," katanya.

Raja Bahrin menasihati kerajaan negeri agar mengenal pasti masalah sebenar rakyat dan tidak mengamalkan sindrom penafian (denial syndrom).

"Hadapilah realiti sebenar untuk menyelesaikan penderitaan rakyat," kata beliau.

## PH Taiping lapor polis salah guna premis awam

Oleh **MOHD ALI HASHIM**

**TAIPING:** Tindakan keterlaluan BN memeralatkan premis awam untuk kempen pilihan raya mendorong Pakatan Harapan (PH) kawasan Taiping membuat laporan polis.

Setakat ini lima dewan orang ramai sekitar Kamunting telah disalah guna BN sebagai pusat kempen pilihan raya dengan bendera lambang BN di pasang di bangunan-bangunan terbabit.

Menurut Ketua AMANAH kawasan Taiping Mohd Saad Ismail, sejak seminggu lalu bendera lambang BN telah dipasang di lima dewan orang ramai tersebut.

Antara dewan milik kerajaan negeri yang telah disalahguna BN, ujar beliau adalah dewan orang ramai kampung Expo, kampung Pinang, jalan Stesen Kamunting dan Expo Tambahan.

"Apa yang dilakukan oleh BN adalah

bertentangan dengan Garis Panduan Kemudahan Perancangan Masyarakat (GP-17) Negeri Perak yang telah diluluskan pada 25 September 2002.

"Ia juga merupakan satu kesalahan apabila dewan tersebut yang seharusnya digunakan untuk kemudahan orang ramai, tetapi kini telah pun menjadi lokasi untuk mempromosi BN.

"Sejajar dengan itu kita memohon supaya tindakan diambil dengan segera berdasarkan kepada garis panduan GP-17 supaya ianya tidak berulang lagi menjelang pilihan raya umum," ujarnya.

PH Taiping, tegas Mohd Saad telah membuat laporan polis di Balai Polis Kamunting berhubung penyalahgunaan dewan orang ramai itu.

Seandainya tiada tindakan diambil bagi menurunkan bendera BN dalam tempoh seminggu, beliau berkata bendera parti-parti komponen PH akan turut dinaikkan bagi mempamerkan keseimbangan.



**Mohd Saad (kiri) bersama pemimpin PH Taiping selepas membuat laporan polis di Balai Polis Kamunting.**

## Rakyat beri isyarat untuk lakukan perubahan

**SEREMBAN:** Kehadiran ribuan rakyat pada siri Jelajah Harapan di Negeri Sembilan 18 Mac lalu menunjukkan betapa rakyat dahagakan penjelasan dan sudah bersedia untuk berhadapan dengan pilihan raya umum ke-14 (PRU14) yang dijangka diadakan tidak lama lagi.

Ceramah yang dihadiri calon Perdana Menteri Pakatan Harapan (PH) Tun Dr Mahathir Mohamad dan calon Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail itu berjaya menarik

lebih 7000 hadirin memenuhi dataran Betaria Business Centre, dekat sini.

Pengerusi AMANAH Negeri Sembilan Zulkefly Mohamad Omar berkata, sambutan dan kehadiran ramai itu boleh diterjemahkan sebagai isyarat rakyat menunggu perubahan.

"Tidak dinafikan kehadiran sangat ramai dari pelbagai kaum. Kita dapat lihat faktor Tun Dr Mahathir Mohamad sangat besar untuk gelombang perubahan kali ini.

"Apapun bagi saya, kita tidak boleh berasa selesa. Di Negeri Sembilan ini kita masih perlu bekerja kuat khususnya untuk tembus di

kawasan-kawasan luar bandar dan kawasan Felda apatah lagi di kawasan yang yang dimenangi BN dengan undi majoriti kecil," katanya kepada Mingguan Amanah.

Negeri Sembilan antara negeri yang disebut-sebut akan turut berlaku perubahan pada PRU14 akan datang.

Selain Tun Mahathir dan Wan Azizah, turut hadir menyampaikan ceramah pada program itu ialah Presiden AMANAH Mohamad Sabu yang juga Timbalan Presiden PH serta Ketua Menteri Pulau Pinang Lim Guan Eng.

Siri Jelajah Harapan ini akan berada di

seluruh negara dalam usaha membentuk gelombang perubahan menjelang PRU14.

Ia juga bertujuan memperkenalkan calon Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri PH sekiranya diberi mandat oleh rakyat pada PRU14.

Sebelum ini, Jelajah Harapan sudahpun turun ke Melaka, Kelantan dan Perak yang turut menyaksikan sambutan luar biasa rakyat yang mahu melihat sendiri bakal pemimpin negara akan datang.

**BERITA LANJUT DI MUKA 16&17**



# Mahkamah terima injunksi peniaga halang roboh pasar

Oleh ZIKRI ABDULLAH

**K**OTA BHARU: Mahkamah tinggi Kota Bharu 15 Mac lalu memutuskan menerima injunksi para peniaga menghalang Majlis Daerah Pasir Puteh (MDPP) merobohkan pasar lama tempat mereka menjalankan perniagaan.

Pesuruhjaya kehakiman Datuk Ahmad Bache ketika membacakan penghakiman berkata, pihak MDPP perlu menunggu keputusan rayuan plaintif di mahkamah rayuan Putrajaya yang dijadualkan didengar 22 Mac ini.

"Mahkamah ini telah membuat keputusan tetapi pihak plaintif membuat rayuan di mahkamah lebih tinggi. Masa pun tinggal tujuh hari lagi bukannya tujuh tahun," katanya.

Peniaga terlibat diwakili Shahrudin, Hidayu & Marwaliz manakala MDPP diwakili Aini Hayati & Associates.

Ketika mengemukakan hujah, peguam plaintif berkata majoriti peniaga masih kekal di pasar lama.

"Tentu ada sebab yang kuat mengapa mereka tidak mahu berpindah. Bak kata pepatah, hanya jauhari yang mengenal



**Para peniaga pasar Pasir Puteh mendengar penjelasan peguam berhubung keputusan mahkamah.**

maknikam," katanya.

Peguam defendan bagaimanapun mahu mahkamah tidak melayan injunksi pihak peniaga yang dianggap sia-sia dan hanya membuang masa.

"Kes ini jelas tidak memihak kepada peniaga. Tanah dan bangunan milik pihak MDPP dan bukannya milik mereka.

"Kalau bukan hari ini, bila tiba masanya mereka tetap mesti keluar dari situ. Mela-

yan rayuan seperti ini hanya membuang masa dan merugikan semua pihak," kata Abdullah Hamzah yang mewakili defendan.

Sementara itu pengerusi persatuan peniaga, Kamar Zaman Che Ngah yang ditemui selepas keputusan itu melahirkan rasa syukur atas kejayaan pihaknya.

"Insya Allah kita akan terus diberi pertolongan kerana berpihak kepada kebenaran.

"Keputusan ini akan menambahkan lagi semangat kami untuk terus berjuang hingga para peniaga benar-benar diberi hak mereka," katanya.

Pada 12 Mac lalu kekecohan berlaku di pasar lama itu apabila MDPP membawa tiga jentolak untuk merobohkan bangunan pasar ketika lebih 300 peniaga masih berniaga di situ.

Para peniaga kemudian keluar membina kubu manusia untuk menghalang tindakan itu.

Kekecohan sehari suntuk itu berakhir jam 5 petang apabila peguam pihak peniaga berjaya mendapat perintah mahkamah supaya operasi meroboh itu dihentikan.

## Masalah wanita miskin di Kelantan meruncing

**KOTA BHARU:** Akibat harga barang mengalami kenaikan mendadak sedangkan gaji dan upah tidak berubah, kemiskinan khususnya di kalangan wanita yang menjadi ketua keluarga amat meruncing khususnya di negeri ini.

Timbalan Ketua Penerangan Angkatan Wanita AMANAH (Awan) Kelantan, Dr Hafidzah Mustakim berkata statistik dari pelbagai agensi menunjukkan kesukaran hidup golongan ini amat kritikal.

"Walaupun ada pelbagai program pihak kerajaan dan NGO yang cuba membantu, namun kesukaran yang mereka hadapi di luar bayangan fikiran kita," katanya ketika berceramah di majlis perasmian bilik operasi pilihan raya Pakatan Harapan (PH) pusat daerah mengundi (PDM) Cherang, dekat sini, baru-baru ini.

Semua ini katanya akibat dasar pemerintah sekarang yang terus menekan rakyat dengan memansuhkan pelbagai subsidi dan memperkenalkan pelbagai cukai baru terutama GST.

"Dengan menarik balik subsidi barangan keperluan asas seperti beras, gula, tepung gandum, minyak masak dan petrol kesannya terus kena kepada golongan berpendapatan rendah.

"Sekarang harga ikan, ayam dan daging terus melambung menyebabkan ada yang terpaksa kembali ke zaman lampau dengan makanan yang tidak seimbang.

"Ada pesakit saya bila beli ikan terpaksa bilang berapa ekor ikut jumlah ahli keluarganya dan bukannya beli berapa kilo

seperti orang lain," katanya.

Beliau menyelar pihak-pihak tertentu yang berkata GST bukan sahaja dibuat oleh kerajaan kita tetapi juga banyak negara lain termasuk Arab Saudi.

"Saya belajar di Australia dan memang mereka ada GST tetapi hasil kutipan ini jelas dikembalikan kepada rakyat.

"Bila lahir seorang bayi mereka terus beri pelbagai bantuan termasuk susu dan peralatan bayi.

"Orang yang tiada kerja diberi pampasan oleh kerajaan kerana menganggap itu kegagalan kerajaan untuk memastikan setiap rakyat mendapat pekerjaan yang setara dengan kemampuan mereka.

"Mereka juga ada jaringan keselamatan sosial (social safety net) yang memastikan tiada rakyat yang tidak mendapat keperluan asas bagi meneruskan kehidupan," katanya.

Sedangkan di negara kita, ujarnya hasil kutipan cukai termasuk GST sewenang-wenangnya digunakan untuk membayar



**Dr Hafidzah Mustakim**



**Cikgu Wan Rahim menandatangani plak perasmian bilik operasi pilihan raya PDM Cherang, Dun Tanjung Mas.**

hutang negara dibuat pemerintah yang langsung bukan untuk keperluan rakyat.

"Kini kita dihina oleh seluruh dunia kerana penyelewengan 1MDB.

"Harta dan mereka yang terlibat sedang diburu di serata dunia tapi di sini semua kata tidak ada sebarang salah laku dibuat. "Di parlimen pun persoalan mengenai ini tidak dibenarkan," katanya.

Beliau turut menyelar sikap Pas kebelakangan ini kerana telah menjadi 'parti pak turut'.

"Apa ertinya pergi ke parlimen kalau hanya mahu ambil sikap berkecuali.

"Rakyat mahu kita menyuarakan jerih perih rakyat menghadapi kezaliman pemerintah dan bukan sekadar mahu jadi penasihat yang tidak lagi menyebelahi rakyat," katanya.

Pada majlis itu, pengerusi AMANAH Kelantan Wan Abdul Rahim Wan Abdullah merasmikan pelancaran BOP PDM Cherang, Dun Tanjung Mas dalam kawasan parlimen Kota Bharu.

Turut berucap Ketua AMANAH Kawasan Sik, Sulaiman Ibrahim atau lebih dikenali sebagai Leman Raja Lawan.



# Karnival Himpunan Rakyat Selangor dipenuhi anak muda

Foto SYAFIQ ISKANDAR

**SAHAJ ALAM:** Negara memerlukan anak-anak muda yang mempunyai semangat juang tinggi sebagai pemimpin pelapis untuk masa depan, kata Menteri Besar Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Berucap pada Karnival Himpunan Rakyat Selangor (KHRS) bertemakan 'Membangun Bangsa Memakmurkan Selangor Masa Depan Malaysia' di Stadium Malawati, dekat sini, 17 Mac lalu, Azmin menyifatkan anak muda sebagai pewaris dan penentu masa depan negara ini.

"Saya mahu anda semua bangkit menyelamatkan negara dan menolak fitnah yang dilemparkan terhadap kerajaan negeri dengan memberi penjelasan kepada rakyat," katanya.

Azmin turut meluahkan rasa gembira dengan sambutan yang diberikan anak muda pada karnival itu.

"Lebih separuh yang memenuhi dewan pada hari ini adalah orang-orang muda.

Ini memberi petanda baik bahawa masih ada anak muda yang mempunyai prinsip dan yang berani untuk ke depan.

"Saya percaya melalui semangat yang ditunjukkan ini, kita mampu mempertahankan Selangor bahkan dapat menyuburkan demokrasi di negeri ini," katanya.

Karnival Himpunan Rakyat itu diadakan sempena ulang tahun ke-10 pentadbiran Kerajaan Selangor di bawah Pakatan Harapan.

Berucap pada majlis yang sama, Exco Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan negeri Amirudin Shari berkata, rakyat negeri ini nyata bijak membuat anjakan paradigma apabila berani menukar pentadbiran kerajaan negeri 10 tahun lalu.

"Jika dulu ramai yang menganggap rakyat Selangor menggadai masa depan kerana memilih kita, namun selepas 10 tahun berlalu Selangor muncul sebagai negeri paling maju dan rakyatnya turut bertungkus-mungkus dengan pelbagai inisiatif yang ditawarkan kerajaan negeri," katanya.



Seorang graffiter menghasilkan logo graffitti KHRS 2018.



Azmin Ali merasmikan Karnival Himpunan Rakyat.



Sebahagian orang ramai yang hadir di Stadium Melawati sempena sambutan 10 tahun pemerintahan kerajaan baru Selangor.



Sekumpulan anak muda bergambar beramai-ramai di pengakhiran KHRS 2018.



Pusat jualan pengusaha IKS di tapak Karnival Himpunan Rakyat.



# Mendekati bukan melaknati: Pesanan buat para amilin

**SAYA** ingin mengingatkan kepada semua termasuk diri sendiri, apabila berdepan dengan orang-orang yang ingin kita dekati, kita harus berlemah lembut. Inilah inti ajaran Islam itu sendiri iaitu kasih sayang.

Mungkin ada ideologi yang meletakkan bahawa kuasa itu adalah sebagai matlamat, tunjak, falsafah atau sebagai pandangan hidup mereka tapi sebenarnya dalam Islam yang dibawa oleh kekasihnya Nabi Muhammad s.a.w., utamanya dan falsafatnya adalah cinta dan kasih sayang.

Oleh itu memang patut orang sangsikan keislaman seseorang apabila dia bengis dan angkuh. Bila dia marah atau membenci sesuatu, kebencian atau kemarahan itu melampau sekali. Sebab itu saya perhatikan ada orang politik yang mengambil pendekatan kasar dan keras. Bergaris keras dalam semua pendekatan sampai tidak mahu bersalaman dengan orang berbeza pandangan dan kecenderungan politik.

Saya pernah bertemu dengan orang-orang yang memalingkan pandangan kerana mereka dan saya berlainan politik, tidak mahu lagi menerima jabatan salam persaudaraan antara kita. Malah sekarang kita mendengar bagaimana doa-doa munajat digunakan untuk melaknati, menghukum ataupun mendoakan keahcuran, perpecahan dan kutukan.



**Pakatan Harapan mengutamakan politik rahmah bukan politik marah-marah.**

Jadi, saya ingin menasihati teman-teman yang aktif dalam politik janganlah begitu. Janganlah kita melaknat kepada sesiapa dengan membaca ayat Bismillah. Sudah tentu tidak layak bagi kita sebagai orang Islam mendoakan dengan menggunakan nama Allah bermula dengan kalimat Maha Pengasih dan Maha Penyayang.

Sudah tentu kita hamba ini wajib bersifat kasih dan penyayang. Kalau membenci orang, kalau ingin mentakfirkan orang dan semudah-mudah memurtadkan orang, memulau, tidak ingin menziarahi


kematian seseorang, di mana rahim dan rahman yang diajar oleh agama?

Islam ini rahmatan lil alamin (rahmat untuk semua), kalau kita gagal menunjukkan sifat kasih dan penyayang, kita masih gagal memahami tuntutan agama.

Saya berharap di musim-musim pilihan raya sudah di ambang ini, orang-orang politik jangan keterlaluan. Saya menasihati diri saya dan rakan-rakan saya, jangan mudah mencemuh, jangan mudah menunjukkan rasa kebencian. Jika melihat seseorang dengan penuh kebencian, apa yang kita dapat? Malah ia boleh melibatkan

## MERENTAS WAKTU

ANUAR TAHIR



gangguan kesihatan dan hilang selera makan.

Insy Allah orang-orang politik terutama dalam Pakatan Harapan jangan berkasar dengan rakyat. Kita dekati mereka walaupun mereka berlainan kumpulan. Kita pujuk, kita rayu. Kalau mereka tidak menerima itu hak mereka dan kita hormati hak mereka.

Jadilah orang politik, jadilah jentera politik, jadilah perayu undi, jadilah pekerja politik yang lemah lembut dengan cuba hayati sifat Rasulullah s.a.w. yang lemah lembut. Bagaimana hendak syafaat Rasulullah s.a.w. jika bengis, kasar dan perogos.

Jangan pilihan raya ini kita bergaduh, jatuh menjatuh, memaki hamun. Jangan sampai kita memutuskan ukhuwwah kerana kelainan pegangan politik. Marilah kita hayati firman Allah SWT dalam surah al-Hujurat ayat 10:

"Sesungguhnya orang mukmin itu adalah bersaudara..."

■ **Mohd Anuar Tahir ialah Setiausaha Agung AMANAH.**

## Prospek order lama lwn order baru

**PRU** semakin hampir, sementara ramai yang menunggu tarikh pembubaran, permasalahan sebenarnya tidak berhenti dengan pembubaran dan tarikh mengundi.

Isu sebenarnya jauh lebih kritikal, ia tentang masa depan negara dan masa depan peluang politik baharu muncul memimpin. Dengan kata lain ia adalah pertembungan order lama lwn order baru.

### WACANA ORDER BARU

Perubahan yang dilaungkan dalam hampir semua wacana pembangkang selama ini perlu diambil secara serius oleh rakyat Malaysia. Ia bukan wacana menonjolkan parti-parti pembangkang tetapi jauh lebih besar ialah menonjolkan order baru lewat ide-ide baru yang segar untuk negara ini melonjak ke hadapan.

### BN ORDER LAMA

Perubahan adalah tentang ide, walaupun ide baru bukan hak cipta terpelihara pembangkang, namun keperluan untuk ide ini dikembangkan dan dilaksanakan memerlukan parti yang meyakinkannya dan memperjuangkannya bukan hanya 'lips service' untuk kekal berkuasa tanpa memupuk dan



PENDAPAT  
DR MUJAHID RAWA

merangkulinya.

BN sudah berkuasa hampir 50 tahun namun pemikiran barunya kehilangan momentum kerana keinginan kekal berkuasa lebih utama kepadanya daripada memperkenalkan ide baharu.

Bebanan sejarah lampau BN, khususnya Umno terlalu berat untuk dibawa bersama dengan ide yang segar dan baru sedangkan pembangkang dalam gabungan PH (Pakatan Harapan) lebih selesa membawa ide baharu untuk negara.

### TUN M ORDER LAMA?

Ada yang berpendapat PPBM pimpinan Tun Mahathir adalah bebanan lampau dan kekok membawa ide baharu. Sementara kenyataan itu ada

kebenarannya, namun bebanan itu diimbangi dengan kesegaran ide rakan komponen dari Keadilan, AMANAH dan DAP yang membuktikan komitmen mereka kepada memberi ruang politik baharu.

Ia adalah kemenangan kepada politik baharu sebenarnya kerana PPBM dan Tun Mahathir memilih untuk bersama ide baharu dan pemikiran baharu. Tun Mahathir boleh sahaja memilih untuk kekal bersendirian seperti Pas tetapi beliau dan PPBM memilih untuk bersama pakej politik baharu dan sedar bahawa pilihannya itu bermakna 'melawan' idenya sendiri semasa negarawan itu mewakili order lama.

### IMPLIKASI KEGAGALAN ORDER BARU

Segala poin di atas membawa kepada persoalan lain yang lebih kritikal; apa akan jadi jika politik order baru PH gagal menang dengan politik order lama BN?

Kekalahan order baru PH pasti membawa mesej yang menyedihkan bahawa rakyat belum bersedia memasuki order baru. Ini bermakna Malaysia akan ketinggalan berbanding negara jirannya di Indonesia, Thailand, Filipina dan lain-lain negara yang sudahpun

memasuki order baharu politik.

Kegagalan Malaysia memasuki fasa order baru juga membawa makna bahawa PH belum cukup kekuatan untuk meyakinkan rakyat Malaysia tentang hasratnya dan manifestonya.

Ini juga membawa mesej bahawa sepenggal lagi usaha memenangkan politik baharu akan berhadapan dengan lebih tekanan daripada order lama menyekat perubahan yang sepatutnya sudah lama berlaku.

Order lama akan lebih tertumpu untuk mengekang kebangkitan order baru dan secara implikasinya negara ini akan terus dilitupi awan mendung. Demokrasi terjejas manakala salah guna kuasa akan terus bermaharajalela, tanda kediktatoran bukan lagi mungkin tetapi pasti.

Demikianlah bagaimana PRU ke-14 begitu bermakna kepada seluruh rakyat Malaysia. Ia bukan pertembungan BN lwn PH tetapi order lama lwn order baru. Pilihan di tangan rakyat!

■ **Datuk Dr Mujahid Yusof Rawa ialah Naib Presiden AMANAH dan Ahli Parlimen Parit Buntar.**



# Cukup-cukuplah Arul bela 1MDB

**M**ELIHAT kepada latarbelakang Arul Kanda, beliau nampak seorang yang bijak. Tetapi bila saya mendengar ucapannya dalam video yang diviralkan baru-baru ini, saya rasa kepandaiannya pun tak mampu untuk pertahankan syarikat yang orang putih kata, "beleaguered company" (syarikat bermasalah) seperti 1MDB.

Beliau kata 1MDB sekarang ada baki hutang sebanyak RM31 bilion tetapi nilai aset 1MDB kini pula adalah sebanyak RM43 bilion. Jadi aset melebihi hutanglah. Secara tersirat dia nak kata 1MDB tak ada masalah!

Sekali pandang macam OK kan. Cuma yang dia gagal terangkan fakta yang 'crucial' adalah kenapakah hutang 1MDB menimbun hingga RM31 bilion? Dan yang dia juga gagal terangkan adalah bagaimana 1MDB dapat kesemua aset itu?

Dan dia juga gagal bagi tahu 1MDB guna duit siapa untuk bayar semua hutang yang menimbun itu? Guna wang poket peribadi MO1 atau guna wang saku Jho Low atau wang simpanan Reza Aziz kah?

Kita ambil contoh tanah 70 ekar di TRX (Tun Razak Exchange) di tengah bandaraya yang dilaporkan dibeli pada tahun 2011 dengan begitu murah oleh 1MDB iaitu dengan harga RM64 kaki persegi sahaja. Tetapi bila dijual kepada TH (Tabung Haji), dua keping tanah yang bersaiz 5 ekar dijual pada harga RM772 juta iaitu pada kadar antara RM2,860 hingga RM3,900 sekaki persegi.

Nak tanya sikit. Bila TH beli tanah dengan harga yang cukup tinggi itu, bukankah ia guna wang pendeposit atau wang rakyat? Kamu boleh bercakap apa sahaja Encik Arul, tapi bagi rakyat pembelian oleh TH itu secara jelas adalah satu 'bailout'! Titik.

Lagi satu, saya hendak bertanya Encik Arul. 1MDB, kamu kata, hutang hanya RM31



bilion. Baiklah. Isunya hutang sebanyak itu untuk bantu rakyat miskin atau untuk manfaat mereka kah?

Boleh terang sikit bagaimanakah pembelian harta-harta mewah seperti jet peribadi, kapal layar mewah, lukisan mewah, apartment mewah, hadiah barang kemas mewah kepada model, beli belian permata, sponsor filem Hollywood tu bermanfaat kepada pak Abu, mak cik Timah, pak cik Raju atau pak cik Ah Seng kat kampung, yang sedang berpayah bayar GST setiap hari.

Maaf Encik Arul. Kamu mungkin boleh puas hatikan 'puak itu' dalam masa dua jam sahaja. Dengan kami, dua kurun kamu terangkan pun, maaflah... kami tak akan puas hati.

\*\*\*

## MAKIN RAMAI YANG TAK CERDIK ULAS ISU 1MDB

SAYA betul-betul hairan mengapa lah bila tiba isu 1MDB, ramai orang yang tiba-tiba jadi tak begitu cerdik.

Saya baru membaca wawancara Majalah Tempo Indonesia dengan Duta Besar Malaysia (dulu pernah sertai Keadilan). Dia dilaporkan berkata antara lain, jika FBI kata 1MDB melakukan pengubahan wang haram (money laundering) mengapakah Arul Kanda tidak diperiksa?

Dia juga kata berdasarkan informasi yang kami dapat, kapal Equanimity bukan milik Jho Low. Saya pula kata kongsilah informasi itu jika betul ada. Jika tak mahu kongsi,

**“Bapak Duta juga kata Kapal Equanimity itu bukan milik Jho Low. Jika bukan milik Jho Low awatlah sebelum ini beliau begitu sibuk buat komen ke atas rampasan kapal tu melalui jurucakap beliau. Dan tidak adapun dalam kenyataan beliau itu menafikan yang beliau adalah pemilik kapal Equanimity itu? Yang sibuk kata kapal itu bukan milik Jho Low setakat ini menteri BN dan kini bapak duta pula. Tak pelik ke bapak?”**

nanti orang lain pun boleh kata berdasarkan informasi mereka, bapak ini temberang!

Yang lagi hebat, dia juga kata tiada kes dalam isu 1MDB. Alasannya polis, SPRM dan Peguam Negara telah selidiki dan tak jumpa apa-apa penipuan. Tak jumpa ke atau tak mahu jumpa? Depa selidik apa kita pun tak tahu.

Maaflah, saya kena jawab sikitlah. Yang pertama, dia kata Arul Kanda tak diperiksa oleh SPRM. Kena tengok dulu tarikh yang relevan bapak duta. Bila Arul dilantik dan bila pula tarikh yang dinyatakan dalam saman sivil DoJ ke atas 1MDB?

Berdasarkan kertas saman DoJ, dari tahun 2009 membawa kepada tahun 2015, lebih dari USD4.5 bilion dalam tabung 1MDB didakwa telah disalahguna oleh para pegawai tinggi (high officials) 1MDB dan rakan kongsi mereka (their associates).

Sedangkan berdasarkan kenyataan akhbar dari 1MDB sendiri, Arul Kanda hanya dilantik sebagai Presiden dan Kumpulan Pengarah Eksekutif 1MDB pada 5 Jan 2015 menggantikan Mohd Hazem Abd Rahman. Jadi logiknya dari 2009-2014, Arul Kanda tak relevan pun kerana belum dilantik oleh 1MDB.

Hatta pada tahun 2015, jika dah dilantik pun, bukan Arul tak dipanggil tapi belum

dipanggil untuk diperiksa. Sabarlah Bapak Duta. Kini kes DoJ juga dah jadi kes jenayah, jadi sabar sikit ya bapak. Siasatan ini orang kata, adalah proses berterusan. Jangan ingat FBI dan DoJ ni bodoh!

Bapak Duta juga kata Kapal Equanimity itu bukan milik Jho Low. Jika bukan milik Jho Low awatlah sebelum ini beliau begitu sibuk buat komen ke atas rampasan kapal tu melalui jurucakap beliau. Dan tidak adapun dalam kenyataan beliau itu menafikan yang beliau adalah pemilik kapal Equanimity itu? Yang sibuk kata kapal itu bukan milik Jho Low setakat ini menteri BN dan kini bapak duta pula. Tak pelik ke bapak?

Polis, SPRM dan Peguam Negara tak jumpa penipuan dalam 1MDB. Tak jumpa atau tak mahu jumpa? Pelik juga kata tak jumpa penipuan 1MDB, tapi mantan Peguam Negara diarah letak jawatan, pegawai SPRM letak jawatan, TPM diarah berhenti, anggota-anggota PAC dari Umno-BN dinaikkan pangkat menjadi Timbalan Menteri.

Di Parlimen, soalan tentang 1MDB banyak yang ditolak. Logiknya jika macam itu, macam manalah nak jumpa bapak?

**Mohamed Hanipa Maidin ialah Ketua Biro Undang-undang (Kanun) AMANAH dan Ahli Parlimen Sepang.**

## Mahfuz dan cerita mamak penjual roti

Oleh **HAYAR HASSAN**

**SETELAH** menunggu begitu lama, akhirnya Ahli Parlimen Pokok Sena, Datuk Mahfuz Omar mengakhiri juga status ahli parlimen Bebas. Tanggal 15 Mac 2018 lalu, beliau bersama dengan mantan Pesuruhjaya Pas Negeri Sembilan, Dr Rosli Yaakop mengisytiharkan menyertai AMANAH.

Mereka berdua bukanlah ahli biasa Pas. Mahfuz pernah menyandang Naib Presiden Pas, Ketua Pemuda Pas, Pesuruhjaya Pas Kedah dan Ahli Jawatankuasa

Pas Pusat Pas untuk beberapa waktu.

Dr Rosli pula pernah dilantik Pengarah Urusan Harakah dan ahli jawatankuasa pusat.

Pada sidang media 15 Mac lalu, Mahfuz menyatakan hasrat ingin mencontohi tradisi mamak penjual roti apabila ingin berhenti berjualan. Mamak penjual roti apabila ingin pulang ke India akan membawa berkeliling kampung bakal penggantinya yang akan meneruskan bisnes penjualan rotinya.

Itulah yang akan dilaksanakan oleh Mahfuz seandainya dirinya tidak

lagi dicalonkan oleh AMANAH di kerusi Parlimen Pokok Sena dalam PRU14 nanti.

Ini adalah gerak kerja dan niat yang baik yang telah ditunjukkan oleh seorang pemimpin yang baik dan berjiwa rakyat. Beliau tidak meletakkan sebarang syarat untuk masuk AMANAH, hatta rela melepaskan menjadi calon pilihan raya walaupun dirinya sekarang adalah penyandang Ahli Parlimen Pokok Sena!

Keberadaan Mahfuz dalam AMANAH pada pendapat saya adalah sesuatu yang tepat pada waktunya (timely), khususnya

untuk kelangsungan kempen-kempen PH menjelang PRU14. Seperti yang kita maklumi, ulasan-ulasan beliau berkaitan isu-isu ekonomi, politik dan pentadbiran kerajaan BN amat bernas dan mudah difahami oleh semua pendengar.

Seloka dan sindiran yang beliau lontarkan pastinya akan menarik perhatian semua orang. Yang jelasnya beliau mampu mengawal emosi dan bijak memberikan komen.

AMANAH Kedah khususnya amat memerlukan kehadiran Mahfuz apatah lagi beliau pernah

menjawab Pesuruhjaya Pas Kedah untuk beberapa waktu dan sudah berkhidmat sebagai Ahli Parlimen Pokok Sena selama tiga penggal.

Tahniah sekali lagi kepada Mahfuz Omar kerana anda telah membuat keputusan yang tepat menyertai AMANAH dan masih bersama dengan PH. Anda tidak silap seperti orang lain yang masih tetap mahu menjadi ahli Pas walaupun arah perjuangannya bersimpang siur dan jadi tak ketahuan arah.

**Penulis ialah aktivis AMANAH.**





# Warga Felda Besout sambut kehadiran pemimpin PH

PAKATAN HARAPAN  
JELAJAH  
PAKATAN HARAPAN



Oleh ARIF ATAN  
Foto WAN ZAHARI WAN SALLEH

**TANJUNG MALIM:** Sambutan hangat masyarakat setempat di Felda Besout 1, dekat sini dalam Jelajah Pakatan Harapan (PH) 16 Mac lalu menggambarkan perubahan sikap peneroka Felda terhadap politik negara.

Malah kehadiran ribuan penduduk di majlis ceramah perdana PH mengundang kehairanan Pengerusi PH Tun Dr Mahathir Mohamad apatah lagi ia diadakan di kawasan penempatan Felda.

Walau bagaimanapun, beliau menganggap kehadiran orang ramai itu sebagai tanda rakyat peduli dengan situasi luar biasa yang berlaku di negara ini.

"Saya hairan kenapa begini ramai orang datang? Pilihan raya belum ada lagi.

"Tapi kita begitu berminat dengan keadaan negara kita sehingga kita sanggup berkumpul begini ramai di sini.

"Alhamdulillah, negara kita mempunyai rakyat yang prihatin. Mereka sedar bahawa keadaan di negara kita luar biasa pelik," ujarnya.

Turut hadir berucap pada malam itu Presiden PH Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan Timbalan Presiden PH Mohamad Sabu.

Hadir sama Pengerusi AMANAH Perak Asmuni Awi dan para pemimpin PH negeri.

Tun Mahathir menambah, urus tadbir Malaysia yang begitu buruk pada masa ini menyebabkan parti pembangkang berkempen berbulan-bulan sebelum pilihan raya.

"Kalau dulu kita tunggu pilihan raya diisytihar, baru kita berkempen. Kenapa? Kita prihatin dan sedar akan masalah negara kita. Kita nak

betulkan keadaan negara ini.

"Sebab itulah saya yakin ramai yang hadir pada malam ini," katanya disambut tepukan gemuruh orang ramai.

Tinjauan mendapati lokasi dataran lapang tidak jauh dari pintu gerbang Felda Besout 1 dipenuhi keluarga peneroka tanah rancangan itu selain penduduk sekitar.

Mereka terdiri daripada pelbagai lapisan usia dengan sebahagiannya terpaksa berdiri mengikuti siri ceramah oleh pemimpin tertinggi PH di peringkat nasional dan negeri itu.

Selanjutnya, Tun Mahathir menegaskan keadaan cukup pelik di negara ini apabila pemimpin yang dipilih untuk mentadbir negara mengikut undang-undang negara bertindak sebaliknya.

Pengerusi PPBM itu turut mengulangi kembali reaksi Najib Razak kepadanya sebelum ini yang menganggap duit mampu membeli sokongan rakyat (*cash is king*).

"Kuasa yang dapat pada perdana menteri diguna untuk mencuri duit. Ini pelik sekali. Saya jumpalah Datuk Seri Najib kerana banyak orang desak saya supaya nasihat Datuk Seri Najib.

"Saya cubalah nasihat Datuk Seri Najib tetapi dia katakan kepada saya tak payah berkhidmat untuk rakyat.

"Kalau kita ada duit kita boleh beli rakyat. Dalam pilihan raya kita bagi duit, rakyat akan sokong kita. Itulah pendapat Datuk Seri Najib," ujarnya.

Walaupun begitu, Tun Mahathir tahu perdana menteri tidaklah mempunyai banyak wang memandangkan gaji yang diperoleh adalah kecil.

"Saya pun tahu gaji perdana menteri tak besar. Dia nak bagi duit kepada berjuta-juta orang. Nak cari duit di mana?

"Saya pun hairan rupanya-rupanya dia nak curi duit. Sebab itulah dia tubuh syarikat 1MDB (1Malaysia Development Berhad). Syarikat ini pinjam RM42 bilion," jelasnya.

Beliau kemudiannya menggunakan contoh muatan lori kecil yang dianggap boleh memuatkan wang berjumlah RM1 juta ringgit untuk memberi gambaran lebih jelas tentang wang yang kemudiannya diseleweng oleh Najib.

"Payah kita nak fikir nilai RM42 bilion. Saya nak cuba ukur banyak mana RM42 bilion. Kalau kita fikir satu juta ringgit boleh diisi dalam sebuah lori kecil, RM42 bilion bermakna 42,000 lori kecil.

"Bukan main banyak dia (Najib) pinjam. Takpalah. Saya ingat dia dapatkan keuntungan bagi negara. Rupa-rupanya bukan nak melabur, nak mencuri. Inilah yang dilakukan Datuk Seri Najib," selar Tun Mahathir.

Beliau turut menyifatkan negara luar tidak pernah mengaitkan skandal kehilangan dana awam dengan kepimpinan Perdana Menteri terdahulu termasuk semasa beliau di jawatan itu selama 22 tahun sejak 1981.

"Ramai daripada kita tak begitu terasa duit kita hilang kerana menganggap perdana menteri tentulah curi duit. Dr Mahathir dulu pun tentu curi duit. Itu cerita orang.

"Dulu dunia tak pernah kata perdana menteri Malaysia curi duit waktu saya, Tun Hussein, Tun Razak, Tunku Abdul Rahman.

"Pernahkah kita dengar kapal layar bernilai satu bilion ringgit dirampas oleh Amerika Syarikat? Tidak ada. Baru kali ini kita dengar Indonesia rampas," katanya lagi.



Sebahagian daripada warga Felda Besout 1, Tanjung Malim yang menghadiri ceramah PH.



Para peneroka Felda daripada pelbagai lapisan usia mengikuti ceramah PH.





Mencari kedudukan paling selesa bagi mengikuti ceramah pemimpin PH.



Mohamad berucap menjelaskan perkembangan politik semasa.



Ucapan Tun Mahathir ditunggu-tunggu hadirin.



Dr Wan Azizah bersalaman dengan hadirin setibanya di tapak ceramah.



Merakam kenangan dengan telefon pintar.

**PROMOSI TERBARU!!**

**JOM IKLAN DENGAN MINGGUAN AMANAH**

— SERENDAH (SATU MUKA) —

**RM 500**

**TEMUI 50 RIBU PEMBACA ANDA SEKARANG**

**APA YANG ANDA AKAN DAPAT JIKA BERIKLAN DENGAN KAMI?**

- 1) Mencapai pembaca sehingga ke Singapura, Sabah dan Sarawak.
- 2) Percuma **Mingguan AMANAH** setiap keluaran.

**UNTUK TEMPAHAN ATAU MAKLUMAT LANJUT:**  
 WhatsApp **011 32334322 (EN HAKIM)**



**10** Najib perlu selesai masalah air Pahang



**14** Dulu potong subsidi, kini anjur jualan murah

**23** Kenapa takut dengan laporan Unicef?



Mahkamah terima injuksi pentaga halang roboh pasar

ms 26

PP18978/03/2016(034450)

# Amanah Mingguan

**WAKTU SOLAT**  
BAGI ZON KUALA LUMPUR DAN KAWASAN-KAWASAN YANG SEWAKTU DENGANNYA

TARIKH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
25.03.18	5:50	6:00	7:15	1:22	4:25	7:25	8:34
26.03.18	5:50	6:00	7:14	1:22	4:24	7:25	8:34
27.03.18	5:49	5:59	7:14	1:21	4:23	7:24	8:33
28.03.18	5:49	5:59	7:14	1:21	4:22	7:24	8:33
29.03.18	5:49	5:59	7:13	1:21	4:21	7:24	8:33
30.03.18	5:48	5:58	7:13	1:21	4:20	7:24	8:33
31.03.18	5:48	5:58	7:12	1:20	4:21	7:24	8:33

BIL 95 | 25 - 31 MAC 2018

# 4 PJ PAS NS SERTAI AMANAH

**DENGAN** kemasukan Dr Rosli Yaakub ke dalam AMANAH 16 Mac lalu, seramai empat bekas Pesuruhjaya Pas Negeri Sembilan telah meninggalkan parti itu menyertai AMANAH.

Dr Rosli, bekas pengarah urusan Harakah menyertai AMANAH bersama bekas naib presiden Pas, Datuk Mahfuz Omar.

Selain Dr Rosli yang menjadi pesuruhjaya Pas Negeri Sembilan 2005-2006, turut serta menyertai AMANAH di negeri itu adalah MK Ibrahim Abdul Rahman yang dilantik Pesuruhjaya Pas pada tahun 1999-2001; Zulkefly Mohd Omar (2004-2009) dan Taufiq Abdul Ghani (2009-2014).



4 bekas Pesuruhjaya Pas Negeri Sembilan kini bersama AMANAH. Mereka berkumpul bersama Presiden AMANAH, Mohamad Sabu baru-baru ini.

## NGO dakwa Pas hina sultan

**GABUNGAN** badan bukan kerajaan (NGO) membuat laporan polis 17 Mac lalu mendakwa Pas menghina Sultan Selangor dan mempertikaikan kedudukan baginda sebagai ketua agama Islam di negeri itu.

Laporan itu dibuat ekoran doa yang dipimpin oleh Timbalan Ketua Dewan Ulamak Pas Selangor, Ahmad Dusuki Abd Rani pada 17 Mac lalu.

Wakil gabungan 10 pertubuhan itu, Ishak Harun berkata, kandungan doa tersebut yang disiarkan secara langsung melalui Facebook Pas Selangor itu turut mempertikaikan kedudukan Sultan dan institusi Islam.

Intipati doa itu adalah:

"Kami memohon, mengadu kepada-Mu Ya Allah betapa lamanya bumi Selangor ini dijajah dengan suasana yang tidak (dengan) cara agama.

"Hanya kami membawa ajaran-Mu ini Ya Allah. Jika kamu rebahkan kami, siapa lagi yang mampu untuk membawa agama-Mu ini. Hanya kami daripada Parti Islam Se-Malaysia, Pas, membawa ajaran agama-Mu."



Laporan penuh muka 8

**EZKEMBARA**  
NO. 107/LH : 6574

TAWARAN ISTIMEWA & 2017

**PROMOSI**

**TURKI**

30 NOV - 9 DIS 2017  
BERMULA RM4,199 ALL IN

07 - 16 FEB 2018 | NOVEMBER | DISEMBER  
BERMULA RM4,100 ALL IN

13 - 22 APRIL 2018  
TURKI  
BERMULA RM3,899 ALL IN

21 - 30 JUN 2018  
TURKI  
BERMULA RM4,100 ALL IN

OCTOBER  
TURKI  
BERMULA RM4,100 ALL IN

**SEOUL**

09 - 13 NOV 2017  
BERMULA RM3,150 ALL IN

13 - 22 APRIL 2018  
SEOUL  
BERMULA RM3,150 ALL IN

01 - 05 FEB 2018 | 08 - 12 FEB 2018 | 01 - 05 MAC 2018  
BERMULA RM2,990 ALL IN

**PELBAGAI DESTINASI MENARIK!**

**PAKEJ UMRAH**

TARIKH	HARGA (RM)	HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
13 - 24 DIS 2017	DEWASA: 7,150 KANAK*: 6,800	MEKAH	MADINAH
17 - 28 JAN 2018	6,890   6,590	MEKAH AT-TAQWA 200-300M	MADINAH CONCORDE HOTEL 150M
01 - 12 FEB 2018	6,890   6,590		
01 - 12 MAC 2018	6,890   6,590		
04 - 15 APRIL 2018	6,890   6,590		

TARIKH	HARGA (RM)	HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
18 - 28 FEB 2017	DEWASA: 6,790 KANAK*: 6,490	MEKAH	MADINAH
18 - 29 APRIL 2018	5,890   5,590	MEKAH LULU'AT 400-600M	MADINAH CONCORDE 150M

HUBUNGI  
**+603 - 6184 1542**